

[Dokumen ini belum disemak]

PARLIMEN KESEBELAS**PENGGAL PERTAMA****MESYUARAT KETIGA**

Bil. 63**Isnin****6 Disember 2004**

K A N D U N G A N**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT** (Halaman 23)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2005

Jawatankuasa:-**Jadual:-**

Maksud B.61

(Halaman 30)

Maksud B.62

(Halaman 74)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.61

(Halaman 30)

Maksud P.62

(Halaman 74)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 6 Disember 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh Tun Said [Kota Belud]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah jemaah yang gagal menunaikan fardu haji kerana masalah visa pada tahun 2003 dan adakah mereka diberi jaminan untuk pergi pada tahun 2004.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Tabung Haji, tiada jemaah haji yang gagal menunaikan haji kerana masalah visa pada tahun 2003. Walau bagaimanapun, apabila Kerajaan Arab Saudi menguatkuasakan kuota haji pada tahun 2004, seramai 20,628 orang jemaah haji daripada Malaysia gagal untuk menunaikan haji pada tahun tersebut. Kesemua jemaah haji tersebut diberi jaminan dan keutamaan untuk menunaikan haji pada tahun 2005. Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seperti mana jawapan yang diberikan oleh pihak kerajaan, 26,000 jemaah haji tidak dapat menunaikan fardu haji kerana tiada kuota. Tetapi, yang menghairankan apabila agensi-agensi lain selain daripada Tabung Haji, mereka boleh dapat kuota sehinggalah ada menggunakan kuota dari negara jiran.

Persoalan saya, di Sabah banyak yang mahu menunaikan haji, mereka ini diberi tarikh tahun bila mereka mahu naik haji. Ada hingga tahun 2007, 2008. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hairan. Kalau kita boleh tentukan tahun-tahun, lima tahun, tiga tahun, orang yang mahu menunaikan haji ini, umur sudah lanjut. Bolehkah kita jamin mereka boleh sampai ke tahun yang ada. Jadi, kita mahu supaya kerajaan mungkin dengan kerjasama Kerajaan Arab Saudi minta supaya sesiapa yang mahu naik haji pada tiap-tiap tahun diberi kuota untuk mereka pergi.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Tuan Yang di-Pertua, kuota adalah merupakan suatu ketetapan yang telah ditetapkan oleh Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) iaitu setiap negara mendapat hanya 0.1% sahaja. Jadi, Malaysia telah ditetapkan sebanyak di sekitar 25,000 setiap tahun.

Jadi, soal ada yang mengatakan bahawa dia boleh menawarkan untuk mengerjakan haji pada tahun 2006, 2007 itu di luar daripada kuasa yang diberikan kepada Tabung Haji. Jadi, masalah sama ada janji-janji itu dapat ditunaikan ataupun tidak, saya rasa jangan *blame* kepada Tabung Hajilah. Maknanya, kalau hendak percaya ataupun tidak tetapi yang pastinya ialah kuota itu diperuntukkan sebanyak yang tersebut. Tetapi saya suka menyatakan pada tahun ini, semua yang tidak dapat mengerjakan haji seramai 20,000 lebih itu telah pun disenaraikan untuk mengerjakan haji. Tidak ada masalah. Sekian, terima kasih.

Datuk Salleh bin Tun Said [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin tahu berapa ramaikah jumlah haji pada tahun ini dan adakah benar bahawa di Mina, jumlah penginapan yang diperuntukkan kepada negara Malaysia hanya sekadar 40,000 orang sahaja dan pada kali ini, jemaah yang pergi ke Mekah ada 50,000 orang. Jika ini benar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin: Kuota ialah 25,000. Saya tidak tahulah, maknanya Yang Berhormat mengatakan lebih daripada angka yang tersebut. Tetapi, angka yang rasmi pada kita ini ialah 25,000 sebagaimana yang telah ditetapkan oleh OIC iaitu 0.1%. Negara Arab Saudi sangat memandang berat kepada kuota ini kerana kemampuan untuk tinggal di Mina ialah 2.3 juta sahaja. Itu suatu *problem* yang dihadapi, sebab itulah mengenakan kuota tersebut. Tetapi, saya rasa dengan jawapan itu jelas bahawa angka rasmi kita ini ialah 25,000 sahaja. Sekian.

2. **Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mempercepatkan proses bayaran pampasan SOCSO kepada pekerja-pekerja dan sejauh manakah keberkesanannya.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab, saya ingin terangkan bahawa Tuan

Yang di-Pertua silap sedikit. Itu bukan Yang Berhormat Puan Lim Bee Kau, itu Yang Berhormat Miss Lim Bee Kau.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: *[Senyum]*

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Cik, cik. Lebih mudah sedikit cik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat. *[Dewan gamat seketika]*

Seorang Ahli: Kacaulah!

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang telah dan akan terus diambil oleh PERKESO untuk mempercepatkan proses bayaran tuntutan faedah kepada mereka yang layak. Di antara usaha-usaha yang telah diambil adalah:

- (i) meningkatkan keupayaan sistem komputer PERKESO;
- (ii) menambah anggota penyiasatan bagi menentukan kesahihan maklumat yang dikemukakan oleh pihak yang menuntut dan majikan;
- (iii) menyediakan garis panduan pentafsiran 'hilang upaya' untuk rujukan jemaah doktor supaya pentafsiran 'hilang upaya' dapat dibuat secara tepat, konsisten, objektif dan menyeluruh. Ini akan memberikan bilangan kes yang perlu dirujuk kepada jemaah doktor rayuan dikurangkan; dan
- (iv) menyediakan garis panduan berkaitan dengan pentafsiran 'bencana kerja' untuk memudahkan penentuan kelayakan mendapatkan faedah PERKESO.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh purata memproses tuntutan faedah hilang upaya sementara telah dipendekkan dari 14 hari pada tahun 2002 kepada 9 hari pada tahun 2003. Ini adalah jauh lebih cepat berbanding dengan tempoh 30 hari yang dijanjikan dalam Piagam Pelanggan PERKESO. Malah, 89% daripada tuntutan faedah hilang upaya sementara dapat dibayar dalam tempoh tujuh hari apabila dokumen lengkap diterima.

Di samping itu, selaras dengan komitmen PERKESO untuk mempercepatkan lagi proses tuntutan faedah, PERKESO mulai 23 Julai tahun ini, telah menetapkan satu komitmen baru iaitu untuk menyelesaikan bayaran faedah pengurusan mayat dan

faedah hilang upaya sementara dalam tempoh tiga hari bekerja selepas tuntutan lengkap pampasan tersebut diterima oleh PERKESO.

Puan Lim Bee Kau [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri sebab semenjak beliau menerajui kementerian itu, kita lihat banyak perkembangan dalam SOCSO ini. *[Dewan gamat seketika]*. Jadi, saya ucapkan tahniahlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya cik, ya cik. *[Ketawa]*

Puan Lim Bee Kau: Soalan tambahan saya ialah, berkenaan dengan pelaksanaan kementerian berkenaan dengan ingin melaksanakan bayaran dalam tiga hari, saya dapati bahawa ini satu cadangan yang baik tetapi sama ada kementerian boleh melaksanakan dalam masa yang singkat ini.

Satu lagi yang saya ingin bertanya ialah berkenaan dengan pengumuman yang telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *pre-medical check-up* untuk ahli-ahli yang sampai umur 40 tahun. Saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Jadi, soalan saya ialah bilakah rancangan ini dapat dilaksanakan? Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih Yang Berhormat Cik Lim Bee Kau. *[Ketawa]*. Pertama, memang adalah komitmen pihak PERKESO untuk memproses dan membayar bayaran untuk faedah pengurusan mayat dan faedah hilang upaya sementara dalam tempoh tiga hari, oleh kerana keperluan itu adalah merupakan keperluan yang penting khususnya keluarga yang memerlukannya untuk pengurusan mayat dan sebagainya.

Tempoh dalam tiga hari itu dapat dilaksanakan kerana kita laksanakan satu dasar di mana sekiranya pihak si pemohon itu boleh sains satu *statutory declaration* dengan izin, di mana kejadian itu telah berlaku dengan sijil-sijil yang lengkap dan dengan itu kita boleh bayar. Selepas itu, baru sahaja kita sempurnakan semua dokumen yang lain itu.

Berkaitan dengan *pre-medical check-up* itu, ini adalah satu langkah yang akan diambil oleh pihak PERKESO sebelum pertengahan tahun hadapan. Demi untuk menjaga kebajikan para pekerja, PERKESO rasa ini adalah penting kerana ada banyak simptom-simptom berkaitan dengan darah dan sebagainya boleh didapati awal sekiranya ada *pre-medical check-up* seperti itu. Dengan itu, bukan sahaja akan memanfaatkan para pekerja itu tetapi juga akan memanfaatkan PERKESO kerana

PERKESO dapat kurangkan bayaran selepas itu. Jadi, saya yakin skim itu akan dilaksanakan mula-mula secara *trial* sebelum pertengahan tahun hadapan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ucap tahniahlah, nampaknya daripada jawapan ada *improvement* daripada kementerian semua tuntutan oleh PERKESO mengenai SOCSO. Tetapi apabila Yang Berhormat Menteri berkata bahawa piagam pelanggan ialah bahawa untuk selesai semua perkara dalam 30 hari bukan *average* diselesaikan dalam 30 hari, tetapi semua kes tuntutan patut diselesaikan dalam tempoh 30 hari, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu bilangan angka-angka tahun ini, tahun lepas berapa kes yang mengambil masa lebih daripada 30 hari dan apa tindakan diambil supaya piagam pelanggan *charter* itu akan ditunaikan di mana semua kes akan diselesaikan dalam 30 hari dan bukan sahaja purata 14 hari atau 9 hari seperti yang disebut tadi.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan kes yang tidak boleh diselesaikan dalam 30 hari, memang ada kes-kes yang rumit di mana dengan bersungguhan pun tidak boleh diselesaikan dalam tempoh 30 hari, ini adalah kerana ada kes-kes yang berkaitan dengan tafsiran oleh pakar *medical*, umpamanya berkaitan dengan kehilangan keupayaan kekal dan sebagainya, ini perlu penyiasatan lanjutan oleh pakar-pakar perubatan khususnya di mana ada *inconsistent cases*, dengan izin.

Namun demikian, saya akan berjanji dengan Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pihak PERKESO akan terus bekerja dengan lebih kuat supaya semua kes ini dapat diselesaikan secepat mungkin, kalau ia perlu dirujuk kepada Jemaah Rayuan, kita akan buat secepat mungkin dalam satu masa yang tersingkat sekali demi untuk kepentingan pekerja.

3. Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah faktor yang menyebabkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terhadap guna tenaga di Malaysia hanya 3.1% sahaja berbanding negara Asia yang lain seperti Jepun dan Taiwan yang melebihi 6.5%.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Mah Siew Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Angka 3.1% sumbangan enterprise kecil dan sederhana (EKS) terhadap guna tenaga yang diberi oleh Ahli Yang

Berhormat adalah tidak tepat. Menurut Laporan Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) 2003 EKS telah menyumbang sebanyak 32.5% kepada jumlah tenaga dalam sektor perkilangan.

Memandang definisi EKS yang diguna pakai oleh negara-negara lain adalah berbeza, sumbangan EKS dari segi guna tenaga tidak boleh dibuat perbandingan, misalnya di Malaysia, EKS di sektor perkilangan didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang dan nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta, sebaliknya di Jepun EKS didefinisikan sebagai syarikat yang mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 300 orang, manakala di Taiwan kurang daripada 200 orang.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa di Malaysia bagi tahun 2003 selain daripada guna tenaga EKS telah menyumbang 29.1% kepada pengeluaran sektor perkilangan dan 26.1% kepada nilai tambah atau *value added* sektor perkilangan. Terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta maaf kerana tersilap *point* itu, perpuluhan itu. Soalan tambahan saya, adakah MITI pernah menyiasat kenapa berlakunya pinjaman melebihi had yang ditentukan oleh kementerian dan menyiasat syarikat yang mendapat kemudahan IKS berulang, sebagai contoh Angkasa Teras Sendirian Berhad yang sepatutnya had pembiayaan cuma RM1 juta memperoleh RM1.5 juta, kemudian Profen Sdn. Berhad iaitu hadnya RM2.5 juta mendapat RM5 juta dan juga syarikat yang mendapat kemudahan yang berulang sebagai contoh Menara Kerjaya Faster Sdn. Berhad mendapat dua kali, S&Y Metal Stamping mendapat dua kali iaitu pada 5 April dan juga pada 29 Julai.

Kemudian Season Air mendapat dua kali iaitu pada 15 April dan 10 Julai. Saya bimbang kalau kementerian tidak serius menyiasat perkara ini, saya bimbang berlakunya unsur penyelewengan dalam sistem penyampaian. Saya mohon maklumat. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Dalam prosedur kita, bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2, jumlah pembayar maksimum adalah RM3 juta untuk satu syarikat dan dalam Tabung Usahawan Baru 2 jumlah pembayaran maksimum bagi setiap pelanggan adalah RM5 juta.

Jadi, seperti syarikat-syarikat Yang Berhormat sebutkan tadi, telah berulang kali mendapat pinjaman yang berlebihan, pada masa ini saya tidak ada data, jika Yang Berhormat dapat memberi butirannya, saya akan memberi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, daripada sebahagian besar EKS yang beroperasi di Malaysia, berapa peratuskah daripadanya yang dimiliki oleh syarikat-syarikat Malaysia dan berapa peratuskah yang dimiliki oleh syarikat asing, kerana saya difahamkan syarikat-syarikat multi nasional ini, apabila mereka melabur ke negara kita, mereka juga membawa bersama vendor-vendor atau pembekal-pembekal ke negara kita untuk membekalkan kepada syarikat-syarikat asing. Terima kasih.

Dato' Mah Siew Keong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak memberi maklum kepada Dewan yang mulia ini, bahawa kementerian kita menyediakan banyak fasiliti untuk EKS dan SMI. Tetapi dalam syarat kelayakan kita, seperti pinjaman-pinjaman *soft loan* dan pinjaman-pinjaman lain, kita ada syarat bahawa hak milik warganegara Malaysia adalah sekurang-kurangnya 51%, jadi agenda kita adalah untuk menolong terutamanya syarikat-syarikat SMI tempatan, saya tidak ada statistik, berapakah SMI yang dari luar negara dan kepunyaan warganegara tempatan.

Tetapi saya hendak menegaskan semua fasiliti kita ada syarat bahawa *must be majority owned from Malaysian*. Terima kasih.

4. Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan] minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan adakah kementerian sedar stesen televisyen ASTRO menyiarkan rancangan-rancangan yang menarik tetapi sering kali berulang-ulang. Bagi rancangan yang baru pengguna perlu membuat tempahan dengan bayaran tambahan. Apakah kementerian mempunyai kuasa ke atas ASTRO di mana setiap rancangan mendapat kelulusan daripada kerajaan.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Kementerian sedar bahawa terdapat rancangan ASTRO yang disiarkan secara berulang, namun ianya tidak menyalahi syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan kepada stesen berkenaan.

ASTRO diberi kebebasan untuk menyusun kandungan dan jadual penyiaran mengikut kehendak pasaran dan kesesuaian penonton di pelbagai zon waktu. Untuk

filem-filem terbaru ASTRO, mengekshakan saluran *show case* untuk menyiarkan filem-filem tersebut, filem-filem terbaru ini telah dibekalkan bersama perkhidmatan biasa dan perlu dibeli terus dari pengedarnya.

Oleh kerana itu, ASTRO mengenakan bayaran tambahan kepada pelanggan-pelanggan saluran *show case*. Di bawah lesen yang diberikan kepada pihak MEASAT *Broadcast Network System Sdn. Berhad*, (ASTRO), pihak ASTRO tidak perlu mendapatkan kelulusan untuk rancangan-rancangan yang disiarkan dari pihak kerajaan.

Walau bagaimanapun, ASTRO adalah dikehendaki untuk memberi notis bertulis dahulu mengenai mana-mana saluran baru dan perkhidmatan baru yang akan disiarkan dan hendaklah memastikan bahawa semua program adalah sesuai untuk penyiaran kepada orang awam menurut syarat yang telah ditetapkan. Terima kasih.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada kementerian. Persoalan yang saya kemukakan ini tidak dijawab tadi. Kerana saya mahu tahu sama ada kerajaan ada kuasa atas ASTRO atau tidak? Kerana kita nampak siaran-siaran yang disalurkan melalui ASTRO, ada kalanya tidak berakhlak sama sekali, kalau rancangan kerajaan TV1, TV2 dan TV3 tidak berakhlak mungkin kita boleh tentukan, lain kali tidak perlu disiarkan. Tetapi ASTRO adakah kita tidak mempunyai kuasa untuk menyekat siaran-siaran yang tidak mempunyai akhlak.

Keduanya, adakah kerajaan mempunyai kuasa untuk menentukan bahawa ASTRO tidak membuat keuntungan secara penipuan. Penipuan di sini, Tuan Yang di-Pertua untuk jelas kepada kementerian, Akademi Fantasia, orang jadi gila, bayar SMS, hantar SMS bayar, bila jawapan diberi – bayar. Berapa ratus juta wang rakyat habis. Ini penipuan!

Jadi, kita mahu tahu dari kerajaan, walaupun belum ada kuasa, mungkin apa cara untuk menyekat perkara-perkara ini berlaku?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Dewan, kementerian ini melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia memang mempunyai kuasa akan segala siaran yang dikeluarkan oleh ASTRO, apatah lagi kementerian mempunyai satu *forum code* yang mana setiap siaran yang hendak disiarkan melalui mana-mana siri swasta perlu memenuhi piawaian yang telah diwujudkan oleh '*content code*' ini. Dalam masa yang sama, pihak ASTRO juga menyediakan kemudahan,

parental lock kepada siaran-siaran yang disiarkan oleh TV mereka yang mana sekiranya ibu bapa merasakan siaran itu keterlaluan, maka ibu bapa boleh mengunci sesuatu saluran itu supaya anak-anak tidak dapat menonton siaran ini.

Dan di masa yang sama, kementerian memandang serius akan mutu-mutu siaran oleh TV swasta yang ada di negara ini, maka kementerian pada tahun ini telah mewujudkan satu Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Siaran TV Dan Radio Swasta dan setakat hari ini jawatankuasa ini telah bermesyuarat tiga kali untuk memastikan mutu siaran TV swasta di negara ini memenuhi kehendak masyarakat di negara ini.

Antara kementerian-kementerian, antara agensi-agensi yang terlibat dalam Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan ini termasuklah daripada kementerian ini yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kementerian, Kementerian Penerangan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Pelajaran, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, JAKIM, FINAS dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia sendiri.

Dengan tertubuhnya Jawatankuasa Penyelarasan, Pemantauan Siaran TV dan Radio Swasta ini, diharapkan akan dapat mengawal segala siaran TV yang akan disiarkan di TV di negara ini. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kata diharapkan ianya dapat membendung perkara yang tidak baik. Tetapi soalnya, Barisan Nasional merupakan suatu kerajaan yang kolektif. Apabila dalam peringkat Kementerian Penerangan dia kata, kita tidak ada kuasa, yang beri lesen ini kementerian ini.

Jadi, pemantauan terhadap program-program ini nampaknya susah, orang beri lesen itu tidak memantau, orang yang hendak memantau sangat itu tidak ada kuasa untuk memberi lesen. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, ASTRO ini seolah-olah kita tidak terdaya hendak berbuat apa-apa. Dia naik harga sesuka hati dia, sebab kita Dewan Rakyat ini semua sudah menyatakan tidak bersetuju, dia buat juga. Kali ini siaran ulangan pula berulang-ulang.

Adakah pada masa yang akan datang, dia tambah RM20 dengan siaran ulangan ini, adakah kita merestui? Kalau tidak merestui, apakah cara kita membendung perkara ini atas nama melindungi pengguna. Minta penjelasan. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Yang Berhormat, untuk pengetahuan, ini adalah stesen TV berbayar, bukan diwajibkan kepada rakyat negara ini. Itu yang pertamanya, kerana di negara kita, kita ada banyak siaran TV percuma - *terrestrial* TV, RTM1, RTM2, TV3 dan kemudian kita ada NTV7, TV8 dan TV9. Ini adalah stesen-stesen TV percuma. ASTRO ini hanya memberi satu tawaran kepada orang ramai yang mahukan perkhidmatan hiburan tambahan kepada rakyat negara kita.

Walau bagaimanapun, kementerian memandang serius sekiranya siaran-siaran yang disiarkan oleh TV ini tidak memenuhi dari segi mana-mana budaya ataupun sensitiviti rakyat negara ini.

Satu lagi soalan Yang Berhormat berhubung dari segi harga. Untuk memastikan bahawa ASTRO tidak boleh bebas menaikkan harga sesuka hati, maka kerajaan juga dalam masa yang sama telah meluluskan dua lagi lesen TV, satu kepada MITV dan satu lagi kepada *Guidance* TV yang mana untuk memberi saingan kepada ASTRO. Suatu hari nanti, mungkin pada tahun hadapan dua stesen TV baru ini dijangka beroperasi akan memberi saingan sekiranya orang ramai tidak berpuas hati dengan segala urusan yang dilakukan oleh ASTRO, maka orang ramai boleh berpindah daripada *subscribe* ASTRO kepada *subscribe* MITV yang dijangka beroperasi pada bulan lima (Mei) tahun 2005 yang akan datang ini. Terima kasih.

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya kemukakan soalan, saya ingin mengalu-alukan tetamu kita yang terdiri daripada Imam dan Bilal dari Parlimen Dungun yang diketuai oleh Ustaz Haji Zaki dan Ustaz Sufian.

Tuan Yang di-Pertua: Orang kuat Yang Berhormatkah?

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan: Tidak. Ini Imam Besar semuanya ini.

5. Datuk Haji Rosli Bin Mat Hassan [Dungun] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pelaburan dan keuntungan setengah tahun berakhir Jun 2004 yang dilakukan oleh Kumpulan Tabung Haji dan nyatakan anak-anak syarikat Tabung Haji yang tidak berdaya saing.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:

Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Dungun dan rombongannya. Jumlah pelaburan Tabung Haji bagi tempoh berakhir 30 Jun 2004 ialah sebanyak RM11.7 bilion. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Tabung Haji hanya mempraktikkan penyatuan akaun-akaun bersama anak syarikat pada akhir tahun. Oleh itu Tabung Haji tidak dapat untuk menyatakan jumlah keuntungan kumpulan Tabung Haji bagi tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah keuntungan sebelum zakat pada peringkat lembaga iaitu tidak termasuk anak-anak syarikat sebanyak RM249 juta iaitu peningkatan sebanyak 39% berbanding tempoh yang sama 2003.

Pada masa ini Tabung Haji sedang dalam usaha merasionalisasikan 16 anak syarikat Tabung Haji kepada hanya 4 anak syarikat utama sahaja iaitu:-

- (i) sektor perladangan;
- (ii) pembinaan dan infrastruktur;
- (iii) hartanah; dan
- (iv) perkhidmatan.

Ini bertujuan untuk meletakkan aktiviti perniagaan Tabung Haji pada kedudukan yang terbaik dalam realiti ekonomi dan perniagaan secara keseluruhannya pada ketika ini serta mengurangkan pertindihan sumber terutamanya di kalangan anak-anak syarikat Tabung Haji.

Di dalam aktiviti perniagaan, fenomena untung rugi adalah risiko yang wujud bersama setiap pelabur atau peniaga tersebut. Oleh itu syarikat-syarikat yang tidak menepati perancangan Tabung Haji seperti TH Computer Sdn. Bhd. dan TH Global Sdn. Bhd. telah ditamatkan operasinya. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dalam menjayakan usaha-usaha membangunkan Tabung Haji.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah benar dakwaan bahawa ramai di antara pendeposit-pendeposit di dalam Tabung Haji ini lari kerana keuntungan Tabung Haji ini telah menurun dan telah tidak memberi keyakinan kepada pendeposit-pendeposit? Kalau ianya benar, apakah sebenarnya program Tabung Haji dalam meletakkan hala tuju baru supaya Tabung Haji yang dilihat sebagai sebuah organisasi yang baik di negara kita yang malah di seluruh dunia ini boleh memberi

jaminan dan juga keyakinan kepada pendeposit khususnya kepada rakyat Malaysia amnya. Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tidak benar. Tidak tepat apa yang telah disebut tadi iaitu pendeposit ataupun pelabur Tabung Haji telah menarik pelaburan tabungannya dengan Tabung Haji kerana pada awal tahun 2004 yang lalu saya telah menyatakan dalam kenyataan akhbar saya bahawa pelabur-pelabur ataupun pendeposit-pendeposit Tabung Haji ialah sebanyak RM11.6 juta.

Tadi, di dalam jawapan saya, saya telah menyebut bahawa pada pertengahan tahun ini iaitu pada Jun 2004, pelabur ataupun pendeposit Tabung Haji telah meningkat ataupun telah mencapai kepada angka RMM11.7 bilion. Apa yang telah dikemukakan dalam soalan tadi iaitu untuk mendapatkan kepastian daripada saya, saya menegaskan ia adalah tidak tepat.

Tentang hala tuju untuk memastikan pelaburan Tabung Haji mendapat keyakinan daripada orang ramai, Tabung Haji telah melantik konsultan bertaraf dunia untuk mencadangkan kepada Tabung Haji cara-cara untuk mendapat pulangan yang baik dalam pelaburan iaitu dengan memfokuskan kepada pelaburan yang kurang risiko yang dapat menjamin keuntungan yang baik serta melabur dalam hartanah juga adalah di antara cadangan yang telah dikemukakan kepada Tabung Haji, melabur dalam sektor perladangan, melabur dalam saham-saham yang memberi pulangan yang baik dan kurang berisiko, saya rasa itu juga merupakan hala tuju kita pada masa hadapan.

Saya suka juga menegaskan di sini bahawa daripada wang yang telah dikumpulkan itu sebanyak 50% dilaburkan dalam saham iaitu 20% hartanah, 20% lagi dalam sektor yang lain seperti *Islamic bonds* dan sebagainya, kemudian di sekitar 10% ialah *cash*.

Saya suka menegaskan di sini bahawa saya akan mengumumkan dividen Tabung Haji pada tahun ini, 2004 iaitu pada akhir bulan Januari dan akan dibayar pada awal Februari nanti dan saya ingin juga menegaskan bahawa jumlahnya tidak kurang daripada tahun lepas. Bahkan saya suka menyebut bahawa jumlahnya lebih lagi daripada tahun lepas berdasarkan kepada kalau kita lihat pada tahun lepas keuntungan sebelum zakat di sekitar RM443 juta dan kita keluarkan zakat di sekitar

RM16 juta, pada tahun 2004 dijangka keuntungan lebih lagi iaitu sebelum zakat di sekitar RM530 juta dan zakat di sekitar RM30 juta.

Walau bagaimanapun, itu menunjukkan bahawa pelaburan kita menguntungkan dan kita menyerulah supaya Ahli Parlimen daripada Dungun berusaha membantu kita untuk memberi keyakinan kepada pelabur-pelabur bahawa pelaburan mereka di Tabung Haji tetap menguntungkan. Sekian.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra jaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh berkaitan dengan Tabung Haji Travel & Services, salah satu anak syarikat kumpulan Tabung Haji. Ini berkaitan *rationalization*, dengan izin, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Kalau kita lihat Tabung Haji Travel, ianya sekarang ini bersaing dengan syarikat-syarikat bumiputera kecil. Adakah kerajaan sudi menimbangkan untuk Tabung Haji Travel & Services memfokuskan kepada pakej-pakej ataupun *ground handling* berkaitan dengan Umrah, Haji dan juga lawatan-lawatan ke negara-negara Islam, maknanya *travel agent* bumiputera yang kecil-kecil ini, sebaliknya memfokuskan kepada bidang *ground handling* ataupun *charter* kapal terbang misalnya dan syarikat-syarikat bumiputera yang kecil ini dapat diberi peluang sebagai agen pemasaran kepada Tabung Haji *Travel & Services*, tidak bersaing dalam bidang *ticketing* yang menjejaskan sebenarnya syarikat-syarikat bumiputera yang kecil ini tidak dapat bersaing dengan Tabung Haji *Travel & Services*. Jadi, adakah kerajaan akan mempertimbangkan perkara ini dalam *rationalization* itu tadi? Terima kasih.

Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya TH Travel & Services selain daripada mengambil sebahagian kecil sahaja untuk membawa jemaah haji tetapi syarikat-syarikat kecil tadi telah diberi kesempatan yang baik oleh Tabung Haji, kalau setiap tahun mungkin di sekitar RM10,000 ataupun kurang daripadanya, sebahagian besar diberi kepada syarikat-syarikat yang kecil untuk menjalankan perniagaannya.

Selain daripada itu dalam usaha merasionalisasikan 16 anak syarikat sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi, TH Global Sdn. Bhd. telah dicantumkan operasinya juga dengan TH Travel. Di antara operasi TH Global ialah *catering* semasa di Mekah. Kemudiannya mungkin dirasakan ada pertindihan dengan TH Travel, maka dicantumkan, ditutup TH Global Sdn. Bhd. ini kepada operasinya untuk *catering* di Mekah dan sebagainya kepada Tabung Haji Travel.

Saya suka menegaskan di sini bahawa pada tahun ini kita ada di sekitar lebih daripada dua puluh buah syarikat bumiputera yang menjalankan perniagaan untuk membawa jemaah haji dan saya rasa satu angka yang sangat menggalakkan kepada pengusaha-pengusaha yang membawa jemaah haji ke Arab Saudi. Jadi kita memberi peluang secukupnya kepada mereka. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah murid miskin yang telah mendapat bantuan Kerajaan dan jumlah peruntukan yang sudah diberi di seluruh negara (mengikut negeri) di bawah "*Poor Student Aid Programme*".

Menteri Pelajaran [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah murid yang telah mendapat manfaat daripada bantuan pelajar miskin pada tahun 2004 ialah seramai 6.7 juta orang. Daripada jumlah tersebut, 532,000 orang mendapat bantuan rancangan makanan tambahan, 495,000 orang mendapat bantuan program susu sekolah, 64,000 orang mendapat bantuan biasiswa atau bantuan kewangan, 1 juta orang mendapat bantuan *one-off* RM120,446,000 orang mendapat bantuan skim baucar tuisyen, 4,000 mendapat bantuan khas kepada pelajar sekolah berasrama penuh dan 4 juta orang mendapat bantuan skim pinjaman buku teks.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi semua skim bantuan pelajar miskin adalah sebanyak RM877.5 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM123.6 juta dibelanjakan untuk rancangan makanan tambahan, RM15.9 juta untuk program susu sekolah, RM182.5 juta untuk biasiswa atau pinjaman kewangan, RM120.7 juta untuk bantuan *one-off*, RM168.8 juta untuk skim baucar tuisyen, RM2.3 juta untuk bantuan khas kepada pelajar sekolah berasrama penuh dan RM263.7 juta untuk skim pinjaman buku teks.

Mengenai soalan berhubung kait dengan jumlah peruntukan yang sudah diberi di seluruh negara mengikut negeri, jumlahnya terlalu besar, saya akan panjangkan maklumat yang dipohon melalui secara bertulis.

Tuan Aaron Ago Anak Dagang [Kanowit]: Sekarang ini kita dengar bantuan terhadap tuisyen telah diadakan bagi murid-murid yang miskin ini. Yang ingin saya tahu adakah program ini berkesan? Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat, program skim baucer tuisyen yang baru sahaja diperkenalkan, beberapa kajian siasatan awalan telah pun dilakukan. Saya tidak nafikan ada kes-kes tertentu di mana kita perlu memperincikan kelemahan-kelemahan yang sedia ada tetapi secara menyeluruh saya lihat bahawa keberkesanan skim ini cukup membanggakan. Yang penting sekarang ialah pemantauan di peringkat akar umbi dan di sinilah perlu kita kaji dan meneliti sama ada murid atau penglibatan murid digembleng dengan sepenuhnya dan dapat dimanfaatkan dengan sepenuh seperti yang diharapkan oleh kerajaan.

Selain daripada itu, FELDA juga telah bersetuju untuk memberikan tumpuan dan memperluaskan skim tuisyen ini kepada kawasan-kawasan FELDA, bermakna kajian yang kita lakukan di bawah SPT ini juga akan diambil kira dalam pelaksanaan skim ini di kawasan-kawasan FELDA yang berkenaan.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada Menteri Pelajaran baru dan saya hendak bertanya kepada Menteri kerana telah memperbanyakkan lagi perubahan-perubahan yang penting kepada pendidikan di negara ini. Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, tadi Menteri telah jawab bahawa lebih daripada RM160 juta telah dibelanjakan dalam Skim Tuisyen. Soalan saya ialah memang ada banyak rintihan dan rungutan daripada orang ramai bahawa skim ini memang ada sesetengah tempat tidak berapa berkesan kerana *tuition teacher* atau guru tuisyen itu tidak ada kelayakan atau tiada *experience* untuk memberikan tuisyen secara berkesan kepada murid-murid kita. Apakah perancangan dan tindakan selanjutnya oleh kementerian untuk memperbaiki keadaan? Terima kasih.

Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat bagi Puchong. Pertama saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa semua bantuan tambahan yang saya senaraikan tadi akan dilihat dan dikoordinasikan supaya tidak ada pembaziran dan tidak ada pertindihan. Sasaran yang telah dikenal pasti merupakan anak-anak murid miskin dan jumlah yang besar ini harus sampai kepada mereka yang betul-betul memerlukannya. Ini termasuklah program Skim Baucar Tuisyen ini. Satu kaedah untuk kita mengenal pasti kelemahan-kelemahan berkenaan ialah untuk memastikan bahawa pemimpin-pemimpin masyarakat sendiri dapat memantau dan memaklumkan kepada pihak kementerian. Yang Berhormat sendiri jika ada kes-kes yang tertentu, saya tidak teragak-agak untuk mengambil

tindakan kerana sebenarnya ini merupakan wang rakyat di mana matlamatnya jelas dan tujuannya murni maka sama-samalah kita pastikan ia berjaya. Tetapi tidak mungkin saya dapat melaksanakannya dengan berkesan sekiranya kita tidak melihatnya secara lebih terperinci supaya tindakan boleh diambil kepada kawasan-kawasan dan juga kelemahan-kelemahan tertentu yang telah pun dikenal pasti.

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran] tidak hadir]

8. Tuan Razali bin Ibrahim [Muar] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kajian dibuat bagi mewujudkan sebuah sistem “Satu Tiket” bagi kegunaan penumpang monorel, LRT dan Komuter untuk menjimatkan kos operasi sambil menyenangkan para pengguna.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar akan pentingnya sistem Satu Tiket dilaksanakan bagi memudahkan pengguna menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Bagi tujuan tersebut, kerajaan telah mengadakan kajian dan hasilnya kerajaan telah memulakan pelaksanaan projek sistem Satu Tiket melalui kad pintar *MyKad* dan *Touch 'n Go* yang kini boleh digunakan untuk perkhidmatan LRT dan semua bas City Liner. Pelaksanaan sepenuhnya penggunaan *MyKad* dan *Touch 'n Go* bagi semua perkhidmatan pengangkutan yang meliputi bas milik Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), LRT, PRL, KTM Komuter dan Monorel dijangka digunakan pada tahun 2005.

Projek sistem Satu Tiket ini adalah salah satu usaha untuk meliberalisasi dan mempertingkatkan mutu perkhidmatan awam di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Di samping itu ia juga akan menjimatkan kos operasi pengusaha dan memudahkan perjalanan kepada pengguna.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang telah memperkenalkan apa yang dipanggil Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras (RAPID KL). Soalan tambahan saya, apakah melalui kajian terhadap penggunaan satu tiket bagi Monorel, LRT, dan Komuter ini bakal memberi jaminan tentang penurunan harga tiket ataupun peningkatan perkhidmatan yang diberikan memandangkan penggunaan satu tiket dapat mengurangkan kos operasi dan penyelenggaraan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itulah tujuannya, Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan akan cuba. Satu, untuk memudahkan pengguna *public transport* ini dengan izin, untuk menggunakan satu tiket di mana juga mereka pergi dalam buat sementara waktu di Lembah Klang dan Kuala Lumpur mereka menggunakan satu tiket tetapi bukan bermakna bahawa mungkin kos operasi akan menurun kepada syarikat-syarikat termasuk syarikat kerajaan dan syarikat swasta yang mengambil bahagian dalam program ini tetapi kerajaan tidak boleh memberi jaminan bahawa kos pengangkutan kepada pengguna akan dapat diturunkan memandangkan kos penyelenggaraan ini semakin meningkat dari segi harga minyak dan harga perkakasan yang digunakan dalam perkhidmatan pengangkutan.

Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Memandangkan kepada usaha kerajaan untuk menubuhkan RAPID KL ini bukan sahaja dapat menjimatkan kos kepada pihak kerajaan sendiri ataupun pengguna, ia juga sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada minat pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam ini, sekali gus dapat mengurangkan kesesakan di bandar Kuala Lumpur.

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, soalan saya ialah sejauh manakah cadangan kerajaan untuk mempromosikan lagi sistem pengangkutan awam ini sehingga ke selatan negara, negeri Melaka, Negeri Sembilan dan ke utara negara bila mereka berulang ke Kuala Lumpur boleh meletakkan kereta mereka di Bukit Jalil umpamanya, menggunakan perkhidmatan awam ini untuk ke tujuan mereka. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi perkhidmatan ini ke seluruh negara terutama sekali di bandar-bandar besar. Buat sementara waktu, satu rang undang-undang akan dibentangkan kepada Parlimen, kemungkinan besar pada awal tahun hadapan iaitu Lembaga Pengangkutan Bandar Lembah Klang. Setakat ini draf ini di peringkat Jabatan Peguam Negara dan seperti yang saya sebutkan tadi mungkin akan dibentangkan pada awal tahun hadapan. Ini sebagai permulaan dan pihak EPU sebenarnya sedang berbincang dengan pihak MOT, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Kewangan, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Majlis Perbandaran di bandar-bandar besar untuk berbincang tentang pelaksanaan sistem yang sama bagi bandar-bandar besar terlebih dahulu.

9. Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan jika ada rancangan kementerian untuk menjadikan institusi pengajian di Malaysia sebagai satu sumber pelaburan negara dan seterusnya memasarkan kemudahan ini supaya lebih ramai lagi penuntut asing datang ke sini untuk belajar.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi memang merancang untuk menjadikan institusi Pengajian Tinggi di Malaysia sebagai satu sumber pelaburan negara dengan menarik lebih ramai penuntut antarabangsa datang belajar ke Malaysia. Sehingga Jun 2004, bilangan penuntut antarabangsa adalah seramai 26,084 orang di IPTS manakala di IPTA sehingga Disember 2003 bilangan penuntut antarabangsa adalah seramai 6,130 orang.

Bagi penuntut antarabangsa di IPTS, mereka dianggarkan membelanjakan sebanyak RM10,000 hingga RM20,000 bagi yuran pengajian manakala bagi sara hidup mereka dianggarkan membelanjakan sebanyak RM20,000 setahun. Oleh itu, jumlah pendapatan negara yang dihasilkan dari kedatangan penuntut antarabangsa di IPTS sahaja adalah dianggarkan sebanyak RM1.04 bilion setahun.

Di antara rancangan yang telah dijalankan untuk meningkatkan lebih ramai pelajar antarabangsa adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan Jawatankuasa Persaingan dan Pemasaran Pengajian Tinggi Negara.
- (ii) pengantarabangsaan pendidikan tinggi swasta Malaysia.
- (iii) mendapatkan pengiktirafan antarabangsa ke atas pendidikan tinggi swasta tempatan.
- (iv) menyertai pameran pendidikan peringkat antarabangsa di dalam dan di luar negara.
- (v) menganjurkan pameran pendidikan Malaysia atau dengan izin, *Malaysian Education Fair* di luar negara sebagai pameran *single country*.
- (vi) membuka empat buah pejabat promosi di Ho Chi Minh City, Jakarta, Beijing dan Dubai bagi tujuan menyebarkan tentang peluang pendidikan di Malaysia dan juga melipat gandakan program mempromosikan pendidikan di luar negara.

- (vii) menggalakkan institusi pendidikan swasta menjalankan aktiviti promosi mereka sendiri di luar negara.

Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Saya ada tiga soalan tambahan, sambung-sambunglah, ini banyak soalan. Sebagaimana yang kita maklum banyak antara universiti-universiti dari luar negeri datang ke Malaysia membuat *road show* dan ramai di antara ibu bapa kita menghantar anak-anak mereka ke luar negeri dan ini akan memakan perbelanjaan yang besar. Jadi, soalan pertama saya, adakah kementerian bersedia menubuhkan beberapa universiti di Sabah yang seperti dahulu ada cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti ASEAN di Pulau Labuan apabila Pulau itu diserahkan kepada pentadbiran Kerajaan Pusat, apakah yang sudah terjadi terhadap cadangan ini? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, buat masa kini di negeri Sabah telah pun ada Universiti Sabah Malaysia sebagai IPTA yang beroperasi di situ dan telah pun menerima sambutan yang baik daripada kalangan pelajar. Untuk Universiti ASEAN belum ada apa-apa kemajuan lagi setakat ini. Terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, kita ada Menteri, dua orang Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, KSU, pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pengajian Tinggi, apakah kita masih memerlukan seorang penasihat yang perlu pergi mencari universiti-universiti untuk masuk ke Malaysia? Apakah Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen serta pegawai-pegawai ini gagal untuk menjalankan tugas dan apakah penasihat itu telah membawa beberapa universiti masuk ke Malaysia dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sedikit fungsi-fungsi yang telah pun penasihat itu lakukan untuk negara kita? Terima kasih.

Dato' Fu Ah Kiow: Soalan ini sebenarnya telah beberapa kali dijawab....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak *clear*, kuat sedikit.

Dato' Fu Ah Kiow: Perkara ini telah pun beberapa kali dijawab di sesi Parlimen pada tahun ini dan oleh Menteri sendiri baru-baru ini dalam perbahasan usul daripada Ketua Pembangkang, jadi tidak payah saya ulang lagi jawapan itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak boleh Yang Berhormat, bila saya tanya mesti ada jawapan, saya hendak tahu berapa banyak sudah penasihat itu membawa ke Malaysia. Itu satu soalan baru.

Dato' Fu Ah Kiow: Sebelum ini ada satu iaitu MIT, usaha sama dengan MIT telah pun dibawa masuk untuk beroperasi dan usaha itu telah mewujudkan Kolej Sains dan Teknologi. Itu salah satu dan memang pelantikan itu berasas kepada pengalaman dan *networking* yang ada, dengan izin, oleh Yang Berbahagia Datuk Effendi dan kerajaan negara menganggap pelantikan itu akan menambahkan pembangunan pengajian tinggi di Malaysia dan saya juga ingin menambah, di Sabah selain daripada satu universiti awam juga telah wujud 22 institusi pendidikan swasta yang bukan bertaraf universiti menawarkan pelbagai kursus di Sabah. Sekian. terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dato' Ghazali bin Ibrahim.

Datuk Haji Mohamad bin haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Sri Gading, tidak mengapalah.

10. Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap] minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelajar yang ditaja ke luar negara dan kos pembiayaan yang ditanggung oleh Jabatan Perkhidmatan Awam mengikut bidang pengajian dan bidang pengajian yang manakah paling ramai graduan tidak berkhidmat di tanah air dan mengapakah perkara ini berlaku; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar yang sedang mengikuti pengajian di luar negara termasuk tajaan tahun 2004 yang menerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah seramai 5,729 orang. Jumlah perbelanjaan tahunan kerajaan adalah sebanyak RM388.8 juta. Kos pembiayaan yang ditanggung oleh JPA adalah berbeza mengikut bidang dan negara.

Anggaran perbelanjaan bagi seseorang pelajar mengikut bidang adalah seperti berikut:

Bidang	Kos setahun (RM)
Perubatan	RM30,00 hingga RM152,000
Pergigian	RM120,000 hingga RM145,000

Farmasi	RM94,000 hingga RM125,000
Kejuruteraan	RM57,000 hingga RM193,000
Sains dan teknologi	RM86,000 hingga RM125,000
ICT	RM125,000
Perakaunan	RM72,000 hingga RM95,000
Ekonomi	RM110,000 hingga RM120,000
Undang-undang	RM104,000
Lain-lain	RM86,000 hingga RM113,000

Adalah didapati bahawa bilangan pelajar dalam bidang pengajian perubatan agak ramai yang tidak kembali berkhidmat di negara setelah menamatkan pengajian mereka di peringkat Ijazah Pertama. Perkara ini berlaku kerana pelajar-pelajar yang berkenaan meneruskan latihan kepakaran atau melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Lanjutan. Di samping itu terdapat juga mereka yang menunggu pasangan menamatkan latihan atau pengajian atau berkhidmat di negara berkenaan.

Selaras dengan keadaan itu, satu ketetapan baru telah diputuskan oleh kerajaan dengan membenarkan pelajar-pelajar tajaan JPA menanggungkan di antara satu hingga empat tahun bagi memberi peluang kepada mereka menamatkan pengajian dan latihan kepakaran.

Kelulusan untuk menanggungkan keputungan ke Malaysia adalah dipohon melalui JPA. Jika diluluskan, pelajar hendaklah kembali segera ke Malaysia selepas menamatkan pengajian atau latihan dan melaporkan diri di JPA, mendaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam serta Majlis Perubatan Malaysia bagi tujuan urusan pelantikan ke perkhidmatan kerajaan.

Bagi graduan yang melanggar peraturan pengajian yang telah ditetapkan, tindakan tegas akan diambil seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Perjanjian yang telah ditandatangani.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Salam Sejahtera dan Selamat Pagi. Sihat walafiat semua? Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri.

Kita pun berbangga sebenarnya kerana JPA sentiasa menaja, antara yang menaja pelajar-pelajar kita ke luar negara. Cuma saya ingin bertanya apakah JPA ini

dalam tajaannya kepada pelajar-pelajar kita ke luar negara menyemak dari semasa ke semasa keperluan tajaannya ini adakah mencukupi ataupun tidak.

Saya difahamkan pelajar-pelajar yang mengambil kursus perubatan di Russia menghadapi masalah kewangan kerana pertukaran wang antara Amerika dan Russia ini. Apakah JPA mengkaji bantuan-bantuan yang telah pun diberi sama ada memadai atau mencukupi, atau apakah rancangan-rancangan kalau ada masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita yang memang memerlukan bantuan daripada pembiayaan daripada JPA. Saya minta dapat sedikit penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya JPA memang sentiasa mengkaji balik kedudukan pelajar-pelajar kita di luar negara. Kalau kita tengok daripada laporan yang saya bagi tadi berkenaan dengan kedudukan kos, umpamanya perubatan, ada sesetengah negara yang kita belanja hanya RM30,000 setahun. Ada sesetengah negara kita berbelanja sampai RM152,000 setahun.

Ini bergantung kepada keadaan, umpamanya negeri yang paling murah kita menghantar pelajar perubatan ialah di Mesir, Jordan dan beberapa buah negara lagi yang murah. Di Russia, setakat ini JPA tidak mempunyai masalah tetapi di Russia ini berkenaan dengan keselamatan, berkenaan dengan peruntukan, kita sentiasa mengkaji dan kerajaan sedang mengkaji kerana Moscow adalah di antara negara yang mempunyai taraf hidup yang paling tinggi di dunia. Terima kasih.

11. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk meringkaskan prosedur permohonan taraf kewarganegaraan atau taraf penduduk tetap, iaitu permohonan untuk diri sendiri dan permohonan untuk pasangan (suami/isteri).

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak bercadang untuk meringkaskan prosedur memohon taraf kewarganegaraan dan taraf pemastautin tetap oleh kerana prosedur yang terpakai sekarang adalah mudah dan berkesan. Terima kasih.

Puan Tan Ah Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bolehkah Yang Berhormat berikan bilangan permohonan taraf

kewarganegaraan yang telah diluluskan untuk sendiri dan pasangan pada tahun lepas iaitu dari tahun 2001 hingga 2003, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka untuk tahun yang ditanya. Tetapi untuk makluman, kelulusan yang telah diberikan daripada tahun 1957 sehingga kini berjumlah 2.4 juta. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa soal jawab lisan telah habis.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sumber Manusia; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA PULAU PINANG (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pengangkutan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua memberitahu bilakah naskhah rang undang-undang kedua-dua kementerian ini akan dibekalkan kepada Ahli-ahli Dewan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya ingat Yang Berhormat, dia akan dibekalkan nantilah. Belum dibahas.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Mengikut 14(1) mengenai keutamaan Aturan Urusan-urusan Mesyuarat – 14(1)(h) mengenai permintaan hendak menangguhkan Majlis Mesyuarat kerana perkara kepentingan kepada orang ramai, berkehendak disegerakan, patut diberikan keutamaan daripada mengemukakan *First Reading*. Saya ada beri notis untuk 18(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bila Yang Berhormat bagi?

Tuan Lim Kit Siang: Bila bagi? – 3 haribulan Disember.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pukul berapa?

Tuan Lim Kit Siang: Pukul berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Pukul 3.00 ada cap di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari ini baru hari Isnin.

Tuan Lim Kit Siang: Enam hari. Enam hari bulan Disember, notis dua hari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi, peraturan 18(2) Yang Berhormat, kita perlu sekurang-kurangnya 24 jam hari bekerja sebelum persidangan dimulakan. Yang Berhormat rujuk kepada 18(2). Saya ingat akan ditimbang.

Tuan Lim Kit Siang: Akan dipertimbangkan esok.....[Bercakap tanpa pembesar suara]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, kita.....

Tuan Lim Kit Siang: ...mengkaji mengenai perkara ini saya akan membangkitkan pada masa yang sesuai mengenai perkara itu tetapi saya mahu mengemukakan Peraturan Mesyuarat yang lain mengenai 14.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat kata 18(1). Peraturan Mesyuarat 14 sudah selesai.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara yang lain.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Kita

Tuan Lim Kit Siang: Bukan perkara yang sama. Perkara yang lain. Bukan mengenai 18. Bukan mengenai Peraturan Mesyuarat 18.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, mengenai Peraturan Mesyuarat 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: *Substantive Motion*. Yang mengikut Peraturan Mesyuarat 14(3) sangat jelas bahawa satu usul (*substantive motion*) untuk mengulang kaji keputusan Tuan Yang di-Pertua boleh diberikan dan tidak perlu lebih daripada notis selama dua hari. Itu lebih daripada dua hari. Saya rasa itu bukan masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, saya membangkitkan isu – *on the point of order* bukan mengenai *merit or demerit* usul itu ialah bahawa ia bukan sahaja patut diletakkan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Cukuplah, saya faham lah itu.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan! Tidak boleh faham. *Argument* saya perlu dihabiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh baca fikiran saya. Tidak boleh faham. Mana boleh faham! Tidak boleh baca *mind reading*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Kita ada peraturan yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua mengadakan *mind reading powers*, membenarkan, habiskan Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, hujah-hujah

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini serius Tuan Yang di-Pertua. Dia *undermining your intelligence*. Ini *serious accusation*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan cukup atau tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum kemukakan pandangan saya, sebelum satu keputusan dibuat. Bagaimana mahkamah-mahkamah boleh berjalan kalau hakim kata 'cukuplah, tak payahlah'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Benarkan saya kemukakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh dikeluarkan di masa yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat. Saya minta berdiri di atas Peraturan mesyuarat dan tidak ada apa-apa halangan boleh dibuat mengenai seseorang yang berdiri di atas Peraturan Mesyuarat, selain daripada keputusan dibuat. Sekarang saya belum habiskan Peraturan Mesyuarat dengan hujah-hujah saya. Tengok Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dia pun *shake his head*.

Kuasa Tuan Yang di-Pertua ialah membuat keputusan tetapi itu dibuat selepas hujah saya dikemukakan. Saya baru mahu mula sahaja. Bolehkah saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cuba, cuba.

Tuan Lim Kit Siang: Baik. Terima kasih. Saya berdiri di atas Peraturan 14 dan 43. 14 ialah mengenai Aturan Urusan Mesyuarat. 43 ialah bahawa ada kuasa untuk Ahli Parlimen menggunakan Peraturan 43 untuk *review* keputusan yang dibuat oleh Yang Berhormat yang tidak boleh dicabar selain daripada secara *substantive motion* dan saya ada beri notis itu. Itu bukan masalah. Sungguh pun tadi itu okey. Saya tengok sama ada betul atau tidak betul, itu hal yang lain.

Mengikut Peraturan 43, notis tidak perlu, lebih daripada dua hari. Apa ertinya, apa konvensyennya ialah bahawa ini satu perkara yang perlu diselesaikan apabila satu notis ada diberi yang menunaikan, yang menepati apa yang perlu dalam Peraturan 43.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, 43 dan itu bukan sahaja peraturan usul ini diletak dalam Aturan Mesyuarat hari ini, saya ada tahu, ia dimasukkan dalam Peraturan Mesyuarat 52. Tetapi bukan sahaja atas paper, ia perlu dibahas dan kalau tidak Peraturan 43 tidak bererti. Tidak bererti langsung. Kita baca apa yang ada di dalam Peraturan 43..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat cukup, cukuplah Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya faham. Saya pun tahu Peraturan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua tidak boleh faham oleh sebab saya belum habiskan hujah-hujah saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sudah habis, saya pun baca Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak boleh, tidak boleh....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukuplah..

Tuan Lim Kit Siang: Saya akan berdiri tegas atas hak saya untuk menghabiskan hujah-hujah saya atas Peraturan Mesyuarat

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Lepas itu Tuan Yang di-Pertua boleh buat keputusan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sudah baca dan beritahu Peraturan Mesyuarat 43.

Tuan Lim Kit Siang: Belum, saya belum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya pun baca Peraturan 43, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, lepas... Biar saya habiskan hujah-hujah saya ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Kalau Yang Berhormat hendak berbahas....

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan menyeleweng. Saya bukan buat ucapan mengenai perkara tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kalau Yang Berhormat hendak berbahas, Yang Berhormat ada ruang untuk berbahas.

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan berbahas perkara tadi. Sekarang saya bukan bahas isi kandungan, saya bukan isi kandungan..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah..

Tuan Lim Kit Siang: Saya bukan bahas isi kandungan usul ini. Saya berdiri atas Peraturan Mesyuarat..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Kit Siang: Tidak, saya belum habis.

Datuk Abdul Raham bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Biar saya habiskan, lepas itu Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, *Standing Order 42*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Perkara, bukan cukup tidak cukup. Saya belum habis.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Apa ini? Tidak tahu peraturankah?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam mahkamah tidak boleh kata cukup atau tidak cukup.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: *Standing Order 42*.

Tuan Lim Kit Siang: Ini keadilan!

Seorang Ahli: *Standing Order 42*, duduk, duduk.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Yang Berhormat, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ipoh Timur, Ipoh Timur cukup.

Seorang Ahli: Cukuplah itu!

Tuan Lim Kit Siang: Saya belum habis berucap.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: *Standing Order 42*, “Bila-bila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka, sesiapa ahli-ahli yang sedang bercakap dan hendak bercakap hendaklah duduk dan Majlis Mesyuarat atau dalam Jawatankuasa..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukuplah.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: ...hendaklah diam.” Takkan tidak faham Peraturan Mesyuarat 42?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur saya minta kerjasama.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Saya tahu, tetapi ini hak saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ini tidak perlu di bahas. Peraturan tidak payah di bahas. Peraturan Mesyuarat- bukan...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Teruskan, teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan. Setiausaha, kita teruskan.

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Ataupun kita pegang sahaja ...

Tuan Lim Kit Siang: Bolehkah saya....

Datuk Abdul Rahman bin Abu Bakar: Minta keluar Dewan , keluar Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG PERBEKALAN 2005

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2005

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Anggaran Pembangunan 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kelapan Belas]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat. Saya telah bagi peluang.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Maksud B.61 [Jadual] –

Maksud P.61 [Anggaran Pembangunan 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.61 dan Kepala Pembangunan P.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri terbuka untuk dibahaskan. Ya, Beluran.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Beluran, teruskan.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato’ Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 12 orang Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, belum bahas, Yang Berhormat.

Dato’ Azmi bin Khalid: Ya?

Seorang Ahli: Belum habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baru permulaan perbahasan.

Dato’ Azmi bin Khalid: Oh!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Beluran, teruskan.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

11.22 pagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Duduklah, sekarang sudah lain topik.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Ronald Kiandee: Awak tidak faham. Ketua Pembangkang tidak faham.

[Dewan riuh]

Seorang Ahli: Woi, tidak faham bahasakah?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ronald Kiandee: Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan beberapa perkara dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang termasuk dalam pengurusan dasar hal ehwal, termasuk dalam pendaftaran negara dan juga RELA. Saya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Ronald Kiandee: Cukuplah, tidak payahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan.

Datuk Ronald Kiandee: Saya ingin penjelasan yang terperinci tentang matlamat program pengampunan yang dijalankan sekarang ini oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kerana saya melihat bahawa satu matlamat khusus yang lebih menyeluruh dan juga menepati hasrat dan kehendak kerajaan dalam mengadakan program pengampunan. Kita lihat sekarang ini pendatang-pendatang asing menggunakan program pengampunan untuk balik Hari Raya. Ini bagi mereka yang datang daripada Indonesia dan bagi mereka yang datang daripada Filipina menggunakan program pengampunan untuk balik cuti Krismas.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi, apabila kerajaan membuat program ini, tentulah satu matlamat yang terperinci dijalankan dan dinyatakan, kehendak dan juga aspirasi kerajaan untuk melihat masalah ini dapat ditangani. Sekarang ini kita seolah-olah pada tahun 2000 yang lalu, kita juga mengadakan program pengampunan yang sama dan dikatakan pada ketika itu bahawa program pengampunan itu hendak mengeluarkan dan mengembalikan setiap pendatang tanpa izin di negara kerana adanya Akta Imigresen yang lebih yang lebih keras yang telah di"introduce"kan di Parlimen dan akan

di"*implement*" oleh kementerian iaitu Akta Imigresen yang memberikan hukuman sebat ke atas majikan dan sebagainya.

Tetapi kita lihat selepas program pengampunan pada tahun 2000, masih tidak ramai majikan yang didakwa melalui Akta Imigresen yang baru ini. Masih ramai juga pendatang-pendatang tanpa izin yang dikeluarkan menerusi program pengampunan tahun 2000 itu kembali selepas program tersebut. Dan saya yakin Tuan Pengerusi, mereka yang dihantar pulang melalui program pengampunan tahun 2004 sekarang ini, sebahagian daripada mereka juga merupakan orang yang sama kita hantar pada tahun 2000 yang lalu.

Kerana itu saya inginkan program ini harus bermatlamat yang objektif iaitu kalau kita katakan kita mahu *flash out*, mahu menghantar semua pelarian balik melalui program pengampunan, kita mesti ada *follow-up* program daripada program pengampunan yang dijalankan.

Dikatakan bahawa pada kali ini kita akan mengambil tandatangan, cap jari setiap pendatang tanpa izin yang dihantar melalui program pengampunan, adakah pihak kementerian, jabatan-jabatan dan agensi di bawah kementerian ini sudah siap sedia untuk melaksanakan pengambilan cap jari untuk menghalang mereka daripada datang semula kerana jika tidak ada *follow-up* program, saya khuatir, Tuan Pengerusi, program pengampunan yang dijalankan sekarang ini tidak akan dapat mendatangkan matlamat yang kita izinkan, iaitu untuk menentukan tidak ada pendatang tanpa izin datang dan tinggal di negara kita secara haram.

Setelah sekian lama dalam mengendalikan masalah pendatang tanpa izin, saya yakin kementerian pada ketika ini mengetahui tentang modus operandi yang dijalankan oleh sama ada pendatang tanpa izin itu sendiri, sama ada majikan itu sendiri atau individu-individu yang datang ke negara kita.

Pendatang tanpa izin Filipina, pendatang tanpa izin Indonesia yang bekerja so *called* bekerja, yang datang dengan visa sosial ke negeri Sabah, umpamanya sebahagian besar daripada mereka, Tuan Pengerusi, pada kedatangan awal mereka, mereka mungkin datang secara *illegal*, ada di antara mereka datang secara *legal*, maaf, melalui kerja di estet, di kilang dan sebagainya dan ada yang datang dengan *social visit pass*. Tetapi selepas tempoh *social visit pass* mereka ini, selepas tempoh pas mereka ini tamat, sebahagian besar daripada mereka ini tidak memperbaharui visa-visa yang ada di tangan mereka kerana mereka tahu mereka akan *anticipate*,

Tuan Pengerusi, bahawa kerajaan dalam masa dua tahun, tiga tahun atau empat tahun akan mengadakan program pengampunan.

Program pengampunan ini dijadikan satu alasan untuk pekerja asing duduk di negara kita ini kerana mereka tahu program ini akan me"legal"kan pengembalian mereka ke tanah asal mereka. Jangan jadikan program ini sebagai satu program yang memudahkan mereka kembali. Kerana itu saya katakan, Tuan Pengerusi, bahawa kerajaan dan kementerian mesti ada matlamat khusus untuk mengadakan program kerana undang-undang, kerana melihat tidak ada lagi pendatang tanpa izin yang berada di negara kita.

Saya rasa itu jelas sekali dan saya yakin Dato' Menteri faham sentimen yang saya sampaikan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee: Belum lagi, belum habis Tuan Pengerusi, belum.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Ronald Kiandee: Perkara kedua, RELA. [Disampuk] Belum. Itu topik pertama. Saya ingin menyentuh juga tentang RELA. Saya pernah merasmikan satu program RELA di kawasan saya, seramai 150 orang kampung datang dan ikut serta kursus.

Saya mendengar keluhan mereka, Tuan Pengerusi, bahawa RELA ini tidak diberikan kelengkapan-kelengkapan uniform yang *basic* kepada mereka. Ahli-ahli mereka ini terpaksa cari duit sendiri beli kasut, beli uniform untuk bergiat dalam RELA. Sekarang ini Tuan Pengerusi, kementerian melihat RELA sebagai satu agensi yang juga menyumbang bukan sahaja ke arah keselamatan tetapi dalam program-program lain seperti salah guna dadah, antisosial, salah guna sosial dan sebagainya.

Saya melihat bahawa kementerian harus melihat *the basic needs of RELA member* ini. Biarlah semangat mereka ini terus berkobar-kobar untuk sama-sama menyumbang kepada negara terhadap aspek-aspek seperti yang kita kehendaki terhadap mereka. [Tepuk]

Perkara yang ketiga ialah perkara Pendaftaran Negara. Saya tidak melihat sebarang program dalam bajet ini yang khusus untuk negeri Sabah dan Sarawak terhadap keperluan untuk mendaftar secara *mobile* penduduk-penduduk di kedua-dua negeri ini yang duduk di luar bandar yang masih tidak mempunyai dokumen diri seperti

surat beranak dan kad pengenalan. Saya sudah pohon beberapa kali dalam Dewan ini supaya adakan satu program khas dan peruntukan khas untuk menentukan bahawa masyarakat penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak ini didekati mereka melalui *mobile* oleh Jabatan Pendaftaran untuk menentukan mereka ini ada kad pengenalan diri dan dokumen diri termasuk juga surat beranak.

Tuan Pengerusi, mungkin di Perak tidak menjadi satu masalah tetapi di negeri Sabah dan Sarawak ramai sebahagian besar penduduk luar bandar masih tidak mempunyai kad pengenalan diri. Kementerian harus melihat ini sebagai satu isu kebangsaan, bukan isu negeri Sabah dan Sarawak sahaja. Oleh sebab itu perancang-perancang dalam kementerian harus menentukan ada *allocation* untuk program *Mobile Unit* Jabatan Pendaftaran.

Saya tahu ada sedikit peruntukan diberi untuk tahun lalu tetapi ianya jauh daripada mencukupi. Sekarang ini kita sedang berbincang di kalangan wakil rakyat untuk mencari sumber-sumber untuk membawa unit ini ke kawasan Parlimen Beluran. Tetapi saya melihat bahawa itu merupakan sumbangan kecil yang dapat kita berikan. Tetapi jika pegawai kementerian melihat ini sebagai satu isu kebangsaan, isu nasional yang harus ditangani, saya melihat bahawa ada pendekatan yang lebih baik yang boleh diambil oleh kementerian untuk menentukan bahawa masyarakat yang tinggal di luar bandar di Sabah ini diberi dokumen diri iaitu surat beranak dan juga kad pengenalan.

Saya yakin Tuan Pengerusi, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang baru ini banyak membuat *statement* yang proaktif mencabar mahkamah tentang isu imigresen. Saya yakin bahawa beliau prihatin dan akan mengangkat kementerian ini ke tahap yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ali-ahli Yang Berhormat, kita sudah membahaskan perkara ini panjang lebar pada hari Khamis. Sekarang ini sudah hampir 12 orang. Oleh itu saya minta.....

Cik Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat. Tuan Pengerusi, saya rasa telah wujud *biases* di dalam *Hansard* ini. Pada hari Khamis lepas kalau kita rujuk *Hansard* Tuan Pengerusi telah berkata pada muka surat 135 apabila saya bangkit untuk tanya sama ada kementerian ini akan sambung untuk dibahaskan pada hari Isnin, Tuan Pengerusi telah mencatatkan sudah cukup Ahli-ahli yang berbahas mengenai tajuk ini. Tetapi pagi ini kita sambung pula dan telah beri keutamaan kepada Beluran untuk

berucap. Dalam perkara ini tidak adil. Kalau hari Khamis yang lepas sudah tutup, hari ini tidak boleh sambung semula dan hanya beri Beluran untuk berucap sahaja.

Tuan Lim Hock Seng: Ini tidak adil.

Cik Fong Po Kuan: Saya rasa ini tidak adil langsung.

Tuan Lim Hock Seng: Sekarang saya mahu berucap.

Cik Fong Po Kuan: Sekarang ini masih ramai hendak berucap, jadi dibuka untuk semua berucap sebab *you have already made a decision*, dengan izin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.....

Cik Fong Po Kuan: Di mana keadilan?

Tuan Pengerusi: Memang saya katakan pada hari itu kita selesaikan perbahasan.

Tuan Lim Hock Seng: Ya, mengapa berucap lagi?

Tuan Pengerusi: Apabila saya masuk tadi, saya nampak Yang Berhormat bagi Beluran sedang berucap. Oleh itu diselesaikan ucapan beliau dan kita selesaikan perbahasan mengenai perkara ini.

Cik Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi, saya tidak boleh terima sebab perbahasan sudah tutup. *That is lack of communication between* Tuan Pengerusi dengan Timbalan. Sekarang telah dibuka semula dengan tiba-tiba untuk Beluran ucap dan dengan tiba-tiba ditutup perbahasan.

Tuan Pengerusi: Ya, tidak ada masalahnya. Bila.....

Cik Fong Po Kuan: Boleh tutup dan buka.....

Tuan Pengerusi:bila saya masuk.....

Cik Fong Po Kuan:untuk keutamaan Ahli-ahli Barisan Nasional. Saya rasa ini tidak adil.

Tuan Pengerusi: Bila saya masuk Ahli Yang Berhormat bagi Beluran sudah....

Cik Fong Po Kuan: Sekurang-kurangnya sudah buka semua boleh ada peluang untuk berucap. Tadi saya tidak bising apabila Beluran diberi peluang sebab saya ingat mungkin ada kesilapan komunikasi. Tetapi sekarang sangat jelas hanya untuk Beluran berucap.

Tuan Pengerusi: Saya akan beri Yang Berhormat berucap selepas ini atas perkara yang lain.

Cik Fong Po Kuan: Itu perkara yang lain tetapi ini untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Saya rasa sudah memadai perkara ini dibahas.

Cik Fong Po Kuan: Ini tidak boleh sesuka hati.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat saya minta.....

Cik Fong Po Kuan: Ini tidak boleh sesuka, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi:saya minta Menteri menjawab.

Cik Fong Po Kuan: Ini tidak adillah. Sesuka hati untuk guna peraturan. Suka tutup, tutup. Suka buka, buka untuk beri keutamaan Barisan Nasional berucap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila duduk. Sila duduk. Saya akan beri peluang lagi.

Cik Fong Po Kuan: Untuk kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Kementerian lain saya bagi peluang.

Cik Fong Po Kuan: Itu....

Tuan Pengerusi: Sila duduk. Tidak apa Yang Berhormat. Tidak perlu dibangkitkan perkara lain.

11.31 pagi.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada 13 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan Bajet 2005 di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2003 yang lalu dan telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian hal Ehwal Dalam Negeri.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang-bidang kuasa ini ialah Yang Berhormat bagi Dungun, Kepong, Padang Terap, dan Lipis yang telah membangkitkan isu mengenai Ikatan Relawan Rakyat termasuk juga Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Antara perkara yang dibangkitkan adalah mengenai pemberian kuasa kepada anggota-anggota RELA bagi membantu agensi penguat kuasa dalam menangani isu pendatang tanpa izin, lumba haram, kes ragut, jenayah dan lain-lain. Saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada RELA.

Tuan Pengerusi, dalam sejarah negara ini tindakan kerajaan mengupayakan rakyat untuk membantu dalam usaha menentang anasir-anasir yang mengancam keselamatan negara sebenarnya telah bermula dalam tahun 50-an lagi iaitu bermula di mana Pasukan *Home Guard* yang juga terdiri dari golongan wanita yang merupakan

kumpulan pertahanan barisan hadapan atau *front line*, dengan izin, berdepan dengan pengganas-pengganas komunis, mereka telah berjaya membantu kerajaan. Dalam tahun 60-an pasukan "Vigilante Corp" telah berjaya membantu menentang ancaman konfrontasi dari Indonesia. Pada awal tahun 70-an pasukan Rukun Tetangga telah berjaya membantu menentang jenayah di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Dalam zaman-zaman berkenaan pasukan RELA belum lagi ditubuhkan.

Namun pada tahun 1972 setelah kerajaan mengiktiraf dan menyedari betapa penting dan berkesannya pengupayaan tenaga rakyat dalam urusan keamanan negara maka RELA telah ditubuhkan secara rasminya sebagai satu pasukan separa militer. Kini RELA bersama-sama Rukun Tetangga mempunyai keahlian seramai lebih dari 560,000 orang yang aktif dan jika pasukan ini dilatih dan diupayakan ianya akan mampu menjadi pasukan pembantu yang berkesan dalam usaha membanteras apa sahaja gejala yang menjadi ancaman kepada kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negara ini.

Tuan Pengerusi, memandangkan isu kehadiran pendatang tanpa izin perlu dibendung dengan cara yang lebih berkesan.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Penjelasan Yang Berhormat. Jerai, Jerai.

Tuan Pengerusi: Ya, Jerai.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya habiskan?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: RELA, RELA.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya habiskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Habiskan RELA?

Dato' Azmi bin Khalid: Okey. Memandangkan isu kehadiran pendatang tanpa izin perlu dibendung dengan cara yang lebih berkesan maka mulai Januari 2005 pasukan RELA akan digembleng bersama-sama Rukun Tetangga untuk membantu pasukan polis dan imigresen dalam usaha membanteras pendatang tanpa izin.

Walaupun tugas menangani Pendatang Tanpa Izin (PATI) menjadi tugas utama pasukan RELA namun tugas utama RELA untuk membantu agensi penguat kuasa yang lain seperti penyalahgunaan dadah, membanteras jenayah, penyeludupan dan penguatkuasaan VCD akan diteruskan. Sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Menteri

iaitu RELA sekarang ini sudah popular kalau hendak dibandingkan zaman dahulu. RELA telah dipertanggungjawabkan begitu banyak tugas. Jadi, tadi Yang Berhormat bagi Beluran ada bangun dan mengatakan, saya pun tidak ada peluang untuk berucap, tetapi saya hendak komitmen daripada Menteri kalau boleh, apakah RELA ini tidak bolehkah diberi pakaian seragam yang segak, yang saya tengok sekarang ini elok, tetapi kalau kita pergi ke bandar di kawasan-kawasan yang berada, uniform RELA kemas, tetapi kalau masuk ke kawasan-kawasan kampung kadang-kadang seluar lain, baju lain, kasut lain, tetapi dia pegang tongkat sahajalah dengan *torch-light*, dia mengatakan dia anggota RELA.

Jadi, apakah pihak kementerian tidak boleh RM500 ribu lebih ini kita berikan mereka uniform yang kemas supaya apabila orang melihat mereka ini akan memberi penghormatan kepada mereka. Polis kalau dia membuka baju orang tidak berapa hendak menghormatinya, tetapi kalau dia memakai uniform orang sudah nampak kuasanya. Pada hari ini boleh atau tidak Yang Berhormat Menteri memberi sedikit komitmen supaya RELA ini segak di bawah kementerian Menteri sendiri.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang ada tajuk itu dalam ucapan ini. Izinkan saya membaca yang sebelum itu lagi. Tuan Pengerusi, bagi memantapkan keupayaan RELA..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi.

Dato' Azmi bin Khalid: .. mereka diperlukan menjalani beberapa jenis kursus dan latihan yang tertentu terutamanya kursus khas mengenai Akta Imigresen dan Akta Pasport telah diberikan kepada 212 pegawai RELA yang terdiri dari Pengarah RELA Negeri, Pegawai RELA Daerah, Penolong Pegawai RELA Daerah, Ketua Perhubungan RELA, Ketua Platun dan anggota-anggota yang terpilih sebagai persediaan menghadapi operasi besar-besaran memburu Pendatang Tanpa Izin yang bakal dijalankan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dato' Azmi bin Khalid: Usaha melatih mereka ini juga akan disambung untuk pasukan Rukun Tetangga bagi membolehkan mereka membantu kita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi. Tidak mengapa mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jawab sekali. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat bersetuju sangat langkah-langkah kerajaan untuk menggembleng pasukan RELA ini dalam usaha membantu bagi

membanteras Pendatang Tanpa Izin ini. Saya yakin dan percaya kerjasama yang akan diberikan oleh RELA ini akan dapat kita lihat kesan yang amat baik dalam usaha kerajaan membanteras Pendatang Tanpa Izin kerana RELA ini berada di mana-mana, satu pasukan yang besar

Saya lihat RELA adalah satu yang cantik di mana perpaduan antara kaum lebih terserlah di sini. Kita selalu mendengar rakan-rakan kita dari kaum China, kaum India kurang hendak menjadi polis, askar tetapi RELA nampaknya mereka lebih berminat. Jadi, ini adalah satu daripada cara kita membantu rakyat, tahniah kepada RELA dari segi dasarnya. Cuma saya ini kalau dapat Yang Berhormat Menteri dan kerajaan kita soal-soal kebajikan RELA ini harus disemak semula, elakannya, soal-soal latihannya, soal-soal kemudahan yang harus diberi kepada mereka, kemudian soal-soal yang berkaitan dengan apakah perlindungan-perlindungan kepada mereka jika dalam waktu mereka menjalankan tugas berlaku beberapa perkara.

Apakah ada rancangan-rancangan kerajaan untuk memberikan perlindungan. Kalau boleh diperbesarkan lagi RELA ini, terutama dari segi penyertaan daripada kaum wanita. Dia menjadi sebenarnya salah satu daripada tenaga..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila jawab.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: yang memberikan kekuatan kepada kita dalam menjaga keselamatan negara. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebenarnya berkaitan dengan kebajikan untuk Ahli RELA sedang dikaji dengan mendalam oleh kerajaan, memandangkan tanggungjawab dan jenis bantuan yang diperlukan bukan sahaja dari segi keupayaan mereka bahkan logistik, pengangkutan termasuklah sistem perlindungan bagi mereka yang mengalami kecederaan dan sebagainya dalam menjalankan operasi. Begitu juga RELA digalakkan membawa kawan-kawan untuk bersama-sama menyertai pasukan ini. Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa jumlah yang telah memohon untuk menjadi ahli telah meningkat dengan lebih banyak dari tahun-tahun sebelum ini dan juga ada tokoh-tokoh korporat, ahli-ahli profesional pun sudah mula menyertai RELA di beberapa tempat. Terima kasih Yang Berhormat.

Berhubung cadangan Yang Berhormat bagi Lipis..

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sedikit? Boleh?

Dato' Azmi bin Khalid: Sedikit sahaja.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Okey, last ya.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat tadi merupakan satu maklumat baru adanya daripada badan korporat hendak memohon menjadi anggota RELA. Tetapi saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sejauh mana penyertaan mereka ini, adakah semata-mata untuk - kita tidak menafikan berkhidmat menjaga keselamatan negara tetapi adakah mereka ini juga semata-mata hendak menyertai RELA ini ada undang di sebalik batu, seperti hendak memohon senjata api. Oleh kerana mereka hendak memohon senjata api melalui proses tertentu, mungkin ada halangan-halangan kuota dan sebagainya dan mungkin salah satu cara mereka merasakan ini adalah satu platform bagi mendapatkan peluang untuk mendapatkan senjata api, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi tujuan mereka untuk menyertai RELA kemungkinan setiap manusia ada matlamatnya masing-masing. Tetapi pada kali ini saya percaya oleh kerana masalah Pendatang Tanpa Izin ini begitu ramai dan dirasai oleh segenap lapisan rakyat maka saya percaya majoriti dari mereka yang terdorong untuk menyertai RELA bertujuan yang baik iaitu membantu kerajaan dalam usaha memperbaiki masyarakat mereka sendiri.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat bagi Lipis untuk menaikkan taraf Pejabat RELA Daerah, pada keseluruhannya pejabat-pejabat RELA negeri dan daerah telah dan sedang dipertingkatkan. Pada umumnya keadaan sekarang adalah jauh lebih baik dari masa-masa yang lampau. Kebanyakan pejabat RELA bertempat di bangunan-bangunan Persekutuan dan selainnya bertempat di bangunan yang disewa oleh kerajaan. Bagi pejabat RELA Lipis ia sedang di dalam proses mencari ruang pejabat yang sesuai untuk disewa. Begitu juga bagi pejabat-pejabat RELA di tempat-tempat lain. Tuan Pengerusi..

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Boleh sedikit?

Dato' Azmi bin Khalid: Sebentar, izinkan saya menghabiskan perkara ini dahulu. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat nilai sepasang pakaian, ini bagi menjawab juga soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Jerai – sepasang pakaian seragam ialah lebih kurang RM300, jika hendak dibekalkan kepada semua anggota ia akan menelan belanja yang besar, memandangkan jumlah anggota yang begitu ramai. Sebenarnya jumlah anggota RELA yang berdaftar lebih dari 400 ribu, cuma yang aktif lebih kurang 300 ribu.

Jadi, kalau semuanya hendak dibekalkan dengan pakaian seragam, memang belanja yang begitu besar. Sehubungan itu pihak kementerian sedang berusaha untuk membekalkan pakaian seragam hanya kepada anggota-anggota yang aktif yang telah menghadiri kursus asas RELA dan kursus Platun Keselamatan Daerah sahaja pada waktu ini.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Habiskan di atas.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Serdang juga membangkitkan sama ada kita hendak mengupayakan JKKK. Sebagai jawapan ingin juga saya memaklumkan Yang Berhormat bagi Serdang bahawa JKKK juga boleh menyertai pasukan RELA dan pasukan Rukun Tetangga.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Dato' Azmi bin Khalid: Jika mereka menyertai dua pasukan ini saya rasa mereka akan dapat diupayakan dengan cara yang lebih berkesan.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Kuala Krai.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menyentuh soal RELA saya memang terpaksa memberi suatu pendapat di sini kerana rakyat terutamanya di Kuala Krai begitu mementingkan perkara ini. Saya menyarankan kepada pihak kementerian supaya pertubuhan RELA ini disalurkan ke Parlimen, kerana kawasan Parlimen ini luas dan setiap satu kawasan itu mesti ada satu jabatannya yang telah ada dan rapatkan pegawai dengan pihak Parlimen.

Ini untuk mendekatkan lagi dari segi kerjasama dan kita kalau boleh ingin tahu daripada kementerian jumlah Rela dan Relawati yang kita jangkakan akan diadakan tidak lama lagi supaya dapat kita menggembelngkan tenaga bersama kepada pihak-pihak yang telah disuarakan oleh pihak kementerian dari segi kerjasama yang mendatangkan faedah dan manfaat yang sepenuhnya kepada rakyat di Parlimen masing-masing. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Kuala Krai, terima kasih atas cadangan. Cadangan Yang Berhormat itu akan dibincangkan di peringkat kementerian dahulu dan saya akan membawa perkara ini ke Jawatankuasa Kabinet yang berbincang, yang ada urusan secara terus dengan usaha membanteras pendatang tanpa izin.

Namun walau bagaimanapun, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Parlimen dan wakil rakyat di peringkat negeri yang sentiasa berdamping dengan pasukan RELA yang faham dan tahu masalah RELA di tempat masing-masing. Yang Berhormat Lipis juga mencadangkan supaya senjata api, senapang patah di bekalkan kepada anggota-anggota RELA. Untuk makluman Yang Berhormat, pemberian senjata api kepada anggota RELA adalah hanya kepada mereka yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam manual senjata api RELA. Pemberian lesen atas kelulusan pihak Polis Diraja Malaysia. Syarat-syarat yang ditetapkan

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Minta saya bacakan dahulu sekejap.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, duduk semua.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh duduk sekejap?

Tuan Pengerusi: Duduk semua dahulu.

Dato' Azmi bin Khalid: Ada dua yang bangun. Nanti sekejap, boleh saya habiskan ini dahulu. Sekejap ya. Syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut. Mereka hendaklah berusia 23 hingga 54 tahun, mereka sihat dan tidak cacat tubuh badan, tidak pekak dan bisu, kalau pekak dan bisu masalah. Menjadi ahli tidak kurang dari lima tahun, tiada rekod jenayah, menghadiri kursus asas RELA, mempunyai polisi insurans serta diperakukan oleh Pegawai RELA Daerah dan Pengarah RELA Negeri. Okey Yang Berhormat, yang mana dahulu?

Tuan Pengerusi: Bera

Datuk Ismail Sabri bin Yaacob: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh tentang RELA. Tadi Yang Berhormat Dato' Menteri memaklumkan bahawa masalah pakaian ini, dan *uniform* akan diberi kepada yang aktif sahaja. Sebenarnya Dato' Menteri, ini soal *chicken and egg* punya *situation*, dengan izin. Mereka tidak aktif kerana tidak diberi *uniform*. [Ketawa]

Itu alasan dia. Dia kata dia tidak boleh aktif, sebab tiada *uniform*, kalau di beri *uniform* mereka boleh aktif. Jadi saya rasa perlu dipertimbangkan.

Soalan saya yang kedua ialah mengenai pusat latihan. Saya setuju bahawa, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun setuju bahawa minat golongan muda kepada RELA bertambah. Dengan wujudnya RELA saya yakin kita akan mewujudkan masyarakat yang berdisiplin, dengan semangat kenegaraan yang kuat daripada rakyat kita.

Tetapi masalahnya, pusat latihan kurang. Pada hari ini, pusat latihan yang ada hanya mengikut kawasan, wilayah. Wilayah selatan saya difahamkan di Melaka , wilayah timur hanya di Terengganu. Kita menerima ramai pemohon baru yang ingin berkursus untuk menjadi anggota RELA. Tetapi kerana kurangnya pusat latihan, kita gagal untuk mengeluarkan ahli RELA yang baik, yang menjalani kursus. Jadi soalan saya, adakah pihak kementerian bercadang selepas ini untuk mewujudkan pusat-pusat latihan RELA di setiap negeri? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat menjawab

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Berkaitan dengan pusat latihan, memang RELA ada rancangan untuk mewujudkan sebanyak mungkin pusat-pusat latihan. Pusat-pusat latihan ini dirancang secara menyeluruh untuk membantu bukan sahaja membantu dalam melatih disiplin dan sebagainya. Kita juga ada cadangan untuk membantu ahli-ahli RELA yang tidak ada kepakaran untuk menyelesaikan masalah hidup masing-masing.

Kita ada cadangan untuk memberi latihan kepada mereka supaya apabila mereka menjadi ahli RELA, bukan sahaja mereka membantu kerajaan, bahkan diri mereka juga dibantu untuk memperbaiki kedudukan masing-masing dan ini adalah dalam rancangan jangka panjang. Pusat-pusat latihan juga sedang dibina mengikut apa yang ada pada kita dari segi peruntukan kerajaan, kita akan laksanakan. Menyentuh

mengenai *uniform*, saya memang mendapat banyak *feed back* ataupun maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Memang *uniform* ini merupakan suatu penggalak. Cuma kita tidak mahu mengatakan tanpa *uniform*, ahli masyarakat tidak menyertai RELA, sebab RELA merupakan satu pasukan sukarelawan yang datang daripada hati untuk membantu. Maka, kita tidak meletakkan galakan dahulu sebelum orang membantu. Sebab dalam negara kita, kita perlu ingat bahawa *volunteerism* adalah satu perkara yang sudah hampir pupus dalam negara kita. Maka ini perlu kita laksanakan dengan bijaksana supaya galakan itu tidak menjadi pendorong yang terbesar, bahkan niat di hati untuk membantu itu lebih besar.

Jadi oleh kerana itu, kita tidak berbincang mengenai upah dan sebagainya. Walaupun kalau ada upah, dia bukan satu perkara yang menjadi tarikan bahkan hanya sebagai habuan kalau sudah membantu.

Tuan Baharum bin Mohamed: [*Bangun*]

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya mungkin...

Tuan Baharum bin Mohamed: Saya hendak mengambil bahagian juga dalam menyebut tentang *uniform* ini. Walaupun kementerian nampaknya begitu liat untuk membahagikan *uniform* kepada anggota-anggota RELA ini, tetapi daripada pengalaman yang lalu, saya lihat bahawa sudahlah *uniform* itu terpaksa dibeli sendiri oleh anggota itu sendiri. Kemudian kita juga mendapati bahawa warna pakaian juga sentiasa bertukar. Kalau dahulu *barret* warna hijau, sekarang sudah tukar kuning, kemudian baju *uniform* hijau sekarang sudah kelabu dan macam-macam lagi.

Saya takut nanti bertukar lagi dan mendatangkan masalah semula kepada anggota-anggota RELA ini untuk membeli pakaian-pakaian atau *uniform*, begitu juga dengan pangkat mereka terpaksa mereka beli. Jadi kalau boleh disubsidilah ataupun disusun semula bagaimana mereka ini boleh dibantu, kerana mereka ini kadang-kadang memang berkhidmat sebenarnya untuk masyarakat, tetapi kalau kita tidak memberikan pengiktirafan kepada mereka ini, saya rasa mereka pun makin lama makin hilang, kemudian wakil rakyat yang akan dibebankan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila sambung jawapan.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Cadangan Yang Berhormat itu baik. Saya rasa kita akan bincang perkara ini dengan lebih mendalam bagi mengatasi dan mencari jalan bagaimana kita dapat membantu memberi *uniform* yang sebanyak mungkin.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Dato' Azmi bin Khalid: Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Puchong, Serdang, Kota Melaka, Kubang Kerian, Tanjong, Bagan, dan Seputeh telah membangkitkan isu mengenai *MyKad*. Setakat ini masih belum ada *MyKad* yang dipalsukan oleh mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, terdapat penipuan ke atas *MyKad* asal ataupun *base stock* yang di keluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara di mana butir-butir termasuk gambar pemilik asal telah dipadamkan dan dicetak semula dengan butir-butir orang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat sebanyak 120 *MyKad*...

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Mambong

Dato' Azmi bin Khalid: yang telah dibuat pindaan di atas maklumatnya, yang dapat dikesan diseluruh negara dan tindakan perundangan telah diambil ke atas pemilik-pemilikinya.

Tuan Pengerusi: Mambong

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. *[Mikrofon tidak berfungsi]* Ini kena sabotaj ini.

Tuan Pengerusi: Sila, sila.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Dato' Menteri, saya balik lagi kepada RELA ini. RELA kepada wakil rakyat di kawasan luar bandar adalah satu pasukan keselamatan yang amat penting. Di kawasan Parlimen Mambong umpamanya, setiap kali ada majlis rasmi, pasukan RELA pasti ada dekat situ untuk menjaga keselamatan di tempat-tempat di mana ada majlis. Di kawasan Mambong sendiri, tidak kurang daripada 30 *platoon* RELA dan ada lima unit RELA.

Saya telah pun berbelanja daripada peruntukan khas kawasan Parlimen ini tidak kurang daripada RM150,000 pada tahun-tahun yang lepas untuk membantu

RELA, termasuk bantuan latihan mereka di kawasan. Kenapa latihan juga tidak dibiayai oleh pentadbiran RELA? Ini saya ingin bertanya.

Yang kedua, memandangkan betapa pentingnya RELA ini kepada wakil rakyat di kawasan luar bandar, kenapa tidak ditubuhkan Suruhanjaya RELA di setiap kawasan Parlimen, di mana Ahli Parlimen menjadi pengerusi suruhanjaya ini dan diberi pangkat yang tertinggi sekali untuk RELA.

Tentang uniform ini memanglah ada masalah berlanjutan. Kalau dapat, kita bantu setengah, pentadbiran RELA bantu setengah. Macam mana? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya sedar dan memang kita mengucapkan ribuan terima kasih. Semua Ahli Parlimen ada mengeluarkan belanja kepada RELA dalam berbagai-bagai cara dan sumbangan Yang Berhormat itu amat disanjung tinggi kerana ini menunjukkan betapa prihatinnya Yang Berhormat terhadap RELA. Namun demikian, ada perkara-perkara yang perlu diteliti dengan mendalam seumpama apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat untuk diwujudkan Pesuruhjaya RELA dan melantik Ahli Parlimen menjadi Pengerusi atau badan penggeraknya. Ini perlu dibincangkan dan dikaji dengan lebih mendalam.

Pindaan atau pemalsuan *MyKad* sebenarnya mudah dicam Yang Berhormat - hanya dengan penggunaan alat "*reader*" yang dibekalkan kepada semua pihak penguatkuasaan. Dalam menangani masalah ini, tindakan berikut telah dilaksanakan:

- (i) mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan yang terdapat dalam *MyKad* seperti teknologi cip dan juga biometrik serta salutan plastiknya dipertingkatkan lagi mutunya supaya tidak boleh ditanggalkan dan disalut semula;
- (ii) kerajaan turut mengadakan ceramah kepada agensi penguat kuasa mengenai cara-cara pengecaman *MyKad* serta mengadakan operasi bersepadu bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Imigresen;
- (iii) mengadakan hubungan secara *online* dengan sistem penyimpanan maklumat di Ibu Pejabat JPN. Hubungan secara *online* ini boleh dibuat melalui agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Imigresen, Lembaga Tabung Haji dan lain-lain, bagi memudahkan pengesanan sesuatu kad pengenalan itu sah atau sebaliknya.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini Jabatan Pendaftaran Negara telah membekalkan 2,870 unit “*MyKad Reader*” kepada pihak Polis Diraja Malaysia. Pihak kementerian juga telah bersetuju untuk menambahkan “*MyKad Reader*” sebanyak 1,200 unit lagi untuk *national roll-out* yang akan dilancarkan pada tahun 2,005.

Tuan Wilfred Madius Tangau: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tuaran.

Datuk Azmi Khalid: Biar saya habiskan. Selain *MyKad Reader*, pihak PDRM juga telah dibekalkan dengan “*Key-ring Reader*” yang boleh dibawa ke mana-mana untuk memudahkan mereka. Sila Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kesemua cadangan, langkah-langkah yang dinyatakan tadi amat dialu-alukan. Walau bagaimana pun, niat baik untuk mengadakan *My-Kad* ini ialah untuk memberi *high security*, supaya kad pengenalan ini tidak boleh dipalsukan tetapi ia masih lagi boleh dipalsukan. Ia boleh dipalsukan barangkali disebabkan orang dalam, barangkali ada sindiket. Apakah Yang Berhormat pernah mengkaji di kementerian atau agensi yang terlibat sama ada, ada orang-orang, pegawai-pegawai *enforcement* atau *enforcement officers* yang terlibat untuk memalsukan kad pengenalan *MyKad* ini. Itu yang pertama.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Yang keduanya, berhubung dengan kad-kad pengenalan palsu di negeri Sabah. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan supaya kad-kad pengenalan palsu ini akhirnya tidak akan menjadi “*MyCard*” seperti mana kenyataan Yang Berhormat Menteri tempoh hari yang mengatakan memperakui bahawa di negeri Sabah terdapat banyak kad-kad pengenalan palsu. Yang Berhormat telah menyatakan di akhbar bahawa sekuriti yang ada dalam *MyKad* itu boleh menangkis daripada kad pengenalan palsu ini dijadikan *MyKad*.

Saya ingin mendapat jaminan bagaimanakah ini dapat dibuat untuk memastikan supaya kesemua kad pengenalan palsu di Sabah itu tidak akan menjadi *MyCard*. Terima kasih.

Datuk Azmi Khalid: Tuan Pengerusi, sistem *MyKad* yang ada sekarang menggunakan *computer chips* yang diletakkan di dalamnya dan dengan adanya

computer chips ini adalah mudah untuk bahagian-bahagian penguatkuasaan mengesan sama ada kad itu adalah tulen ataupun tidak, dengan adanya akses kepada sistem komputer yang ada di JPN. Walaupun kita berada di Sabah, dan kita menggunakan “*reader*” yang mempunyai hubungan melalui satelit, kita boleh mengetahui bahawa kad itu adalah kad asli ataupun tidak. Sesiapa sahaja boleh membuat kad, menjual kad, tetapi untuk mengetahui sama ada kad itu adalah kad yang tulen, ada sistem yang boleh digunakan sekarang yang menggunakan sistem satelit dan itu yang dikatakan sistem “*reader*” yang akan dibekalkan, yang telah pun dibekalkan dan akan diperbanyakkan di seluruh negara supaya kad itu boleh dikesan dengan serta-merta sama ada *genuine* ataupun tidak.

Bagi kad pengenalan yang dibuat di Sabah, ia menggunakan sistem yang lama. Oleh itu kita mahu semua rakyat dalam negara kita ini menggunakan *MyKad* oleh kerana ciri-ciri komputer ini boleh kita mengetahui dengan sebenarnya sama ada dia rakyat ataupun tidak. Kalau seorang itu mempunyai kad pengenalan palsu, apabila mereka cuba menukarkan kepada *MyKad*, tidak akan diizinkan oleh kerana dalam sistem kita namanya tidak wujud kerana kad itu dibeli dan dibuat di luar. Oleh kerana itu kita memperkenalkan sistem *MyKad*. Kita rasa selepas pada akhir tahun 2005, menjelang 2006, kalau semua rakyat dalam negara kita memiliki *MyKad*, semua orang yang memiliki kad palsu akan memegang kad yang haram dan mudah dikenal pasti berbanding dengan sistem yang dahulu.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan. Walau bagaimanapun, di negeri Sabah sudah pun beberapa orang yang sudah disabitkan kesalahan di mahkamah yang mempunyai *MyKad* tetapi orang itu palsu, orang itu pendatang tanpa izin. Beberapa kali, kalau di negeri Sabah ini, kita boleh baca di akhbar tentang keputusan mahkamah yang menyabitkan kesalahan orang-orang pendatang tanpa izin yang mempunyai kad pengenalan palsu dan mempunyai *MyKad*. Jadi sinilah yang kita tertanya-tanya, rakyat Sabah tertanya-tanya bagaimanakah sistem *MyKad* ini dengan satelit apa semua, ini boleh mengelakkan dari pemalsuan dan bagaimana mereka mendapatkan kad pengenalan. Apakah ini telah diberikan oleh orang-orang dalam atau bagaimana?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, *MyKad* juga boleh dijual oleh sesiapa pun tetapi bukan *MyKad* yang asli. Ia boleh dibeli tetapi untuk mengetahui sama ada seseorang itu mempunyai *MyKad* yang tulen perlu disemak dengan sistem kita yang

ada melalui satelit, yang ada dikatakan *MyKad Reader* yang menggunakan *My-Kad Reader* yang harganya pada hari ini masih mahal. Kita sedang mencari jalan untuk memurahkan alat ini. Dengan menggunakan alat ini kita boleh mengetahui bahawa kad yang ada dalam tangan yang kononnya *MyKad* itu tulen ataupun tidak. Kalau sistem dulu, dengan cara kad pengenalan dahulu, tidak ada cara bagi kita melainkan kita bawa kad berkenaan, bawa ke Jabatan Pendaftaran barulah kita tahu bahawa kad itu adalah kad yang palsu. Tetapi hari ini dengan menggunakan *MyKad Reader* yang dirangkaikan melalui satelit, kita dapat mengesan.

Jadi, bagi *MyKad* yang diubah, mana-mana *MyKad* yang diubah akan mudah dikesan walaupun dengan menggunakan apa yang dikatakan "*Key-ring Reader*" itu boleh dikesan dengan segera.

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, kalau hendak penjelasan ...

Datuk Azmi Khalid: Tak mengapa, kalau ada kelemahan Yang Berhormat, kita akan kalau ada Yang Berhormat begini, kalau Yang Berhormat ada bukti, kalau ada orang itu, bawa kepada saya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya hendak ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau Dulu saya pernah membuat laporan polis, saya buat laporan polis tentang orang-orang di Taman Kota di Keningau yang telah ditangkap kerana mereka ini adalah pendatang tanpa izin semasa "Operasi Ops Nyah" dulu dan keluar di dalam surat khabar dan saya membuat laporan polis bagaimana orang-orang ini mendapat *MyKad* dan sehingga pada hari ini tidak ada keputusan daripada laporan polis tersebut. Tidak ada. Cuma yang dinyatakan, JPN – Jabatan Pendaftaran Negara - menyatakan *MyKad* ini adalah *genuine*, yang betul. Itu sahaja tetapi bagaimana dia mendapatnya, itu yang kita ingin tahu. Semua orang tahu di Keningau

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: yang orang-orang ini adalah ... Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ya, cukup tetapi saya minta penjelasan. Polis pun tidak memberi penjelasan bagaimana

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi Menteri sudah jawab.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat, ini perkara khusus, yang spesifik, saya rasa baik Yang Berhormat, saya akan...

Tuan Wilfred Madius Tangau: Inilah kekhuatiran kita, ini kekhuatiran kita di Sabah, kita meminta jaminan. Ini ada *high security*, tetapi bagaimana dia boleh dapat? Bagaimana? Adakah sindiket orang-orang dalam ini? Sindiket dalam membuat kad-kad pengenalan ini? Adakah jaminan?

Dato' Azmi bin Khalid: Kalau tanya saya sekarang, saya tidak dapat jawab kerana kalau saya jawab tidak ada, tetapi mungkin ada. Tetapi cara mana dia menjalankan urusan itu yang kita hendak tahu, kalau ada. Jadi saya minta Yang Berhormat, lepas ini berhubung dengan saya, saya ingin tahu dengan cara mendalam apakah sebenarnya yang disebutkan orang ini pendatang tanpa izin tetapi dia mendapat *MyKad* yang *genuine*, ini yang saya hendak tahu sebab pendatang tanpa izin tidak ada hak untuk mendapat hak yang *genuine* dan kalau dia pendatang tanpa izin, seharusnya dia telah diambil tindakan sebagai pendatang tanpa izin.

MyKad dengan cip 32K telah diperkenalkan pada tahun 2001, selepas itu kerajaan memperkenalkan cip 64K untuk membolehkan aplikasi Public Key Infrastructure (PKI) Prasarana Kekunci Awam. Dengan aplikasi tersebut, pemegang *MyKad* 64K boleh menggunakan transaksi kewangan dengan selamat. Walau bagaimanapun pemegang kad cip 32K tidak diwajibkan untuk menukarkan *MyKad* mereka kepada cip 64K sekiranya mereka tidak memerlukan aplikasi yang tersebut di atas. Maknanya tidak ada paksaan bagi sesiapa untuk menukar dari 32K kepada 64K.

Tuan Pengerusi, isu berkaitan nombor terakhir dalam kad pengenalan hanya merupakan satu panduan jantina seseorang tetapi bukan sesuatu yang ditetapkan dalam perundangan. Kementerian mengambil maklum akan kesilapan yang berlaku ke atas nombor kad pengenalan yang berkenaan dan bersedia untuk membantu dalam membetulkan kesilapan tersebut. Adalah dinasihatkan agar pihak terbabit mengemukakan permohonan pindaan dan JPN akan dimaklumkan untuk memberi bantuan yang secukupnya.

Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan isu mengenai pertukaran jantina. Untuk makluman Yang Berhormat, pertukaran jantina yang berlaku...

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Gajah bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya habiskan ayat ini dahulu, ya? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertukaran jantina yang berlaku di negara ini sama ada daripada lelaki atau perempuan, ataupun dari perempuan kepada lelaki dilakukan secara bebas. Berdasarkan bilangan orang-orang di Malaysia yang mempunyai dua alat kelamin atau khunsa semasa kelahirannya adalah amat sedikit. Pihak Jabatan Pendaftaran Negara telah menerima banyak permohonan mengenai meminda maklumat jantina di dalam kad pengenalan.

Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak dapat diputuskan memandangkan jika sekiranya pindaan maklumat ini dilakukan sewenang-wenangnya maka ia akan memberi kesan sosial kepada masyarakat negara ini. Tetapi juga pertukaran maklumat jantina yang datangnya daripada orang-orang yang disahkan khunsa dan permohonannya tersebut diluluskan, sebenarnya ini memerlukan pengesahan dari seseorang doktor. Pertukaran jantina yang seperti ini adalah perlu disahkan oleh pihak doktor sebelum pembedahan pertukaran jantina tersebut dibuat. Sila Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin merujuk kepada persoalan mengenai *MyKad* tadi. Saya terima banyak aduan di mana ramai pemohon *MyKad* ini bekerjasama dengan seruan kerajaan untuk menukar *MyKad* seawal yang boleh tetapi mereka didenda RM100. Jadi, masalahnya ialah mereka pada bila-bila masa, menerima notis daripada pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Macam di kawasan Batu Gajah, mereka sudah banyak kali pergi berjumpa pegawai di JPN Batu Gajah, Batu Gajah kata belum sampai, selepas itu pergi lagi melawat, dia kata kena denda, padahal dia tidak pernah terima notis untuk mengambil *MyKad*. Memang ada proses rayuan tetapi persoalannya apakah mereka patut didenda apabila mereka langsung tidak menerima notis. Hanya komputer JPN kata, notis telah dihantar dan perlu didenda, itu perkara yang pertama.

Kedua, rayuan dibayar RM10, isu itu ialah kena melalui proses. JPN Batu Gajah kena hantar borang rayuan ke JPN Ipoh untuk Pengarah, itu ambil masa. Jadi, pemohon ini kena berulang alik untuk mendapatkan keputusan.

Perkara seterusnya ialah berkenaan kualiti. Saya terima aduannya di mana *MyKad* telah diceraikan kepada tiga lapisan tetapi petani ini simpan di poketnya, masuk peluh dan ia basah, tiga lapisan. Bila pohon semula, kena denda. Ini masalahnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, betul, saya pun kena.

Cik Fong Po Kuan: Perkara ketiga ialah berkenaan dengan ramai wanita telah menjadi mangsa peragut beg tangan. Jadi, apakah Jabatan Pendaftaran Negara akan melihat dari aspek jangan menyusahkan mereka lagi, jangan denda mereka apabila mereka kehilangan *MyKad* disebabkan beg tangan mereka diragut oleh peragut ini, mengecualikan mereka daripada denda RM20 atau selanjutnya RM40 itu.

Jadi saya pohonlah, dalam kes ini saya ada menulis kepada Ketua Pengarah berkenaan dengan rayuan. Ini bukan hal RM10, hal mereka yang tidak puas hati, tidak terima langsung notis tetapi kena denda.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, cukuplah. Baik Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Jadi saya harap, saya dimaklumkan kurang koordinasi *head office* dengan cawangan, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Batu Gajah ini, berkenaan dengan *MyKad* pun hendak emosi kah? Tidak payahlah emosi sangat, ini *MyKad* sahaja, benda bukan susah sangat. Denda itu sebenarnya kita kenakan denda oleh kerana banyak yang memohon *MyKad*, sudah siap lama, mereka tidak ambil. Mereka sebenarnya ada di kalangan rakyat kita yang tidak mempedulikan. Oleh kerana itu, terlalu banyak tertimbun di ibu pejabat, maka kita terpaksa mengatakan denda. Tetapi bagi mereka yang tidak dapat notis, ada sebab dan kemungkinan alamat yang diberi itu tidak sama dengan alamat yang mereka tinggal sekarang, kemungkinan itu ada. Tetapi kalau ada sebab-sebab yang munasabah, sememangnya Pejabat Imigresen di mana-mana pun diizinkan untuk mengecualikan denda. Jadi prosedur itu mungkin Yang Berhormat tidak bersetuju, saya akan balik bincang di pejabat JPN bagaimana hendak memudahkan kita mengesan dan mengecualikan denda.

Dari segi kualiti, ini juga bukan perkara yang baru yang saya dengar, saya akan berbincang di peringkat kementerian, apakah cara kita mengatasi masalah kualiti dan juga masalah mereka yang menjadi mangsa peragut, kita akan mengkaji bagaimana hendak membantu mereka.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Seputeh.

Dato' Azmi bin Khalid: Oh Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *MyKad* dahulu.

Dato' Azmi bin Khalid: Okay.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tanya, kalau kita lihat pihak Jabatan Imigresen telah pun mempercepatkan permohonan pasport. Jadi kenapakah Jabatan Pendaftaran Negara selalu mengehendaki pemohon *MyKad* ini menunggu lama untuk mendapat *MyKad* mereka? Bukankah ini juga merupakan satu macam *smart card* dan juga boleh dipercepatkan? Ini soalan pertama.

Soalan yang kedua, yang saya telah bangkitkan banyak kali, mengapakah lesen pemandu haruslah dimasukkan juga dalam *MyKad*? Sekiranya ini diiktiraf oleh kerajaan bahawa ini adalah sah dan kita selalu baca dalam surat khabar di mana pegawai polis masih mengeluarkan saman kepada mereka yang tidak membawa lesen memandu. Bila tunjuk *MyKad*, pihak polis itu tidak mengiktirafkannya.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pemegang *MyKad* seperti ini? Kenapakah kedua-dua ini tidak dipisahkan?

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Seputeh. Untuk makluman Yang Berhormat, lambatnya *MyKad* sebenarnya dari segi proses, tidak begitu lambat, dalam sebulan paling lama. Ada yang boleh disiapkan dalam tempoh kurang dari sebulan. Cuma dari tempoh kita memohon untuk menerimanya, mungkin setelah menerima notis dan sebagainya memakan masa lebih dari sebulan. Yang penting sekali ialah *MyKad* merupakan satu dokumen yang menunjukkan kita adalah rakyat tulen negara ini.

Ia sebenarnya satu kad yang memberi jaminan bahawa kita adalah rakyat negara kita. Maka sistem yang ada ialah sistem yang berkomputer. Kadang-kadang bukan semua yang lewat tetapi ada juga kerana cap jarinya. Oleh kerana tanda-tanda

jarinya, oleh kerana seseorang itu bekerja dalam bidang-bidang yang menggunakan banyak jari, maka cap jarinya sukar untuk dikesan oleh komputer, maka ini yang melewati kadang-kadang sampai dua, tiga bulan untuk komputer itu mengesan.

Kita perlu ingat bahawa sistem kita adalah sistem yang cukup canggih di seluruh dunia. Jangan Yang Berhormat mengandaikan bahawa *MyKad* merupakan – semua dunia ada *MyKad*, semua dunia mendaftar kerakyatan kita seperti mana yang kita buat. Sebenarnya dalam dunia ini Malaysia sahaja yang ke depan dalam urusan menentukan seseorang itu rakyat atau tidak. Jadi, kita merupakan sebuah negara yang ke depan, maka apa sahaja yang kita cuba kemungkinan kalau ada kesilapan kita akan membuat perbaikan, jadi kalau ada kelemahan kita akan cuba mengatasinya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hendak apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Dato' Azmi bin Khalid: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanjong dalam pertukaran jantina. Apa yang saya hendak bangkitkan di sini, pertama sekali bilangan yang melakukan pertukaran jantina di negara kita ini, apakah sudah banyak ataupun hanya perkara-perkara nadir ataupun perkara-perkara yang luar biasa.

Kedua, selain daripada pandangan, nasihat doktor kepada penukar jantina ini, apakah di sana pihak kerajaan mengambil kira pandangan syarak, apakah pertukaran ini benar-benar berlaku dari segi syaraknya, selain daripada doktor tadi. Saya setujulah pandangan doktor, selain daripada doktor itu, iaitu pandangan syarak, kerana kita bimbang, takut sekali dia merasakan bahawa beratnya untuk lelaki, dia tukar kepada lelaki, satu ketika nanti, dia berat kepada perempuan, dia akan tukar pula kepada perempuan.

Jadi, kalau ada dua, tiga panduan ataupun kawalan-kawalan ini barangkali dia hanya tukar, sekali tukar kemudian tidak berlaku lagi, nanti kita akan disebut negara yang banyak pertukaran jantina di negara kita ini. Bimbang begitu. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum itu, ada lagi satu jawapan untuk Yang Berhormat bagi Seputeh, bertanya kenapakah lesen

memandu yang kalau ahli-ahli tempat polis tidak boleh mengesan yang ada dalam *MyKad*. Ini saya rasa adalah kesilapan-kesilapan dalaman, ada pihak pegawai polis yang memeriksa kad itu, sama ada dia tidak tahu menggunakan alat ataupun dia tidak mempunyai alat. Ini, kita akan mengatasi masalah ini dengan perbincangan dengan pihak polis.

Yang Berhormat bagi Pasir Mas menyoal mengenai sama ada kita berpandu kepada hukum syarak dan sebagainya. Yang sebenarnya, dari segi khunsa memang sudah pun saya percaya diputuskan – saya tidak tahu, belum buat rujukan sama ada ini telah dirujuk kepada hukum syarak, tetapi saya percaya kerajaan sebelum membuat sesuatu ada membuat rujukan-rujukan.

Setakat ini pihak kerajaan masih lagi mengkaji sama ada pertukaran jantina secara bebas dan prosesnya untuk meminda maklumat di dalam dokumen pendalaman masih boleh diuruskan. Maknanya, kerajaan belum lagi membuat keputusan sama ada boleh diputuskan begitu sahaja untuk menukar jantina, oleh kerana ini memerlukan input dari pelbagai pihak termasuklah pihak-pihak agama, mereka yang mempunyai budaya-budaya yang tertentu. Dalam negara kita memang perkara ini adalah satu perkara sensitif, bukan seperti negara Barat.

Tuan Pengerusi, terdapat juga kes-kes pertukaran jantina

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Dato' Azmi bin Khalid: ...yang telah menimbulkan masalah selepas perkahwinan sebagaimana pernah berlaku di United Kingdom. Minta maaf Tuan Pengerusi, izinkan saya habiskan. Di UK pernah berlaku masalah di mana ditimbulkan masalah selepas perkahwinan, sebagaimana pernah berlaku di UK, seorang lelaki telah berkahwin dengan seorang lelaki, yang telah menukar jantina kepada perempuan. Apabila kes itu disebut, dibawa ke mahkamah atas permohonan suaminya, kerana mendapati pindaan maklumat perkahwinan tersebut tidak sah, maka suami mengambil tindakan, kemungkinan dia tertipu semasa dia berkahwin, maka pihak mahkamah telah memberikan keputusan bahawa perkahwinan tersebut tidak sah. Kes ini dikenali sebagai *covet vs. covet*. Sila Yang Berhormat.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Tuan Pengerusi, mengenai dengan *MyKad*. Yang sebenarnya saya beberapa kali sudah mengemukakan - denda-denda yang

dikutip di Jabatan Pendaftaran Negara begitu banyak sekali. Kita semua sedia maklum bahawa persekitaran kita ada orang yang tinggal di dalam bandar dan tinggal di luar bandar. Orang-orang yang tinggal di luar bandar ini, mereka tidak ada *post office*, mereka menggunakan sekolah untuk alamat waktu mereka memohon.

Kemudian, apabila diberitahu kad mereka sudah sampai, surat ini dihantar ke sekolah. Sekolah kumpul surat itu, mereka – guru-guru sekolah, pengetua tidak tahu pun siapa ini dalam kampung, beratus, beribu orang. Jadi, apabila pemohon ini tidak dapat surat mengatakan kad mereka sampai, mereka pergi ke pejabat pendaftaran, mereka diberitahu bahawa sekarang mahu kena denda RM100. Jadi, Tuan Pengerusi, memang saya tidak setuju kalau dalam bandar ada alamat tertentu, nombor rumah ada, mereka diberi notis ini dengan diterima oleh pemohon, itu kita terima bahawa boleh didenda. Ini lalai. Jadi, kita mintalah supaya kita selaraskan keseluruhan mengenai *MyKad*.

Mengenai penukaran jantina, Tuan Pengerusi, sebab dalam Dewan ini bila sebut jantina sahaja, semua orang buka telinga, semua mahu dengar, tetapi bagi Islam, kita mesti rujuk kepada Majlis Fatwa dahulu, kerana contoh, kalau sekiranya isteri ini, dia sudah jadi ibu tunggal, dia mahu tukar jantina, kerana dia tahu orang Islam boleh kahwin empat, kalau lelaki. Kalau perempuan tidak boleh, jadi ini minta dihalusi dahulu baru kita membuat sesuatu keputusan. Minta supaya dirujuk dahulu mengenai syarak, mengenai hukum dan lain-lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukup, Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tawau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, banyak lagi?

Dato' Azmi bin Khalid: Itulah saya minta, sedikit sahajalah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya harap dapat selesaikan sebelum tengah hari.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya, izinkan saya teruskan baca hanya untuk menjawab Yang Berhormat bagi 'Tawau' tadi, iaitu berkaitan dengan penggunaan pejabat. Memang di tempat-tempat kawasan pendalaman

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Kalabakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kalabakan. Kawasan Kalabakan.

Dato' Azmi bin Khalid: Oh! Kalabakan. Oh! Minta maaf. Saya biasa dengan dia dari Tawau. Yang Berhormat bagi Kalabakan maaf, kawasan baru. Cadangan daripada Yang Berhormat bagi Kalabakan untuk mencari kaedah yang lebih bersesuaian dari segi alamat. Memang ada cadangan daripada beliau untuk digunakan pejabat-pejabat wakil rakyat, saya ada tempat-tempat boleh digunakan pejabat wakil rakyat kerana wakil rakyat lebih mengetahui di mana rakyat mereka, pengundi mereka tinggal. Terima kasih Yang Berhormat, kita akan buat susulan.

Tuan Pengerusi, terdapat dua dokumen pengenalan di Jabatan Pendaftaran Negara yang mencatatkan jantina seseorang. Dokumen tersebut ialah dokumen sijil kelahiran dan kad pengenalan. Dokumen sijil kelahiran adalah satu dokumen yang dikeluarkan untuk mencatat keterangan-keterangan mengenai kelahiran, masa kelahiran, tempat kelahiran, jantina, keterangan ibu bapa, juga dokumen yang dipegang semasa kanak-kanak tersebut dilahirkan. Pihak bapa atau pihak keluarga yang terdekat bertanggungjawab memaklumkan kelahiran tersebut.

Maka keterangan jantina yang diberikan adalah berdasarkan kepada pengesahan permohonan atau pegawai perubatan ketika kanak-kanak tersebut dilahirkan. Percanggahan atau kesilapan mengenai jantina tidak mungkin berlaku dan walau bagaimanapun Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian membenarkan supaya pindaan dilakukan jika berlakunya kesilapan teknikal semasa pendaftaran dan kelahiran tersebut dilakukan.

Dengan itu pindaan faktor jantina dalam sijil kelahiran tidak boleh dilakukan selain daripada dua sebab yang dinyatakan di atas lebih-lebih lagi apabila seseorang yang telah dewasa dan melakukan pembedahan menukar jantina mereka dengan sewenang-wenangnya. Berhubung dokumen kad pengenalan yang juga mencatatkan jantina di dalam dokumen tersebut, pindaan maklumat di dalam kad pengenalan adalah diperuntukkan pada peraturan-peraturan pendaftaran negara yang sedia ada.

Kesimpulannya, pertukaran jantina yang dilakukan melalui teknologi perubatan perlulah dikaji dengan teliti kerana ia akan memberi impak yang besar kepada struktur sosio masyarakat negara ini, undang-undang dan hukum agama yang terdapat di negara kita.

Tuan Pengerusi, semenjak denda RM100 diperkenalkan kepada mereka yang lewat menuntut *MyKad*, bilangan kad pengenalan yang lewat dituntut telah dikurangkan. Kerajaan telah memberi tempoh selama tiga bulan dari tarikh kad telah

siap merupakan satu tempoh yang agak sesuai. Walau bagaimanapun, Jabatan Pendaftaran Negara boleh mempertimbangkan rayuan pengurangan denda sekiranya atas alasan-alasan yang diberikan adalah munasabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Serdang, pihak kementerian akan mengambil perhatian ke atas cadangan yang dibangkitkan mengenai ruang pejabat yang sempit di pejabat cawangan Serdang. Di samping itu, Jabatan Pendaftaran Negara berkemungkinan akan menggunakan unit bergerak untuk mengatasi masalah rakyat di kawasan tersebut. Begitu juga di kawasan-kawasan lain di mana perlu kerajaan akan mewujudkan unit-unit bergerak bagi membantu mempercepatkan proses pengeluaran *MyKad*.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Puchong, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai sebuah bas bagi membantu pertukaran *MyKad* di Lembah Klang. Di samping itu, kaunter bergerak di lain-lain negeri di Semenanjung diletakkan di tempat-tempat tumpuan orang ramai. Bagi Sabah dan Sarawak terdapat unit-unit bergerak yang khusus beroperasi sepanjang masa. Jika perlu kerajaan akan bersedia menambah bilangan unit bergerak khususnya bagi kawasan-kawasan pedalaman.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu pendatang tanpa izin. Ahli Yang Berhormat dari Puchong, Kota Melaka dan Seputeh telah membangkitkan beberapa perkara di antaranya, sistem bio-metrik. Begitu juga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari, dari mana tadi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran, Beluran, Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Beluran, ya Yang Berhormat Beluran tadi. Kompaun di bawah Seksyen 56 (1)(d) Akta Imigresen dan hukuman sebatan bagi majikan yang menggaji pendatang tanpa izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sistem Bio-Metrik bagi pendatang asing akan bermula secara berperingkat-peringkat. Buat permulaan menerusi program pengampunan yang sedang berjalan sekarang semua pendatang tanpa izin diambil cap jari mereka apabila meninggalkan pintu-pintu masuk negara. Adalah dijangka sistem ini akan siap sepenuhnya dalam tempoh 8 bulan dari sekarang setelah kerajaan memuktamadkan tender mengenainya dengan perbelanjaan lebih dari RM30 juta.

Berhubung isu dengan pemaju di denda walhal bukan pekerjaanya di bawah seksyen 56(1)(d) Akta Imigresen, secara dasarnya pihak penguatkuasa Imigresen di

dalam kes ini boleh mendakwa pihak tuan punya premis di bawah seksyen 55(e). Pemandang tanpa izin adalah dilarang masuk dan tinggal di premis yang dimiliki oleh sesebuah badan perbadanan korporat yang terdiri daripada seorang Lembaga Pengarah, Pengurus, Setiausaha dan sebagainya. Majikan atau subkontraktor pula boleh didakwa di bawah seksyen 55(b), bergantung pada pemandang asing yang digajikannya. Ada ketikanya Jabatan Imigresen mengambil...

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Beluran bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Bagi saya habiskan ya. Ada ketikanya Jabatan Imigresen mengambil tindakan terhadap *main contractor*, kontraktor utama kerana:

- (i) tiada bukti perjanjian projek yang boleh menyabitkan subkontraktor;
- (ii) kontraktor utama tidak mempunyai maklumat lengkap terhadap subkontraktor yang ditawarkan seperti nama yang sebenar, lesen perniagaan, alamat tempat tinggal dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya mengaku prosedur yang disebutkan di atas iaitu prosedur imigresen ini mengelirukan dan merumitkan urusan penyiasatan. Saya akan mencadangkan undang-undang ini dipinda supaya hanya *main-con* di dakwa ataupun kontraktor utama sahaja di dakwa seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Pengerusi, soal *section of the law* walaupun perlu sedikit pindaan tentang *the minor thing* tetapi kita lihat Akta Imigresen yang telah diluluskan mungkin satu akta yang ketat. Tetapi saya cuma sependapat dengan orang ramai bahawa akta ini belum memberikan kesan yang kita kehendaki dalam mengawal pemandang tanpa izin ini. Di sektor ladang umpamanya jadi satu kebiasaan, majikan akan *registerkan* sebahagian daripada pekerja iaitu diberi *quarters* di bahagian luar dan sebahagian besar daripada pekerja tidak didaftar secara *legal* dibina di *quarters* di dalam ladang-ladang mereka.

Jadi saya melihat, Tuan Pengerusi, walaupun akta ini sudah cukup kuat tetapi dari segi perlaksanaannya sekarang ini dan juga dari segi *enforcement* yang sekarang ini masih jauh daripada matlamat akta itu. Saya ingin tahu adakah kementerian

berpuas hati dengan penguatkuasaan yang dijalankan oleh pihak-pihak tertentu dalam menyedari peruntukan bahawa akta ini dapat dijalankan mengikut kehendak akta itu sendiri.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Beluran. Sebenarnya soalan ini berkait dengan penguatkuasaan. Oleh kerana itu kerajaan telah mencadangkan supaya penguatkuasaan ini diperbesarkan jumlah pasukannya. Kalau dahulu kita bergantung kepada jumlah yang sedikit tetapi hari ini kita akan mula menggunakan tenaga-tenaga yang lebih luas dan lebih besar liputan dari segi jumlah iaitu RELA dan Rukun Tetangga. Kita sudah juga menjalankan usaha-usaha untuk melatih pasukan RELA dan Rukun Tetangga bagi mereka dapat dan mampu mengesan masalah seperti ini.

Terima kasih tentang cadangan, saya percaya dengan sokongan Yang Berhormat sekalian usaha kita untuk membanteras pendatang tanpa izin...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Dato' Azmi bin Khalid: Saya minta maaf oleh kerana saya ada masih banyak muka lagi, bolehkah saya habiskan tajuk ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, teruskanlah Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dato' Azmi bin Khalid: Baik, terima kasih. Saya ulangi - saya mengaku prosedur imigresen ini mengelirukan dan merumitkan urusan penyiasatan. Saya akan mencadangkan undang-undang ini dipinda supaya hanya *main-contractor* dikenakan dan didakwa....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, ada apa yang hendak tanya?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Imigresen.

Dato' Azmi bin Khalid: Seperti mana yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura supaya urusan tangkapan dan siasatan dapat lebih mudah dan lebih fokus.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri telah mohon supaya dia teruskan jawapan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, Tuan Pengerusi, ini penting Tuan Pengerusi, ini penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Imigresenlah!

Beberapa ahli: *[Menyampuk]* Tidak apalah!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri tengah jawab...

Dato' Azmi bin Khalid: Okey, tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kena bersabarlah, kita di Parlimen ini memang banyak soalan-soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemukakan soalan terus, keluarkan terus soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soalanlah Tuan Pengerusi, banyak soalan yang memerlukan jawapan kerana kepentingan rakyat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya pelik dan hairan, Tuan Pengerusi, pelik, hairan, takjub dan apa lagi perkataan?

Beberapa Ahli: Terkejut!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Semalam saya daripada Sibul.

Seorang Ahli: Oh! Daripada Sibul? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[ketawa]* Sibul ialah sebahagian daripada wilayah Sarawak. Kapal terbang saya sepatutnya Sibul-Kuala Lumpur tetapi entah bagaimana Sibul-Kuching transit Kuala Lumpur. Jadi kita penumpang dia suruh keluar kerana 55 minit, memang kita patut keluar

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Benda ini Yang Berhormat boleh bincang dengan pegawai Imigresen....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak, ini ada kepentingan dengan soalan saya berkaitan dengan Sabah Sarawak dan Semenanjung, Tuan Pengerusi, kita sebagai rakyat Malaysia. Kita hendak faham. Keluar, saya diarahkan mesti berjumpa Imigresen. Apa hal pula jumpa Imigresen, saya orang Malaysia, Sibul daripada Sarawak, Kuching ialah Sarawak pergi ke sana, jadi kena cap Imigresen selepas itu baru masuk balik.. Ini seolah-olah saya kata, ini pelik, pelik tetapi ialah soal pegawai Imigresen tidak patutlah dia orang yang menjalankan tugas. Kenapa mesti berlaku begitu, Tuan Pengerusi? Saya pun peliklah.

Kemudian saya difahamkan kalau pergi ke Sarawak mesti orang kena tunjuk kad pengenalan, macam Sarawak ini lain dari wilayah Malaysia tetapi di Sabah lain pula. Jadi tidak sama ini.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah, Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Banyak tidak banyak, ceritanya begitu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, kalau tidak banyak boleh atau tidak...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cuba boleh atau tidak Tuan Pengerusi, kalau kita sebagai rakyat Malaysia masuk Sabah dan masuk Sarawak, tidak ada apa-apa masalahlah maknanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Kenapa, kenapa perkara itu mesti berlaku Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada jawapannya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Buang masa, buang masa dan hal ini, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, ada jawapan, ada jawapan, silalah Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hal ini Tuan Pengerusi, macam...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Azmi bin Khalid: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, tidak tahulah apa kepentingannya, apa kepentingannya, apa keraguannya, apa

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak apa, saya faham.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, Sri Gading, Sri Gading, Menteri faham dan akan jawab, sila duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi yang faham, Menteri belum faham. Saya hendak soal lagi *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Yang Berhormat sudah pernah pergi ke Sarawak bukan?

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya tidak tahulah! Sama ada pergikah atau tidak pergikah saya tidak tahulah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Ketawa]* Terima kasih atas kesabaran Yang Berhormat. Sabar dengan sayalah ya!

Dato' Azmi bin Khalid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Keraguan mengenai yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi adalah berkaitan dengan sejarah kita. Semasa Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia dahulu, ada perkara-perkara yang di bawah takluk bidang kuasa khusus negeri berkenaan. Antaranya ialah berkaitan dengan imigresen. Mereka mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan sistemnya. Cuma, yang menjadi pegawai ialah daripada Persekutuan. Undang-undangnya tertakluk kepada undang-undang imigresen Sabah dan Sarawak. Jadi, baik buruknya inilah yang dipersetujui semasa kita wujudkan Malaysia dahulu, sebelum Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia. Tuan Pengerusi, tujuan.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak ada usahakah Dato'? Sudah 40 tahun lebih, Dato'. Apakah ada keraguan orang Sarawak kepada orang Semenanjung, kepada orang Sabah? Apakah sejarah ini tidak boleh diubah, Dato'?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: "Anak sungai lagi berubah" Dato', inikan pula...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, boleh buat cadanganlah.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cadangkanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:.....masa depanlah. Cukuplah.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya. Iaitu ikut perjanjian dasar.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cadangan Menteri jadi....Menteri kena jawab begini - "Kita akan buat kajian". Itu jawapan dia. *[Ketawa]*

Dato' Azmi bin Khalid: Ini perkara dasar. Saya percaya Yang Berhormat boleh bawa perkara ini dalam peringkat lain.

Tuan Pengerusi, tujuan kementerian memperkenalkan seksyen 55(b) Akta Imigresen 1959/1963 (Pindaan) 2003 yang mengenakan hukuman denda tidak kurang

daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM50 bagi setiap pekerja yang digaji, penjara tidak kurang dari enam bulan dan tidak melebihi lima tahun serta hukuman sebat.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jasin bangun. Ayer Hitam bangun.

Dato' Azmi bin Khalid:....tidak lebih enam sebatan jika disabitkan kesalahan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat. Dua cukuplah sebab saya telah minta Yang Berhormat Menteri selesaikan jawapannya secepat mungkin kerana kita ada satu kementerian lagi dan hari ini adalah hari yang terakhir untuk kita selesaikan masalah-masalah dalam peringkat Jawatankuasa.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hendak tanya tentang dasar Dato'.....

Dato' Azmi bin Khalid:.....dan tidak melebihi lima tahun serta hukuman sebat tidak melebihi enam sebatan jika disabitkan kesalahan adalah sebagai langkah pencegahan dalam menangani masalah kebanjiran pendatang tanpa izin. Namun, keberkesanan undang-undang ini hanya akan berkesan jika pihak mahkamah mempercepatkan urusan penghakiman. Di sini saya suka memaklumkan bahawa pihak mahkamah telah bersetuju mempercepatkannya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *[Bangun] [Mengetuk mikrofon]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, Kubang Krian dan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh juga telah membangkitkan mengenai isu orang pelarian Rohingya dan sama ada kementerian bersedia untuk memberikan suaka politik berhubung isu selatan Thailand.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *[Mengetuk mikrofon]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Azmi bin Khalid: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Labuan bangun Yang Berhormat.

Dato' Azmi bin Khalid: Tidak kenalah. Kalau saya izinkan Yang Berhormat bagi Labuan, jadi dua lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, semua kena bangun lagilah.

Dato' Azmi bin Khalid: Boleh saya habiskan ini dahulu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Menganggukkan kepala]*

Dato' Azmi bin Khalid: Ya? Okey. Untuk makluman Ahli Yang Amat Berhormat, berhubung isu ini, Malaysia tidak menjadi ahli kepada *Convention United Nations 1951 relating to status of refugees*, dengan izin. Akan tetapi, ia tidak menghalang negara daripada mengiktiraf kumpulan tersebut sebagai pelarian mengikut budi bicara kerajaan. Contohnya, pelarian perang Filipina yang tiba di Sabah pada tahun 1970-an. Perkara ini masih dalam perhatian kerajaan. Walau bagaimanapun, pihak kerajaan memang prihatin terhadap kesengsaraan para pelarian dan sentiasa memberi layanan yang baik di samping kerjasama dengan pihak agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan seperti UNHCR dan kedutaan masing-masing.

Tadi Ayer Hitam minta dahulu. Okey, cepat sedikit, ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa terpenggillah untuk membangkitkan masalah orang kampung yang minta dibawa kepada Yang Berhormat Menteri. Kita lihat masalah sekarang, kita hendak mengusir keluar pendatang tanpa izin. Dalam kawasan saya, ramai juga penanam sayur, penternak ayam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini masalah pendatang haram.....

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, betul, betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat, selesaikan tadi. Jawapan sudah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ini, yang saya hendak tanya, bolehkah tidak tanya, dengar dahulu apa yang saya hendak cakap, saya rasa mungkin Yang Berhormat Menteri dapat dan juga pekebun kecil dalam bidang kelapa sawit. Kalau kita hendak mengusir keluar semua sekarang nampaknya respons itu kurang baik. Mungkinkah pihak kementerian memikirkan satu cara untuk kita buat program pemutihan untuk sektor-sektor yang kritikal yang masih memerlukan pekerja-pekerja dan kita minta juga kalau dengan cara ini, kita boleh mempertimbangkanlah prosedur untuk mendapatkan pekerja asing dengan lebih cepat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kalau tidak sekarang, prosedur kuasa tidak diturunkan kepada Pengarah Negeri. Minta penjelasan.

Dato' Azmi bin Khalid: Untuk makluman Yang Berhormat bagi Ayer Hitam, setakat hari ini, kerajaan tidak melihat pemutihan sebagai dapat menangani masalah ini, oleh kerana kalau kita ada pemutihan, banyak lagi akan menunggu di pantai-pantai kita untuk masuk ke negara kita. Lebih banyak lagi masalah akan timbul kalau kita ada pemutihan. Kalau tidak ada pemutihan, paling kurang kita akan ada jalan untuk menyekatnya.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Labuan, Labuan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Dato' Azmi bin Khalid: Namun, kita akan cari jalan untuk mengatasi masalah seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan supaya Yang Berhormat habiskan jawapan dahulu. Ada masa, barulah kita benarkan mereka untuk meminta penjelasan.

Dato' Azmi bin Khalid: Ya. Ini arahan daripada Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pemberian taraf kewarganegaraan kepada warganegara asing adalah merupakan satu anugerah tertinggi kerajaan kepada seseorang warganegara asing. Setiap permohonan akan dikaji dengan teliti supaya orang yang dianugerahkan taraf warganegara benar-benar layak dan menepati kehendak negara ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, warganegara asing berkenaan hanya mempunyai hak untuk memohon dan keputusan permohonan adalah merupakan hak kerajaan dan tidak perlu dipersoalkan.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya permohonan diberi jawapan segera, akan dipertimbangkan. Bagi seseorang isteri warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara, akan diberikan kemudahan untuk tinggal melalui pas setahun ke setahun dan selepas lima tahun, isteri warganegara asing yang berkenaan boleh mempertimbangkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri, saya hendak tegur sedikit, Yang Berhormat. Saya minta maaf, Yang Berhormat. Tolonglah memberikan kerjasama. Kita memang menghadapi masalah masa. Ada satu kementerian kita hendak bincangkan. Saya fikir Yang Berhormat bagi Labuan akan berucap juga nanti.

Jadi, tolonglah berikan kerjasama dan sebenarnya, saya ingin maklumkan mengikut Peraturan Mesyuarat 37(2), saya diberi kuasa untuk tidak membenarkan sesiapa meminta penjelasan. *[Dewan gamat seketika]* Jadi, ini untuk makluman. Jadi, tolonglah. Tidak apa, tidak apa. Selepas Menteri menjawab, kalau ada masa sedikit, saya benarkan. Sila.

Dato' Azmi bin Khalid: Kalau ada perkara yang khusus, boleh bawa kepada saya selepas ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang lima orang Ahli Yang Berhormat bangun. Cukuplah, cukup. Baik, teruskan jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, Labuan dahulu.

Dato' Suhaili bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, tentang pendatang tanpa izin ini Tuan Pengerusi, saya sudah timbulkan banyak kali di Dewan ini. Pertama, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kenapa kerajaan mengambil masa yang cukup panjang untuk menghantar balik PTI yang ditahan dan ditangkap ini?

Kedua, kenapakah kerajaan sanggup membelanjakan wang berjuta-juta ringgit memberi makanan percuma, memberi bekalan air, elektrik percuma, sementara menunggu mereka ini dihantar sedangkan wang tersebut kalau kementerian gunakan untuk kebajikan warganegara rakyat ini, lebih berfaedah, lebih baik digunakan.

Saya pernah timbulkan dengan Yang Berhormat Menteri, kenapa perkara ini berlaku? Kenapa kita mesti berbelanja berjuta-juta ringgit daripada pendapatan negara ini kepada orang yang tidak menyumbang kepada negara kita? Saya hendak tanya, apakah ada individu yang berkepentingan dalam kontrak bekalan makanan, menjaga kem-kem tahanan atau sebagainya sehingga kerajaan boleh buta mata, buta hati melihat berjuta-juta ringgit keluar daripada tabung kerajaan. Saya minta Yang Berhormat Menteri jawab perkara ini.

Seorang Ahli: Whoaa....!!

Seorang Ahli: Jawab!

Seorang Ahli: Sila jawab.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, pertamanya jumlah yang ditahan di kem-kem tahanan tidak banyak. Walaupun kita ada kapasiti untuk 16,000 orang, tetapi saya membuat lawatan tiga bulan yang lalu, hanya 6,000 orang. Tetapi hari ini, tidak sampai 1,000 orang. Bermaknanya, kita tidak melindungi sesiapa. Mengenai perbelanjaan berjuta-juta ringgit, kita tidak membelanjakan untuk mereka pulang. Mereka belanja sendiri. Hanya yang kita belanja ialah untuk kakitangan. Yang menjaga pusat-pusat tahanan ialah Jabatan Penjara tetapi yang mengendalikan urusan keluar masuk ialah Imigresen. Jadi, inilah kakitangan yang kita gunakan. Setakat ini kita ada 16 tempat pusat-pusat termasuk dua di Sabah dan Sarawak.

Mengapa mengambil masa panjang? Sebenarnya kita tidak mahu mengambil masa panjang. Kita mengizinkan mereka pulang secara pengampunan antara 29 Oktober hingga 15 November tetapi oleh kerana permohonan permintaan Kerajaan Indonesia dan untuk tujuan kita merapatkan hubungan dengan kerajaan yang baru ini, Indonesia, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengizinkan tempoh itu dilanjutkan.

Cuma, tempoh yang sebenarnya belum lagi ditetapkan. Kita tunggu sehingga lawatan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dahulu ke Indonesia. Saya rasa itu cukuplah sebab belanja kepada tiap seorang bagi makan sahaja, tidak sampai RM3 sehari, RM2.90 saya ingat satu hari yang saya pun tahu tendernya. Jadi, tidak ada banyak yang boleh dibelanjakan. Oleh kerana itu, kita tidak mahu pendatang yang tinggal di tempat-tempat tahanan itu makan terlalu sedap, mereka tidak mahu keluar. Maka, kompelin yang mereka selalu buat ialah makan tidak cukup, makan tidak sedap dan sebagainya. Kita kata kita tidak mahu mereka makan sedap-sedap kerana mereka suka tinggal di pusat-pusat tahanan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Dato' Azmi bin Khalid: Okey, last. Minta maaf, *last* ya. Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau *last* Yang Berhormat, ini Jasin yang sudah bangun lama.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya, sebenarnya satu isu tentang pelarian Rohingya yang mana dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian hari itu, tetapi tidak dijawab oleh Yang

Berhormat Menteri. Kenapakah Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri dia berucap dalam Dewan ini pada bulan lepas bahawa kerajaan akan memberi satu *special ID* ataupun kad pengenalan khas kepada pelarian Rohingya supaya mereka tidak akan ditangkap oleh polis dalam penghalauan pendatang tanpa izin itu balik ke negara asal mereka. Ini juga dibangkitkan dalam pertemuannya. Tetapi, sebelum saya datang, saya *check e-mail* saya, yang kumpulan Rohingya itu tulis *e-mail* kepada saya dan berkata selepas pengumuman ini telah dibuat beberapa kali di surat khabar tetapi yang baru-baru ini, ada rakan mereka juga ditangkap oleh polis dalam operasi penghalauan pendatang tanpa izin di Melaka, Johor dan di pelbagai tempat.

Jadi, saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya pendirian kerajaan tentang isu ini? Adakah yang *special ID* yang betul-betul akan diberikan kepada kumpulan Rohingya ini kerana isyarat yang keliru dikeluarkan oleh dua kementerian ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Dato' Azmi bin Khalid: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Seputeh, isu pelarian Rohingya belum lagi pasti 100% apakah tindakan yang akan diambil sebenarnya. Jadi, saya hairan kenapa pihak Rohingya mencari wakil rakyat Ahli Parlimen Pembangkang? Adakah mereka penyokong pembangkang dalam negara kita? [*Dewan gamat seketika*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: Selepas tempoh dua tahun, pemegang taraf pemastautin tetap isteri warganegara asing layak untuk memohon taraf warganegara. Dalam kes yang dibangkitkan, jika sekiranya ia layak mengemukakan permohonan dan telah mempunyai taraf PR dia boleh tinggal tanpa had masa dan tidak diminta untuk pulang sekiranya mempunyai niat untuk terus menetap di negara ini sementara menunggu permohonan diluluskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, kaki tidak sakitkah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak. [*Senyum*]

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, bagi kes-kes di mana isteri-isteri asing yang telah ditinggalkan suami yang merupakan warganegara Malaysia, yang suaminya warganegara Malaysia, kemudahan pas lawatan sosial jangka panjang telah

dikuatkuasakan dan diberi kepada isteri asing warganegara yang dianiayai dan anak-anak oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Jasin, Jerai bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Namun begitu, kementerian akan menimbangkan kelulusan permit masuk ataupun PR dalam kes seperti ini mengikut merit satu-satu kes.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Padang Terap membangkitkan mengenai tugas dan tanggungjawab Lembaga Penapisan Filem. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Lembaga Penapisan Filem bertanggungjawab menapis kandungan filem-filem sebelum ianya diedarkan dan ditayangkan kepada umum termasuk tayangan di pawagam, jualan pasaran dan tayangan di stesen-stesen kecuali siaran di ASTRO. Kita tidak mengawal ASTRO, bahkan kita memberi garis panduan kepada ASTRO.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tanjong telah membangkitkan isu mengapa pertubuhan agama lain selain agama Islam perlu mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah dijawab di Dewan yang mulia ini pada 28 September 2004 di mana kebebasan untuk menganuti dan mengamalkan agamanya bukanlah sesuatu kebebasan yang mutlak. Ianya adalah tertakluk kepada undang-undang negara yang berkaitan dengan ketenteraman awam dan akhlak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih daripada 5,500 pertubuhan agama yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, yang dimaksudkan dengan pertubuhan agama yang tidak perlu didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 ialah berkenaan dengan agama Islam.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila duduk. Ada peraturan mesyuarat. Ada peraturan mesyuarat. Yang mana satu Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Masih berdiri]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: *Point of Order. Pertama,....*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang mana satu? Baca!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: 41....41(e). Di mana seseorang ahli itu bercakap semua ahli itu hendaklah diam. *[Ketawa]* dan tidak boleh mengganggu. Tetapi Yang Berhormat, saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]* Yang Berhormat, Yang Berhormat sendiri yang melanggar peraturan mesyuarat itu!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, Yang Berhormat! Saya minta penjelasan, Yang Berhormat, saya hendak berucap pun tidak boleh, saya hendak minta penjelasan pun tidak boleh. Macam mana saya hendak ceritakan kepada rakyat ini? Bolehkah Yang Berhormat Menteri? .Tahniahlah! Perlis menang sebiji. Tetapi yang menang pun bola jaring bukan bola sepak! *[Ketawa]*

Yang kedua, Yang Berhormat, kita hendak menahan pendatang asing daripada masuk ke Malaysia ini, yang pentingnya kita telah meluluskan rang undang-undang begitu banyak untuk mendenda, merotan dan memenjarakan orang yang menerima pekerja. Pendatang asing ini tidak datang ke Malaysia kalau kita tidak beri kerja kepada dia.

Sekarang ini, sepatutnya kementerian menangkap orang yang menerima atau mengambil pekerja-pekerja asing yang bekerja dengan kita tanpa kebenaran. Jadi selesai masalah kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: *[Masih berdiri]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *[Bangun sambil memegang buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng] Peraturan Mesyuarat! Peraturan Mesyuarat!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti sat!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah peraturannya?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, ini peraturan 2. Ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang berdiri. Seorang kena duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, ya. Jasin kena duduk.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ha, okay. Terima kasih, Tuan Pengerusi.
[Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengoklah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat! Jerai, cukup!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, tengoklah bagaimana dahaganya kami untuk bertanya dan berucap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah. Cukuplah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidakkah kasihan kepada kami?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya ini membuang masa Dewan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa jikalau tidak ada gula, semut tidak datang. Ini fasal ada gulalah semut datang. Jadi, kita buang gula. Kalau syarikat itu mengambil pekerja tanpa izin, kita denda, ambil tindakan mahkamah, masukkan mereka ke dalam penjara dan rotan mereka. Kalau kita buat yang ini, *insya-Allah* pendatang tidak akan datang lagi, Yang Berhormat. Ini cara-cara saya yang hendak saya bagi dengar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih. Saya tarik balik *point of order* tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [*Bangun*]

Dato' Azmi bin Khalid: Pandai, pandai. Pandai Yang Berhormat Jerai. Saya tidak boleh jawab mengenai bola sepak kerana Yang Berhormat Jerai ada kepentingan di negeri Kedah.

Mengenai pelindung, memang kita bersetuju bahawa selagi ada pelindung, selagi tidak ada tindakan diambil ke atas mereka yang menggaji pendatang-pendatang tanpa izin ini, maka selama itu kebanjiran pendatang tanpa izin ini akan bertambah dan tidak dapat dikawal.

Oleh kerana itulah saya sebutkan tadi, tindakan-tindakan bersepadu sedang dijalankan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Dato' Azmi bin Khalid: ..dengan anggota RELA dan Rukun Tetangga. Kita juga telah mendapat persetujuan pihak mahkamah untuk mempercepatkan proses pengadilan kepada majikan-majikan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jasin. Jasin.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi. Nanti dia kena marah pula. Okay, *last, last!*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu mengenai dasar pengambilan pekerja asing. Jawatankuasa Kabinet berkenaan dengan pekerja asing buat ketentuan, pekerja-pekerja daripada India yang masuk ke dalam negara kita hanya untuk dua kerja: Tukang masak dan tukang cuci. Tetapi, pada hari ini kita tengok di restoran-restoran India yang ada dalam negara kita semuanya sekali hinggakan kerani dan pekerja-pekerja di hadapan pun orang India, tetapi keputusan Jawatankuasa Kabinet hanya tukang cuci dan tukang masak.

Begitu juga dengan Jawatankuasa Kabinet membuat keputusan bahawa majikan-majikan sendiri akan *hire* pekerja-pekerja asing untuk perusahaan-perusahaannya, tetapi kita lihat pada realiti di pelabuhan-pelabuhan, agen-agen yang tidak ada kena mengena mereka menguruskan. Ini yang kita hairan. Yang ada lesen di bawa masuk diharamkan, jangan buat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apakah soalnya?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang tidak ada lesen dibenarkan. Inilah soalnya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik. Cukup. Duduk!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Azmi bin Khalid: Ahli Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih di atas soalan ini. Ini adalah relevan pada masa kini. Oleh kerana itu kita telah mengambil tindakan yang tegas terhadap restoran-restoran India. Kita tidak lagi mengizinkan mereka menggunakan tenaga asing bagi urusan-urusan dalam restoran, untuk melayan orang dan sebagainya, hanya diizinkan sebagai tukang masak dan pekerja kasar sahaja.

Begitu juga berkaitan dengan keputusan Jawatankuasa Kabinet tidak mengizinkan agen-agen. Walaupun kita tidak mengizinkan tetapi didapati majikan-majikan khususnya mereka yang memerlukan tenaga kerja yang tidak banyak, mereka tidak mempunyai bahagian atau jabatan *human resource* masing-masing. Untuk mengendalikan ini, maka mereka masih memerlukan bantuan agen-agen. Oleh kerana itu kementerian sedang mengkaji bagaimana caranya untuk kita mempermudah dan

mempercepatkan dan juga mengurangkan kerenah-kerenah birokrasi yang membawa kesan-kesan yang tidak baik yang didapati dalam masyarakat pada hari ini khasnya berkaitan dengan pekerja asing.

Tuan Pengerusi, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Serdang berhubung dengan pembukaan Pejabat Cawangan Imigresen Serdang, perkara ini telah dijawab oleh Jabatan Imigresen bahawa dengan adanya cadangan penubuhan pejabat cawangan di Rawang, Subang Jaya, Kuala Selangor dan Putrajaya, ia dirasakan telah dapat menampung keperluan rakyat walaupun ketiadaan pejabat di Serdang.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan sekiranya terdapat perkara-perkara lain yang tidak disentuh dalam jawapan tadi, pihak kementerian akan memberi perhatian terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan. Sekian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM937,044,600 untuk Maksud B.61 di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM937,044,600 untuk Maksud B.61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM236,196,100 untuk Maksud P.61 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM236,196,100 untuk Maksud P.61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

**Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2005] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.66 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Keselamatan dalam Negeri dibuka untuk dibahas. Mambong.

12.58 tgh.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus menyentuh di bawah kementerian ini Butiran B.020300 yang berkaitan dengan penyiasatan jenayah dan juga dengan 020400 Risikan Keselamatan. Ini di bawah Polis Di Raja Malaysia

Tuan Pengerusi, di Sarawak pada masa ini terlalu banyak insiden-insiden pencurian, rompakan, pecah rumah dan juga pencurian kenderaan-kenderaan yang dicuri di Bandaraya Kuching dan bandar-bandar yang lain, tetapi di bawa masuk ke negara jiran iaitu Kalimantan, Indonesia. Ini disebabkan bahawa di pekan-pekan di sempadan terlalu banyak “jalan tikus” dan sekarang bukan lagi jalan tikus tetapi jalan gajah.

Di Lubok Antu – Pekan Lubok Antu...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Apa itu “jalan tikus”, Yang Berhormat? Saya tahu ada jalan *Federal*, jalan *state* dan jalan lebuhraya. Ini, jalan tikus ini saya belum tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: Jalan tikus adalah jalan di mana rakyat daripada Indonesia masuk daripada sempadan, tetapi mereka hanya berjalan kaki. Sekarang sudah ada jalan dinamakan “jalan gajah”. Mereka masuk ke Sarawak mencuri kenderaan dan bawa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh sambung selepas makan tengah hari?

Dr. James Dawos Mamit: Oh, boleh. Tentu boleh. Saya ingin menceritakan lebih panjang lagi tentang jalan gajah ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dihadkan ada lima minit sahaja lagi. *[Ketawa]*

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dewan bersidang semula. Majlis dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Mambong, sila sambung ucapan.

2.32 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan menghuraikan jalan-jalan keluar masuk daripada Kalimantan. Kalau dahulunya ia jalan tikus iaitu hanya jalan yang kecil tetapi sekarang sudah menjadi jalan gajah di mana kenderaan boleh keluar masuk dari Kalimantan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Penjelasan. Kalau jalan tikus itu kecil, jalan gajah itu Yang Berhormat bagi Arau boleh jalankah? *[Ketawa]*

Dr. James Dawos Mamit: Kalau jalan gajah ini gajah daripada Gunung Jerai pun boleh jalan. Di Lubok Antu, ini adalah pekan di sempadan Kalimantan, Sarawak sudah ada empat belas jalan yang besar ini. Apabila pencuri-pencuri daripada Indonesia mencuri kereta dan sebagainya, itulah jalan keluar masuk daripada situ. Di Sarikei sudah ada tiga jalan besar ataupun jalan gajah ini dan hanya satu sahaja jalan gajah ini dikawal oleh pihak tentera. Di Tebedu ada 17 jalan tikus. Jadi, inilah masalah kita di Sarawak. Kalau kita pergi ke Kalimantan, kita lihat kereta Kancil, kita bertanya "Di manakah mereka mendapat kereta Kancil?". Mereka menjawab "Daripada Kuching kerana kereta ini kita boleh dapat *free*". Inilah jadi masalah.

Oleh yang demikian, saya mohonlah pihak kementerian untuk membina pagar dua lapis atau *double fencing* seperti di Perlis dan di Kedah. Di situ memang sudah ada pagar dua lapis atau *double fencing* dan sudah terbukti bahawa pagar ini adalah berkesan. Tambahan pula di sempadan sudah ada beberapa *estate* kelapa sawit. *Company* kelapa sawit ini mengambil mereka daripada Kalimantan untuk bekerja tetapi mereka tinggal di sebelah sempadan, ada kawasan perumahan mereka sendiri. Selepas itu setiap pagi mereka keluar masuk. Mereka ini keluar masuk sama ada mereka ini bekerja di *estate* atau tidak, ini belum tentu kerana ada kemungkinan mereka ini adalah perompak. Itulah sebabnya saya menyarankan agar kerajaan membina pagar dua lapis atau *double fencing* di pekan-pekan dan di sempadan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Aman bangun, Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat bagi Sri Aman jangan panjang sangat.

Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Doktor. Saya ingin minta penjelasan sama ada pagar yang diminta oleh Yang Berhormat ini akan dibina sepanjang sempadan di kawasan Parlimen Sri Aman oleh kerana di kawasan ini saya rasa mungkin ada 100 jalan tikus kerana setiap hari saya nampak ratusan orang dari Indonesia datang melalui jalan tikus ini dan apakah keburukannya kalau mereka duduk di sempadan sebelah Indonesia, di waktu siang mereka bekerja di ladang kelapa sawit kita dan di sebelah petang balik ke negara mereka?

Dr. James Dawos Mamit: Di Sri Aman saya diberitahu ada satu kampung di mana ada pintu gerbang. Di pintu gerbang tersebut ada tertulis "Selamat Datang Rakyat Indonesia ke Sarawak". Jadi ini juga satu masalah kerana di Sarawak seperti di Sri Aman ataupun di Pedawan di mana dalam kawasan saya sendiri sudah bertahun-tahun, beratus-beratus tahun sebelum Malaysia ditubuhkan, mereka dari sebelah sempadan mengunjungi saudara mara di Sarawak, ini sudah beratus tahun. Itulah sebabnya beratus-ratus jalan tikus di situ tetapi yang menjadi perompak bukannya mereka ini. Yang menjadi perompak adalah mereka dari Pontianak yang datang melalui jalan tikus dan menggunakan jalan gajah. Ini adalah satu masalah.

Yang kedua, saya juga memohon agar bilangan GOF (*General Operation Force*) ditambah di Sarawak supaya mereka ini boleh menjaga sempadan di negeri itu.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 056000 iaitu Bangunan-bangunan Penjara. Setiap mesyuarat Parlimen saya ada bertanya tentang Kompleks Penjara Mambong ini yang terbengkalai. Mula pembinaan pada tahun 1996 tetapi kontraktor tidak meneruskan pembinaan dan menghentikan kerja-kerja pembinaan pada tahun 2000. Sehingga kini pembinaan tidak diteruskan.

Saya mohon agar kementerian melihat perkara ini dan jika Kompleks Penjara ini terus dibina, adalah harapan saya bahawa kompleks ini adalah satu kompleks yang moden dengan fasiliti yang moden, dengan alat-alat yang canggih, lebih tinggi lagi bukannya alat-alat seperti yang ada di penjara yang sedia ada sekarang. Ini yang saya mohon tetapi pembinaan mesti diteruskan kerana sekarang ini tapak itu digunakan oleh pencuri, perogol dan penagih dadah kerana separuh daripada pembangunan sudah siap dan besi pun sudah pun dicuri selama ini. Ini memang tidak baik. Saya mohonlah daripada kementerian untuk meneruskan.

Sekian, terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jasin dahulu.

2.40 ptg.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan dalam perbahasan untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang meliputi B.62 dan Pembangunan P.62.

Saya ingin menarik perhatian tentang Butiran 025000 - Pencegahan Dadah dan 04000 - Agensi Dadah Kebangsaan kerana kita lihat pada hari ini kita telah memperuntukkan wang yang begitu besar terhadap kerja-kerja ini dan kita berharap supaya di masa yang akan datang tidak ada perkara-perkara yang berlaku bagaimana yang kita sering dipaparkan dengan masalah-masalah pusat-pusat serenti.

Tujuan kita mengadakan pusat serenti sebanyak 28 buah dan kita berbelanja begitu besar untuk memulihkan penagih-penagih dadah dan mereka yang terjebak dengan dadah, tetapi akhirnya masalah yang kita hadapi sekarang ialah kita terpaksa pun memulihkan balik pemulihan ini bermula dengan memulihkan pusat serenti yang 28 buah ini supaya mereka yang pergi ke sana benar-benar dapat kita pulihkan. Janganlah di tahun-tahun yang akan datang kita menghadapi masalah lagi dengan terdapat pelatih-pelatih di pusat serenti ini boleh keluar ikut suka dan ada di tempat-

tempat pusat serenti di mana mereka keluar macam pergi *shopping*, boleh beli barang-barang dan dibawa masuk balik ke pusat serenti dan tidak ada kawalan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya hendak bertanya sedikit. Setujukah Jasin dengan banyaknya lagi pusat-pusat serenti ini, ia akan menggalakkan lagi lebih ramai penagih dadah kerana mereka lihat adanya pusat-pusat untuk memberi satu tempat makan percuma, tidur percuma dan segala-galanya percuma. Adakah Yang Berhormat bersetuju melihat perkara ini berlaku?

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Larut. Itu sebab saya katakan tadi, yang penting pada kita pada hari ini kita kena pulihkan dahulu pusat serenti kita, kerana kita dapati bahawa banyak masalah yang kita hadapi. Anggapan manusia atau anggapan orang ramai, apabila kita menghantar ataupun anak kita masuk pusat serenti dengan harapan besok apabila mereka balik, sudah dipulihkan. Tetapi bilangan yang dipulihkan amat kecil sekali dan kita menghabiskan banyak wang.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada lagi? Sila Jerai.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih Jasin. Tuan Pengerusi, empat tahun yang lalu saya pernah mencadangkan di Dewan yang mulia ini, sungguh pun mereka ini bukan penjenayah, mereka ini orang yang sakit. Tetapi apa salahnya kita ambil dia orang ini, kita letakkan di pulau, macam pulau-pulau yang orang dok tuntutan itu, kerana tidak ada orang, negara lain tuntutan pulau itu. Kita letakkan mereka di situ, jadikan pusat di situ. Kalau dia orang hendak lari pun susah. Di situ mana ada *shopping centre*. Kalau dia hendak lari pun kita tidak ada *power boat* ini semua kita kawal. Kalau dia orang hendak lari, dia berenang. Kalau berenang bermakna orang itu sudah pulih dari penyakit dah.biak pi dia berenang habislah.

Hak yang sakit berenang, itu tak mengapalah ikan dalam laut boleh selesaikan depa, jadi selesailah sedikit masalah kerajaan. Jadi, apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan supaya kita wujudkan pulau-pulau yang tidak ada manusia ini dijadikan tempat pusat pemulihan penyakit-penyakit dadah ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Memang saya ke arah itu kerana kalau kita lihat dalam tahun 60an, tahun 70an apabila kita

menghadapi masalah *gangster* dan juga penjahat-penjahat dahulu, kita ada Pulau Jerjak. Satu Malaysia yang mana jahat *gangster-gangster* ini, kita hantar ke Pulau Jerjak dan dia serik kerana di Pulau Jerjak itu tidak ada lawatan daripada keluarga dan sebagainya, akhirnya dengan tersendirinya *gansterism* yang wujud pada tahun 60an dan 70an ini habis macam itu.

Saya penuh yakin dan percaya, kalau kita dapat tempat macam itu, yang berlaku di Indonesia pada hari ini – Seri Kembangan, bukan Seri Kembangan dekat Kajang tetapi Seri Kembangan dekat Chilachap yang mana anak Suharto pun dipenjarakan di tengah pulau yang mana bak kata kawan kita daripada Gurun tadi.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jerai.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: mungkin ini akan menimbulkan sedikit gerun kepada mereka yang hendak menagih dadah balik.

Tuan Pengerusi, saya berharap juga kementerian kerana pada hari ini dengan masalah ketagihan yang ada, saya tengok apa yang berlaku di kawasan saya pada hari ini, amat menakutkan sekali kerana pada hari ini kita lihat bahawa ramai di antara anak-anak kita bermula daripada umur 9 tahun, 10 tahun, 11 tahun, 12 tahun, 13 tahun mereka tidak dapat dadah, tetapi masalah yang dihadapi pada kita pada hari ini ialah menghidu gam.

Kita pun hairan. Mereka juga sudah ada R&D gam tampal basikal itu dicampur dengan petrol, masuk dalam plastik beg, dia pun serekup kepala dia macam Robin Hood. Dan yang lebih menyedihkan lagi kalau yang tidak ada duit hendak beli gam pula, najis tahi lembu ini, [*Ketawa*] najis lembu ini diambil dan mereka hidu dan yang terakhir dan yang terbaru ini pula, lagi yang tidak dapat tahi lembu, dah minum air kencing manusia. Lebih mendukacitakan Tuan Pengerusi, lebih mendukacitakan apabila sudah bertahun mereka menghidu gam apa semua, anak-anak kita ini sudah bebal, sudah mamai, sudah jadi bodoh.

Kita minta supaya polis bekerjasama, kita laporkan kepada polis. Polis telah menjawab kepada kita bahawa dia tidak ada rang undang-undang tentang gam basikal ini, dia tidak ada rang undang-undang dan tidak boleh buat apa. Akhirnya kami di Jasin telah melaporkan kepada Kebajikan Masyarakat supaya dapat memulihkan mereka ini. Kebajikan Masyarakat ambil anak-anak ini masuk dalam sekolah membaiki akhlak.

Apabila tiba di sekolah membaiki akhlak ini Tuan Pengerusi, anak kita yang sudah bebal umur 11 tahun sehingga 13 tahun ini, dia buat kerenah pula dekat sekolah itu sambil memeluk-meluk pula cikgu di sana. Akhirnya dia dikeluarkan dan apabila kita rujukkan kepada Kementerian Kesihatan, Kementerian Kesihatan pula bawa ke hospital masuk dalam wad gila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, jadi gulungnya, saya berharap walaupun tidak ada akta pada hari ini, bagaimana polis telah membuat akta tentang pokok ketum tadi, sudah menjadi sebahagian daripada dadah, saya berharap kita kena fikirkan. Kita kena fikirkan dan mengadakan suatu akta baru termasuk gam ini dan kalau boleh gam untuk basikal ini kita kawal. Di Malaysia ini, orang miskin, orang kerja kilang pun sudah pakai kereta Kancil, berapa ramai lagi yang pakai basikal? Kita kena kawal kemasukan gam ini kerana kalau gam ini masuk secara berleluasa, akhirnya peniaga-peniaga mengambil kesempatan untuk menjual kepada anak-anak kita, akhirnya anak-anak kita akan menjadi penghidu gam yang mana taraf dia sama dengan penagih dadah.

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Pahat.

2.47 ptg.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menjurus kepada Butiran 050000 – Penjara dan 050200 – Keselamatan Penjara, 050400 – Perancangan Tenaga Manusia.

Kita maklum bahawa di Malaysia sekarang ini bilangan banduan yang telah berdaftar ataupun ditahan sebanyak 41,177 orang. Masalah yang timbul ialah berkenaan dengan masalah-masalah di penjara iaitu kekurangan pegawai-pegawai ataupun warden-warden penjara. Daripada laporan akhbar daripada wartawan *Utusan Malaysia* pada 14 Oktober yang lalu semasa mereka dibenarkan melawat Penjara Kajang, diberi taklimat bahawa Pegawai Penjara seramai 9,000 orang di mana ada satu blok yang mereka lawati banduan seramai 300 orang, tetapi bilangan wardennya seramai tiga orang sahaja.

Masalahnya ialah bilangan pegawai-pegawai penjara, masalah berkenaan dengan kesesakan dalam penjara. Soalan saya adakah laporan-laporan yang dibuat oleh akhbar tadi itu bertepatan atau betul. Jikalau betul, apakah tindakan pihak kementerian dalam mengatasi masalah-masalah yang sebegini iaitu masalah kesesakan dan kekurangan pegawai.

Masalah kedua yang melibatkan dalam penjara juga, yang telah saya utarakan dalam sesi yang lepas, iaitu berkenaan dengan masalah-masalah pesakit, banduan yang terlibat dengan penyakit-penyakit yang berjangkit seperti penyakit tibi, HIV, Hepatitis B yang diletakkan di dalam penjara. Adakah mereka ini diasingkan mengikut ketetapan yang telah dibuat ataupun yang telah ditentukan oleh Kementerian Kesihatan?

Dalam laporan akhbar juga menyatakan bahawa daripada Penjara Kajang juga didapati 12 orang menghidap penyakit Hepatitis B, 22 orang menghidap penyakit tibi, 12 orang menghadapi sakit jiwa di kalangan warden-warden penjara dan ada juga laporan yang menyatakan bahawa satu orang daripada warden penjara telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit HIV.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi atau mencegah daripada warden-warden penjara ini menghidap penyakit-penyakit tersebut.

Saya juga mendapat rungutan daripada pihak pegawai-pegawai penjara bahawa elaun-elaun yang dijanjikan itu diperhati-perhatikanlah oleh pihak kementerian. Kemudian saya menjurus kepada...

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Ya.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat bagi Batu Pahat, saya hendak sokong tadi. Saya bab-bab skim ini, fasal saya 29 tahun dalam perkhidmatan kerajaan. Tuan Pengerusikah atau Tuan Yang di-Pertua dalam Jawatankuasa ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengerusi.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi, terima kasih. Timbalan Menteri Keselamatan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Pahat memberi peluang kepada saya tadi, apakah setuju Yang Berhormat bagi Batu

Pahat, oleh kerana polis dan tentera sudah beberapa kali, guru sudah beberapa kali skimnya di "review" semula, apakah penjara ini tidak perlu? Apakah setuju kalau kita tengok balik kerana sebab itu saya tengok orang hendak kerja penjara ini takut, tempat tercabar. Bagi saya, bagi *hardship allowance* lagi selain daripada elaun-elaun lain, *hardship allowance*, elaun sakit jiwa kerana dia kena tengok orang dalam penjara. Terima kasih.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Sebenarnya perkara itu yang menjurus kepada persoalan-persoalan tadi ialah masalah yang melibatkan pegawai-pegawai waran atau pegawai-pegawai warden penjara tadi. Sudalah suasana kerjanya itu sesak, tidak selesa, mereka juga terlibat dengan orang-orang yang bersalah. Jadi, hari-hari tengok orang sakit ini kadang-kadang pening juga kepalalah.

Kemudian saya hendak masuk kepada Butiran 020100 dan juga 020200 berkenaan dengan Polis Diraja Malaysia. Soalan saya memang pendek sahaja, saya minta pihak kementerian supaya memerhatikan balai-balai polis yang ada di seluruh negara yang melibatkan balai-balai polis yang sudah uzur dan sudah lama. Saya hendak ambil contoh di kawasan Batu Pahatlah. Sebenarnya kawasan Yang Berhormat bagi Sri Gading, Yang Berhormat bagi Sri Gading sudah keluar.

Saya dimaklumkan bahawa Balai Polis Sri Gading ini sudah diluluskan peruntukannya dua tahun yang lalu, tetapi sehingga sekarang balai polis tersebut tidak dilaksanakan dan pegawai-pegawai polis di kawasan Sri Gading bertugas di dalam kontena, disebabkan oleh pembesaran jalan. Jadi, saya berharaplah supaya pihak kementerian mengambil perhatian yang serius berkenaan dengan masalah tersebut. Itu dua sahaja masalah yang saya hendak bawa dan saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut.

2.45 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak menyentuh P.62 Kementerian Keselamatan Dalam Negeri di bawah Butiran 02000 dan 05000. Terima kasih kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri yang sudi berada bersama kita pada ini, seorang yang begitu aktif menjalankan tanggungjawab selepas dilantik di kementerian tersebut.

Saya hendak sebut berhubung dengan operasi yang dijalankan oleh pihak polis. Memang kita memuji tindakan yang dijalankan oleh pihak polis dalam membanteras dan menjaga undang-undang dalam negara kita ini. Tetapi nampaknya masalah lumba haram masih terus berleluasa, terutama sekali di kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tidak ada satu undang-undang yang boleh mengheret mereka terus ke mahkamah ataupun dijadikan satu contoh kerana masalah lumba haram ini bukanlah semata-mata akibat daripada masalah remaja, masalah kurangnya mereka mendapat didikan, tetapi telah menjadi macam satu trend seolah-olah mereka tidak lagi menghiraukan undang-undang yang ada di dalam negara kita ini.

Kita memuji tindakan yang dibuat oleh pihak polis, kadang-kadang mereka juga terdedah kepada peristiwa kemalangan yang hingga boleh menyebabkan mereka ini terlantar di hospital dan sebagainya. Cuma dalam operasi *Ops Sikap* dan sebagainya, seolah-olah ianya hanya berlaku apabila ada musim perayaan. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, adakah pihak kementerian sistem-sistem yang ada dalam negara-negara yang lain yang boleh diguna pakai dalam negara kita ini, umpamanya saman ekor, apakah ia masih lagi relevan untuk digunakan dalam negara kita ini oleh kerana kadang-kadang ada juga mereka yang menjadi mangsa kepada....

Tuan Mohd Yusop bin Majid: Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Soal lumba-lumba haram ini, Yang Berhormat, saya hendak dengar pandangan Yang Berhormat bagi Larut mengenai program yang berkait dengan *sprint test* ujian kenderaan motosikal ini di kalangan anak-anak muda yang hari ini kita tengok bukan lagi boleh walaupun program itu terancang tetapi minat ke arah lumba ini semakin meningkat. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Macam saya katakan awal-awal tadi, itu tergambar seolah-olah undang-undang.... Kita ada undang-undang, tetapi seolah-olah mereka tidak menghiraukan undang-undang yang ada, undang-undang dan tindakan yang dijalankan oleh pihak berkuasa. Maka oleh sebab itu saya merasakan sudah tiba masanya pihak berkuasa mengambil tindakan yang lebih drastik sebelum kejadian-kejadian yang tidak diingini terus berlaku kerana saya sendiri juga mengalaminya sewaktu pulang daripada kawasan terhimpit dengan pelumba-pelumba haram ini.

Saya hendak teruskan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila teruskan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...Pperkara yang saya hendak bincangkan, terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Setiu tadi.

Kerana masalah ini bukan sahaja berlaku di bandar-bandar besar, di Arau mungkin dan juga di tempat-tempat yang lain. Jadi, saya mintalah kepada pihak berkuasa supaya melihat masalah lumba haram ini, kalau boleh mereka bekerjasama dengan pihak Kementerian Belia dan Sukan, bagaimana hendak mendidik para remaja kita ini kerana penguat kuasa kadang kala mungkin juga tidak menjamin masalah ini dapat diatasi, mungkin kita boleh gunakan untuk memberi didikan. Sebab itu saya hendak sentuh tentang Ops yang dijalankan oleh pihak polis, tahniah dan syabas. Walaupun usaha dibuat tetapi masih lagi berlaku kemalangan, peristiwa-peristiwa yang menyedihkan setiap kali musim perayaan.

Saya dulu pernah mencadangkan supaya kenapa tidak kita melantik marsyal, bila ada marsyal dalam kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam seperti bas ekspres ini, Insyaa-Allah, mungkin pemandu-pemandu merasa takut untuk mereka melanggar undang-undang. Walaupun kadang kala kalau ada marsyal ini akan menimbulkan birokrasi ataupun masalah-masalah percanggahan di antara satu jabatan, satu agensi dengan agensi yang lain. Masalah, kalau JPJ, kononnya mereka juga merasakan tanggungjawab mereka tidak boleh mereka atasi kalau marsyal ini dilantik. Saya rasa kalau marsyal ini dilantik setidak-tidaknya ia akan dapat memberi panduan, bimbingan kepada pemandu-pemandu yang sentiasa terdedah kepada kemalangan.

Jadi, saya berharap agar operasi yang dijalankan oleh pihak berkuasa polis ini, bukan kita tidak puji tetapi kita juga ingin melihat sistem-sistem yang dijalankan itu apakah perlu diperbaiki lagi daripada masa ke semasa dan kita yakin dengan adanya operasi yang dijalankan oleh pihak polis ini akan terus dapat memberi peringatan kepada pengguna-pengguna jalan raya., Walaupun begitu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya didikan ini diutamakan, terutama sekali di peringkat sekolah, supaya diwajibkan dalam seminggu dua, satu program latihan, program keselamatan jalan raya, didedahkan kepada pelajar-pelajar sekolah dari peringkat prasekolah lagi supaya apabila mereka membesar, ia akan menjadi satu budaya takut apabila mereka berada di jalan raya untuk melanggar undang-undang yang ada di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya akan gulung., Saya akan pergi seterusnya ialah berhubung dengan beberapa kes bangunan polis, saya khusus kepada kawasan saya. Oleh sebab kita hendak meningkatkan imej Polis Diraja Malaysia, saya berharap sangatlah di kawasan saya ini masih ada lagi pondok-pondok polis yang tidak berupa pondok polis, bahkan rumah-rumah yang disewa pun kadang-kadang ibarat kata orang kampung, *laeh* sangat, jadi saya mintalah supaya pihak kementerian melihat perkara ini kerana pada bulan puasa yang lalu, saya sendiri pergi berbuka puasa di Pejabat Polis Diraja Malaysia, Selama, agak malang kerana kami terpaksa mengadakan sembahyang di situ, di sebuah stor yang terdapat di bangunan tersebut. Jadi saya mintalah, anggaran tidak banyak, kalau boleh tempat beribadah ini dapat disegerakan oleh pihak polis.

Akhir sekali, saya ingin mencadangkan di sini supaya Penjara Taiping kalau boleh dipindahkan ke kawasan saya kawasan Larut supaya dapat dibangunkan lagi kawasan Larut kalau Penjara Taiping itu mungkin tidak sesuai lagi di tapak yang sedia ada di tengah-tengah bandar. Mungkin kalau dipindahkan ke kawasan Parlimen Larut, kawasan Parlimen Larut akan terus berkembang untuk menjana lagi keadaan ekonomi pendapatan perniagaan di kawasan ini yang merupakan kawasan luar bandar kawasan yang majoritinya adalah merupakan orang-orang Pattani seperti sahabat saya daripada Padang Rengas.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jadi Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih daun keladi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Batu Gajah.

3.00 ptg.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia di bawah kementerian ini. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi, saya minta perhatian.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Cik Fong Po Kuan: Hari ini saya bawa 500 lebih.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya dengar Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan:keping. *[Sambil menunjukkan surat saman]* Saya hendak Tuan Pengerusi tengok 500 lebih keping notis pos di mana orang kampung telah disaman ekor yang dikeluarkan kepada penduduk-penduduk kampung iaitu Kampung Baru dan kampung Melayu di Nala, di Pusing, di Tanjung Tualang. Yang Berhormat Kampar diam-diam sahaja. Semua pengundi datang menyatakan mereka tidak puas hati dengan cara pendekatan penguatkuasaan peraturan trafik. Apa kesalahan? Tidak pakai topi keledar. Saman itu di jalan-jalan di Kampung Baru dan di Kampung Melayu.

Jadi orang kampung ini merasa tidak puas hati dengan pendekatan ini. mereka tanya kenapa polis perlu sembunyi-sembunyi untuk catat nombor pendaftaran motosikal mereka. Selepas itu dengan terkejutnya sebulan terima enam keping notis pos macam ini. Jadi, ada orang datang dan tanya kepada saya, suami saya pergi surau polis duduk digerei catat nombor motosikal. Motosikal letak sana sahaja. Jadi apabila kami minta polis beri gambar tidak ada gambar. Kami minta batalkan pengeluaran notis pos yang orang kampung kata ini saman ekor. Ini bukan caranya untuk penguatkuasaan peraturan trafik di Kampung Baru Cina.

Saya telah jumpa Ketua Pasukan Trafik Bukit Aman dan pegawai dan ini hanya dijalankan oleh OCPD Batu Gajah yang meliputi kawasan Kampar. Yang Berhormat Kampar ada? Mahu sokong.

Tan Sri Dato' Hew See Tong: Sokong.

Cik Fong Po Kuan: Jadi ini masalahnya. Saya pergi jumpa Ketua Pasukan dan Ketua Pasukan kata "hei... kami hendak mendidik agar mereka mengikut peraturan, jadi contoh". Saya tanya, kalau hendak didik yang mana pengguna jalan yang lebih merbahaya. Di bandar. Ini adalah Kampung Baru Cina dan Melayu. Jadi mereka kata ini bukan cara pendekatan. Saya tanya lagi, apa susah dan mengapa kena berselindung? Bila saya panggil polis pergi ronda Kampung Baru ada pecah rumah penduduk kampung di sana memberitahu saya, Yang Berhormat saya adukan minta polis ronda kawasan kampung ini mengapa polis datang ronda satu pandu kereta yang satu lagi catat nombor kenderaan motosikal.

Apakah ini fokus keutamaan pihak polis? Bukan untuk tangkap hal-hal kecil tidak pakai topi keledar. Orang kampung kata boleh guna blok jalan, mengapa kena

sembunyi-sembunyi. Saya tanya polis, polis kata yang tidak pakai topi keledar ini kalau saya kejar dia jatuh, pegawai saya jatuh dua-dua susah. Saya kata apa perlu mereka lari sebab ini kampung kecil. Semua kenal polis, polis pun kenal mereka. Kampung Baru Cina kita tahu setiap kawasan ada balai Polis. Jadi itu satu alasan sahaja.

Jadi saya haraplah pihak polis memberi keutamaan cara guna pendekatan yang betul. Sekarang ini hanya OCPD Batu Gajah. Saya tidak apa-apa terhadap dia sebab apabila pengundi pergi merayu terhadap dia, dia ada membenarkan rayuan dan apabila saya jumpa Ketua Pasukan dia ada membenarkan dan meluluskan rayuan RM70 dikurangkan kepada RM30. Masalahnya ini adalah *red tape*. Kalau orang kampung puas hati dengan cara pendekatan ini mereka tidak akan jumpa dan lebih kurang 500 lebih keping di sini. Ya Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Batu Gajah. Hari ini banyak kali boleh bercakap. Saya hendak tanya Batu Gajah ataupun setuju tidak dengan saya bahawa apa yang telah dilakukan oleh anggota polis tadi adalah satu tindakan *preventive* ataupun proaktif di mana jika berlaku rompakan contohnya mereka telah ada rekod mereka yang lalu-lalang di kawasan itu.

Yang kedua, tidakkah Batu Gajah nampak bahawa tindakan polis ini adalah untuk mendidik mereka mematuhi undang-undang dan mereka faham undang-undang tidak kira di mana di tanah air kita ini mereka terpaksa menggunakan topi keledar ataupun memasang tali pinggang keledar ketika memandu kenderaan. Jadi ini sedikit-sebanyak telah menunjukkan yang polis kita bertindak dengan cekap dan berkesan walaupun di peringkat kampung.

Cik Fong Po Kuan: Yang Berhormat Tangga Batu nampaknya Tangga Batu sokong pendekatan dengan cara macam saman ekor. Saya akan tulis surat panggil OCPD kawasan Tangga Batu untuk jalankan cara ini.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Cik Fong Po Kuan: Persoalan di sini ialah keutamaan dalam menjaga keselamatan bukan guna pendekatan cara saman pos atau saman ekor di mana kerajaan telah batalkan. Ini persoalannya. Apabila saya jumpa dengan Ketua Pasukan dibenarkan rayuan saya perlu tulis semua senarai nombor kenderaan dan nombor saman dan berikan kepadanya. Pegawainya perlu masukkan dalam komputer. Ini tambah *red tape*.

Penunggang motosikal kata mereka tidak mahu banyak masalah. Saya bayarlah lepas rayuan tetapi mereka tidak puas hati. Apabila mereka pergi bayar saya kata Ketua Pasukan telah luluskan rayuan pergi tengok tidak ada. Dalam *online* komputer tidak dikurangkan kerana ada beberapa tercicir. Ini persoalannya. Apakah betul cara pendekatan ini yang menambahkan *red tape* dan menambahkan kerja pegawai-pegawai kita. Saya tahu nanti mungkin Menteri akan kata kalau tidak puas hati cabarlah di mahkamah. Bawalah bukti dan pergi cabarlah di mahkamah.

Saya rasa sikap ini tidak betul. Nombor satu apakah kerajaan mahu lebih banyak kes *backlog* kita di mahkamah, pertama. Kedua, kita kena faham realitinya ini orang kampung, bukan orang-orang muda, bukan di bandar ada lumba motosikal. Ini jalan di kampung. Kalau Menteri hendak, saya jemputlah pergi kawasan tengoklah persekitaran jalan-jalan kampung. Mereka hanya naik motosikal untuk pergi beli makanan beli sayur di pasar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Polis ada....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Cik Fong Po Kuan: Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya haraplah saya bukan membantah polis menjalankan tanggungjawab. Orang kampung tidak puas hati pendekatan yang digunakan oleh polis. Jadi saya haraplah Timbalan Menteri ada akan hendak ambil perhatian, kalau hendak nanti saya adakan semua notis-notis ini kepada Yang Berhormat agar boleh ambil tindakan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Krai.

3.08 ptg.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang begitu prihatin dan selalu menulis nota-nota seharusnya diberi pujian. Seorang Timbalan Menteri yang bekerja kuat dan selalu berada di dalam Dewan. Tahniah. Kuala Krai ada 3 butiran yang pertama 020200 - Pengurusan Polis, 020500 - Pencegahan Dadah dan 030000 - Pertahanan Awam.

Pertamanya, sudah tentulah negara kita aman kerana keselamatan 24 jam kita boleh jalan. Mana hendak pergi pun boleh satu negara contoh bukan sahaja di

Malaysia tetapi mungkin dalam dunia. Tetapi oleh kerana keselamatan kita perlu lagi lebih selamat. Banyak perkara yang akan kita bincang. Inilah contoh kita sayangkan kepada negara kita dan bertanggungjawab kepada semua. Pertama, saya ingin menyatakan kita pendatang ataupun yang datang untuk melabur ramai datang kerana aman cuma di Kelantan sahaja. Kelmarin Tuanku Sultan Kelantan bertitah kepada sidang Dewan supaya pihak PAS di Kelantan bekerjasama dengan Kerajaan Pusat demi pembangunan di negeri Kelantan.

Saya berharap Yang Berhormat PAS yang berada di dalam Dewan ini balik memberitahu kepada Tok Guru supaya mereka juga akan memberikan kerjasama supaya negeri kita aman semua.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tidak ada jalan kerana saya ini banyak lagi hendak beri. Selepas ini kita beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Terima kasih, saya akan ...

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak fasal-fasal menyebut..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Saya tidak beri! *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sekali sahaja.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Pertama mengenai dengan polis. Selepas ini saya beri. Polis merayu terutama sekali di kawasan-kawasan Kuala Krai di mana mengatakan tanggungjawab tidak dibayar. Hampir setahun, Timbalan Menteri yang bekerja ini mengambil alih tanggungjawab, menanggung tugas. Kemudian juga balai polis minta Yang Berhormat bila menang kawasan Kuala Krai dia mengatakan komputer di 'lakloh' mintalah sebuah. Saya kasihan, saya melawat tempat itu, ramai orang kampung di kawasan itu, tetapi bila saya menang saya beri komputer, jawab JPP tidak boleh kerana ini peruntukan polis. Dia sudah ada dah jabatannya. Dukacita! Mereka ini datang ke rumah saya, pegawai-pegawai polis sendiri meminta komputer dari saya. Takkan tidak boleh. Saya memang luluskan, jadi cuba perbaikilah perkara ini. Kalau tidak macam mana pula hendak memberikan perkhidmatan yang terbaik?

Kemudian satu perkara lagi mengenai dengan satu pasukan telah berlaku dua tiga kali di kawasan saya, bila mana ada berlaku pecah rumah, menghantar polis, berbaris polis pergi, kemudian orang yang memecah rumah ini lari ikut belakang. Pihak polis ini kalau boleh, Yang Berhormat Timbalan Menteri, supaya diberikan kursus latihan, jika ada berlaku perkara semacam ini, jangan pergi sambil lewa, pergi di hadapan rumah, kemudian yang memecah rumah lari ikut jalan belakang. Jadi, sambil melepaskan batuk di tangga, kata orang, bila ada mendapat panggilan telefon suruh pergi, mereka pergi. Tiga kali berlaku perkara semacam ini. Yang pencuri ini budak-budak dadah sahaja, tetapi tidak dapat ditangkap. Jadi, saya harap perkara ini dapat diperbaiki.

Kemudian mengenai dengan dadah, memanglah punca negara kita tidak ada lain yang tidak selamat. Ini dadah sahaja, yang ragutnya penagih dadah, yang pecah rumah penagih dadah, semuanya berpunca dari penagih dadah. Jadi, saya menyokong penuh dan saya juga bercadang hendak bercakap mengenai perkara ini supaya apa yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan Yang Berhormat bagi Jerai tadi dapat kita laksanakan berada di satu pulau. Bukan kita hendak menganiaya dia, kita hormat dia, kita berikan tempat yang istimewa, bangunan yang baik, pegawai-pegawai yang terlatih, kerana kita hendak menyelamatkan negara kita. Ibu bapa boleh pergi dengan membawa bekalan yang enak-enak hendak berjumpa di sana. Bolehkah kita buat semacam ini? Selagi tidak ditempatkan di pulau, saya rasa perkara ragut, perkara pecah rumah tidak akan habis. Dia pergi ke Pusat Serenti dia kata, "Eh! Ini tempat aku rehat". Tiga kali, empat kali pergi lagi, sebab diberikan percuma segala makanan dan apa juga, bahkan dadah pun dapat di situ.

Kemudian yang ketiga adalah Pertahanan Awam. Ini juga satu perkara yang harus diberikan pujian dan saya telah disarankan supaya Yang Berhormat Ahli Parlimen semua dapat Kolonel Kehormat, Kolonel Kehormat di pertahanan awam kerana pertahanan awam merupakan satu Parlimen satu Pertahanan Awam. Merekalah yang bertanggungjawab terutama sekali di Kelantan. Di Kuala Krai saya telah mengalami perkara ini, daripada ADUN lagi dahulu, tidak ada yang lain. Pasukan Pertahanan Awamlah. Bila ada banjir, memberikan beras, pergi menyelamatkan rumah-rumah yang tenggelam, Pertahanan Awam. Dan bukan Pertahanan Awam sahaja, tetapi Jabatan Perdana Menteri sendiri. Salurkanlah peruntukan ini Yang Berhormat, kerana terutama sekali Kelantan sekarang musim tengkujuh, botkah, apa-

apa kenderaankah dan kalau boleh helikopter pun boleh, kerana kita mesti jaga keselamatan, yang hendak beranak, yang hendak mati, kalau di pedalaman seperti di kawasan saya di Dabong, kawasan Parlimen Kuala Krai ini, empat kali besar negeri Perlis. Hendak pergi tidak terdaya, lebih-lebih lagi kalau musim tengkujuh, melainkan ada satu helikopter dapatlah untuk menyelamatkan mereka. Kalau tidak mati dahulu sebelum sampai ke hospital.

Jadi, perkara-perkara ini kerana kita bertanggungjawab, negeri kita aman, maka kita harus menyelamatkan perkara-perkara ini. Jadi, Pertahanan Awam baguslah diberikan satu tumpuan peruntukan dan juga kalau boleh segala tempat latihannya mestilah diberikan keutamaan, kerana mereka ini bertanggungjawab kepada masyarakat setempat. Jadi, saya pohon menyokong, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Hulu Langat.

3.15 ptg.

Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya diberi kesempatan untuk turut serta dalam perbincangan berkenaan dengan Kepala Bekalan 62 – Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian berkenaan dengan Butiran 61000 - Kenderaan. Saya difahamkan bahawa kebanyakan kenderaan-kenderaan yang digunakan oleh Jabatan Penjara juga digunakan oleh jabatan ini bagi mengangkut anak-anak kakitangan penjara ke sekolah dan ke tempat-tempat lain.

Saya ingin menegaskan bahawa penggunaan kenderaan terutama sekali kenderaan-kenderaan yang terlibat dalam mengangkut banduan digunakan juga untuk mengangkut kanak-kanak sekolah memberi kesan psikologi yang tidak baik kepada kanak-kanak tersebut. Saya menegaskan bahawa pihak penjara memerlukan kenderaan yang tertentu yang bersesuaian bagi membolehkan kanak-kanak atau anak-anak petugas penjara ini dihantar ke sekolah, memandangkan bahawa penjara biasanya didirikan jauh daripada kawasan-kawasan bandar, jauh daripada kawasan-kawasan sekolah. Itu butiran yang pertama.

Tuan Pengerusi, butiran yang kedua yang saya ingin sentuh dalam perbahasan ini ialah berkenaan dengan Butiran 56000 – Bangunan-bangunan Penjara. Tuan Pengerusi, baru-baru ini terdapat kenyataan yang dibuat oleh Menteri Wilayah Persekutuan berkenaan satu cadangan memindahkan bangunan atau tempat Penjara Pudu sebagai pusat tahanan reman ke kawasan saya di Semenyih. Saya ingin menyarankan bahawa adakah kementerian tidak terfikir dengan memindahkan pusat tahanan reman jauh daripada kawasan Kuala Lumpur akan menyebabkan banyak masalah timbul. Pertamanya mungkin kelewatan untuk membawa *remand prisoners* ini ke mahkamah-mahkamah untuk tujuan perbicaraan.

Perkara kedua mungkin disebabkan oleh masalah pengangkutan dan kesesakan lalu lintas. Perkara ketiga juga boleh menyebabkan berlakunya kelewatan, penangguhan kes di mahkamah. Saya mencadangkan supaya kementerian mengambil kira untuk mendirikan pusat-pusat tahanan reman di kawasan Kuala Lumpur juga di tapak yang sedia ada dengan mengambil kira untuk mendirikan pusat tahanan bertingkat yang bersesuaian dengan ruang tanah yang disediakan.

Soalan saya yang berikutnya bagi mewakili penduduk-penduduk atau para pengundi di kawasan Hulu Langat terutamanya kawasan Semenyih. Tuan Pengerusi, tidak adakah lagi barang-barang *discard* ini yang boleh dihantar ke Semenyih? Dahulu kita pernah menimbulkan isu *incinerator* dihantar ke Semenyih. Baru-baru ini juga dibangkitkan oleh Menteri yang sama untuk mewujudkan atau mengadakan tanah perkuburan bagi orang-orang Wilayah Persekutuan juga di Semenyih. Akhir-akhir ini Pusat Tahanan Pendatang Tanpa Izin juga di Semenyih.

Jadi, saya mewakili penduduk-penduduk di kawasan Hulu Langat ingin menyarankan bahawa kalau bolehlah Pusat Tahanan Reman ini, penjara atau Pusat Tahanan Pendatang Tanpa Izin dipindahkan pula ke kawasan lain yang mungkin mempunyai infrastruktur yang telah cukup seperti di kawasan sahabat saya di Gombakkah atau di Ampang atau mungkin juga di kawasan-kawasan sebelah barat Pahang yang juga merupakan kawasan-kawasan yang masih banyak tanah-tanah kerajaan.

Saya difahamkan bahawa pihak kementerian memutuskan bahawa tempat Hulu Langat atau Semenyih dijadikan sebagai tempat pilihan bagi mendirikan pusat tahanan ini kerana ia adalah tanah Kerajaan Pusat. Saya berpendapat bahawa terdapat banyak lagi tanah kerajaan di kawasan-kawasan lain.

Tuan Pengerusi, butiran berikut...

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bangun.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak menyokong tadi, Yang Berhormat bagi. Hulu Langat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kalaulah kita kata Tuanku semalam merayu supaya bekerjasama abang adik, saya faham begitulah, antara UMNO dengan PAS, *why not* kita bawa penjara-penjara ini sedikit ke hulu Kelantan atau Gua Musang, sebab saya fikir harimau di sana pun seronok.

Jadi kalau boleh, saya tidak hendak Pasir Puteh sebab Pasir Puteh akan menjadi *corridor multimedia* ataupun tempat yang pelancong akan datangi Tok Bali, linsya-Allah. Tetapi saya cadang di Kuala Krai atau Gua Musang, kalau Menteri setuju, atau Yang Berhormat bagi Hulu Langat kita setuju, bawalah ke sana. Saya tidak ada halangan sebab saya Ahli Parlimen Pasir Puteh.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, saya setuju. Kalau begitu saya cadangkan kepada Timbalan Menteri, bawalah penjara-penjara ini ke Pasir Puteh *[Ketawa]* memandangkan kawasan Hulu Langat adalah kawasan yang pesat membangun dan menghadapi masalah, terutama sekali untuk tujuan pengangkutan *remand prisoners* ini ke penjara atau berulang-alik ke mahkamah.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 050000 iaitu berkenaan dengan Pentadbiran dan Perkhidmatan Penjara. Tuan Pengerusi, saya telah difahamkan bahawa syarat minimum kelayakan pengambilan warden ini adalah di tahap SRP dan saya ingin mencadangkan supaya tahap ini dinaikkan, memandangkan bahawa sebahagian besar daripada banduan ini mempunyai kelulusan yang jauh lebih tinggi daripada warden itu sendiri dan kebanyakan mereka juga adalah berkelulusan tinggi

seperti STPM, diploma dan malah ada yang mempunyai ijazah, berkolar putih. Jadi saya mencadangkan kalau kita hendak membaik pulih tahanan ini, kita juga mestilah mempunyai *skill* yang tinggi bagi tujuan baik pulih banduan.

Kadang-kadang kita dapati bahawa kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Penjara memerlukan *skill* dan kemahiran yang tinggi terutamanya sekali bagi kursus-kursus pengendalian komputer, kursus-kursus yang dikendalikan dalam bahasa Inggeris dan saya dapati bahawa kebanyakan kakitangan yang ditawarkan untuk berkhidmat di penjara memandangkan perkhidmatan di penjara ini adalah perkhidmatan yang terakhir daripada perkhidmatan-perkhidmatan pihak polis dan imigresen.

Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, pada bulan 10 dan 11 ini terdapat seribu tawaran pekerjaan telah dikeluarkan kepada warden, kepada kakitangan yang telah diterima bertugas di penjara tetapi hanya lebih kurang 700 sahaja yang telah melaporkan diri dan sebahagiannya telah menolak tawaran tersebut, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Ya, minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Saya tidak akan gulung Tuan Pengerusi, saya akan terus masuk kepada tajuk berikutnya sahaja. *[Ketawa]*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ingin mencadangkan supaya skim penjara ini disemak semula, sebagai contoh, daripada kajian yang saya lakukan 'Skim Gaji Sofian' telah diamalkan bagi membayar gaji-gaji warden penjara ini pada tahun 1976.

Skim ini adalah jauh lebih baik daripada skim yang ada mengikut kaca mata Jabatan Penjara tetapi apabila skim SSB dan SSM diamalkan, skim yang diterima pakai oleh penjara adalah jauh lebih rendah daripada Jabatan Polis dan Jabatan Imigresen. Ini menyebabkan terdapat *turnover* yang begitu tinggi daripada pegawai penjara masuk ke Jabatan Polis sehingga kadarnya disebut 26%.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Markiman bin Kobiran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]: Sabak Bernam.

3.25 ptg.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sabak Bernam ingin membawa isu yang khusus iaitu berkaitan dengan Butiran 020500 – Pencegahan Dadah dan 04100 – Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) ataupun AADK, yang pertama.

Tuan Pengerusi, mungkin saya akan bercakap dalam nada yang berbeza. Sebab nampaknya semua yang bercakap berkaitan dengan salah guna dadah ini, ia sudah tidak bercakap lagi berkaitan dengan dadah dan statistik.

Kita menganggap bahawa ini satu persetujuan bersama bahawa perkara ini adalah sangat serius. Jadi saya telah menyatakan bahawa bagi mereka yang ingin data dan statistik, saya pun ada secara terperinci. Tetapi saya rasa yang terpenting sekali yang saya hendak bawa yang pertama ini, Tuan Pengerusi, ialah isu kepedulian sosial kita, sama ada kita benar-benar peduli ambil tahu atau tidak berkaitan dengan masalah salah guna dadah yang sebenarnya sangat serius di mana-mana sahaja dan ia sebenarnya merentas kaum, agama dan status masyarakat.

Ia sangat serius, oleh kerana itulah Tuan Pengerusi, kita ingin mencadangkan supaya setiap pemimpin masyarakat bermula dengan Ahli Parlimen ini supaya mengambil perhatian secara langsung dan khusus berkaitan dengan isu musuh nombor satu negara ini dan saya yakin bahawa tidak ada Ahli Parlimen yang akan menafikan bahawa musuh ini ada bersama dengannya. Ini musuh mesra rakyat bersama dengan kita tetapi berapa orang yang peduli terhadap mereka yang menyalahgunakan dadah ataupun saya ingin sebutkan di sini sebagai pesakit ini.

Jadi oleh kerana itulah, Tuan Pengerusi kita ingin mencadangkan supaya daripada prinsip pengurusan makro itu, kita terus kepada mikro. Saya bermaksud, saya telah berulang kali bercakap mengenai perkara ini Tuan Pengerusi, supaya pihak kerajaan sendiri membantu pemimpin di peringkat akar umbi yang berminat untuk turut sama menyelesaikan masalah ini. Saya ingin mencadangkan peringkat yang pertama supaya pihak kerajaan khususnya ADK ataupun Jabatan Narkotik Polis memberikan data dan statistik yang sebenarnya masalah penagihan dadah mengikut daerah, mengikut kawasan Parlimen, mengikut mukim dan mengikut kampung.

Cara kita menyelesaikannya harus bermula daripada kampung kerana kalau kita cuba menyelesaikan masalah itu daripada daerah sahaja, kalau saya ambil daerah Sabak Bernam, kita ada 548 orang. Kalau kita cuba menyelesaikannya melalui skim ini ataupun cara ini, kepala kita pun pening. Tetapi kalau kita pergi kepada unit kecil

kampung, umpamanya di Kampung PBB, Parit Baru Baruh, dia ada 3 orang, di kampung yang lain dia ada 5 orang, di kampung yang lain ada paling banyak kalau di Sabak Bernam ada 15 orang.

Jadi entiti kecil ini menggambarkan bahawa kalau kita turut mengambil perhatian dan tindakan ia boleh diselesaikan. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, kita sangat bersetuju ramai di antara mereka yang kita ajak untuk mengambil bahagian, dia menggunakan istilah dia 'takut'. Mungkin kita semua takut. Saya yakin sebab tidak tentu pasal kita jaga tepi kain orang umpamanya, maknanya penagih dadah ini kalau kita dekati tidak secara berhemah, mereka akan datang balik kepada kita.

Oleh kerana itu, kita menyarankan khususnya kepada pihak kementerian sama ada melalui Jabatan Narkotik ataupun ADK supaya pemimpin ini diberi maklumat dan di ajak berpakat. Jadi tindakan yang pertama saya rasa pihak kementerian wajar mengajak semua ahli di peringkat Parlimen ini yang berkepentingan atau yang berminat untuk turut sama membincangkan tentang cara ataupun bagaimana kita dapat mengurangkan masalah ini kerana kita lihat Tuan Pengerusi, sebenarnya setiap kali kita berbincang mengenai masalah jenayah, umpamanya, saya sangat setuju dengan sahabat saya daripada beberapa kawasan tadi yang menyatakan bahawa kalau masalah guna dadah ini kita dapat tangani, kurangkan, masalah jenayah memang boleh berkurang. Ini hampir pasti.

Kalau saya ingin ambil Sabak Bernam di kampung-kampung itu, kebanyakannya masalah jenayah ini dilakukan oleh mereka, penagih dadah ataupun bekas penagih dadah yang hendak berulang dan merekalah yang akan mencuri kelapa sawit, mereka inilah yang akan pecah rumah dan ini hampir setiap kali berlaku dan kita tahu mereka ini. Jadi kalau pihak orang kampung sendiri tidak mengambil perhatian, maka masalah ini akan berterusan.

Biasanya masalah-masalah guna dadah ini akan ditujukan kepada tiga pihak. Yang pertama ialah kepada pihak polis, Jabatan Narkotik, pihak kedua ialah AADK Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

Dan yang ketiganya ialah PEMADAM, sebuah NGO yang paling aktif dan dalam konteks PEMADAM ini, Tuan Pengerusi, kalau boleh saya merayulah kepada pihak Timbalan Menteri yang ada, nampaknya sehingga sekarang peruntukan RM2 juta untuk PEMADAM itu sebenarnya tidak diberi langsung.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Bila disebut PEMADAM, sekejap lagi Yang Berhormat, bila disebut PEMADAM, sebenarnya ini satu NGO di mana mereka itu bertindak secara sukarela. Maksudnya mereka meluangkan masa, mereka meluangkan wang ringgit untuk tambang, untuk makan dan juga kepakaran tetapi tidak ada

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: sebarang peruntukan yang disediakan. Oleh kerana itu kita merayu. Silakan abang saya Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sabak Bernam. Jelaklah saya Tuan Pengerusi, naik jelak kita. Cerita tentang dadah ini kita sebut berkali-kali di Parlimen ini sudah berpuluh tahun, tetapi masalah tidak pernah selesai. Masalah semakin dahsyat, masalah semakin mengharu-birukan, punca segala-gala jenayah dikatakan berpunca daripada dadah. Tetapi soalnya, kenapa kita sampai sekarang tidak boleh basmi? Pusat serenti daripada dua sudah jadi empat, empat jadi lapan, lapan jadi 16 dan sekarang sudah jadi 28 buah, tak juga selesai. Bagi saya senang sahaja – tembak sahaja semua sekali, selesai masalah.

Tidak ada penyelesaian. Duit kita beratus juta tiap-tiap tahun diperuntukkan untuk pusat-pusat serenti – bagi dia makan, bagi dia ubat. Soal rawatan, soal pemulihan memang kita berusaha bersungguh-sungguh. Akhirnya kita menyalahkan antara satu sama lain – kita tuduh polis, kita tuduh AADK. Sebenarnya siapa yang salah? Mungkin agaknya ada undang-undang kita yang kita gunakan selama ini tidak berkesan tetapi kita tidak pernah pinda, kita tidak pernah ubah, kita tidak pernah berani menghadapi masalah dadah ini secara begitu tegas.

Sudah kita katakan dari dulu, buat pulau, hantar mereka ke pulau, bagi dia ke pulau, buat apa bagi dia kasih sayang, kalau dia pun tidak sayang kepada diri dia sendiri, apa hal kita hendak sayang kepada dia? Ibu bapa dia pun tidak sayang kepada diri dia, kenapa kita hendak sayang kepada dia? Kenapa negara hendak rugi,

masyarakat hendak rugi? Hantar mereka ke pulau! Buat satu keputusan yang berani Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: buat sesuatu yang lebih agaknya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Jelaklah Tuan Pengerusi, balik-balik kita bercakap, balik-balik selepas itu kita salah-menyalah. Akhirnya antara Ahli Parlimen dengan Tuan Pengerusi pula.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi tidak beri kita bercakap, kita pun tidak boleh bercakap.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Saya setuju sangat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Selepas itu nantilah jawapan, jawapan daripada kerajaan, Timbalan Menteri

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: akan menjawablah. Jawapan pun itu jugalah. Akhirnya begitulah. Apa masalah kita Tuan Pengerusi?

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Habis masa saya Yang Berhormat bagi Sri Gading. *[Ketawa]* Terima kasih, terima kasih, saya setuju.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Ha, itulah, jawab saya setuju, selesai. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah, cukup Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Nanti dulu, nanti dulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Bukan, saya tak selesai.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Yalah, memang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat bagi Sri Gading. Cukup.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Saya tahu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, teruskan ucapan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz:memang memperjuangkan, kalau ada orang ramai macam dia Ahli Parlimen, selamat kita sebenarnya tetapi masalah tidak akan selesai – berpuluh ribu, beratus ribu

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: ... anak cucu kita. Kita dengar nanti jawapan Yang Berhormat Menteri, macam mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Balik-balik begitu juga. Cerita dia, *astaghfirullahal'azim*. Allah hai. Kita habiskan masa berpuluh jam.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, teruskan.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Sri Gading.

Seorang Ahli: Saya bersetuju.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Cukup? Geram saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat ada masa berucap, masa Yang Berhormat nanti.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Saya sekejap sahaja.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Tak selesailah masalah.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Tuan Pengerusi, fasal hari ini dia tidak ada penasihat kanan, kiri jadi maknanya dia agak *emotional*. Jadi dia mengambil masa saya pula.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya.

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Dia sebut, dia jelaskan kepada saya

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada yang membantu, jadi Yang Berhormat kena gulunglah. Masa Yang Berhormat sudah hendak habis. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Sedikit lagi. Saya ingat Yang Berhormat bagi Sri Gading itu pandangannya bolehlah diberi perhatian oleh pihak Timbalan Menteri tetapi Sabak Bernam sendiri mempunyai beberapa pandangan. Jadi oleh kerana itu seperti yang saya nyatakan tadi, kita menyarankan supaya pihak kementerian melibatkan pimpinan secara langsung dan kalau Ahli-ahli Parlimen ini sediakan peruntukan, berikan peruntukan untuk mereka mengambil tindakan secara khusus, jadi bolehlah mereka mengambil tindakan secara langsung.

Kalau pihak pimpinan umpamanya tercah-cari apakah formulanya, mungkin Sabak Bernam boleh berkongsi pengalamannya. Kita mengambil pendekatan, *complement* ataupun *supplement* kepada pendekatan yang diberikan oleh Jabatan Narkotik PDRM, oleh AADK, begitu juga oleh PEMADAM. Jadi kita ada pendekatan Pendekatan Mesra Pesakit (PMP), di mana kita harus mendekati pesakit dan kemudian menangani isu ini secara berhemah mengikut kampung. Saya ingin mengulangi bahawa kalau ini kita buat, boleh dibuat di peringkat kecil ini, saya yakin Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, bahawa kita boleh membantu secara khusus untuk menangani masalah salah guna dadah.

Perkara yang kedua, perkara yang sama juga, Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan data dan statistik. Saya telah menyatakan tadi kita harap supaya jangan dirahsiakan lagi. Sering kali apabila kita minta data dan statistik yang sebenar, khususnya daripada pihak polis, daripada pihak ADK, kita mendapat satu bentuk halangan bahawa ini adalah rahsia. Saya ingin menyatakan, Tuan Pengerusi, kalau pesakit ini kita tidak kenali mereka, macam mana kita hendak dekati mereka dan kemudian turut sama menyelesaikannya? Jadi oleh kerana itulah, agar kerahsiaan ini kita dapat dirungkai supaya data dan statistik mengenai penagih dadah ini dapat diberikan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Perkara yang ketiga ialah mengenai pesakit yang keluar daripada pusat serenti, Tuan Pengerusi. Sebenarnya perkara ini wajar diberikan perhatian. Kita telah diberi maklum bahawa hanya 20 peratus sahaja ibu bapa ataupun keluarga pesakit yang keluar daripada pusat serenti itu yang menyambut mereka keluar, yang mengambil

mereka 20 peratus. Maknanya, kalau ada 100 orang, hanya 20 orang sahaja ibu bapa ataupun keluarga yang menyambut mereka. Bayangkan, Tuan Pengerusi, 80 peratus yang keluar tidak ada sesiapa yang menyambut mereka.

Saya difahamkan bahawa pihak ADK sendiri membantu mereka untuk menyediakan tambang – tambang bas. Tetapi saya hendak tanya, Tuan Pengerusi, agaknya kalau mereka diberi tambang bas ini, dia bekas pesakit, agaknya mereka ini hendak balik ke mana - bekas pesakit pusat serenti, mereka hendak balik ke mana? Mereka tahu bahawa ibu bapa mereka, keluarga mereka, komuniti masyarakat mereka tidak menerima mereka. Oleh kerana itu, pihak kementerian diharap mempunyai satu agenda khas mengenai perkara ini.

Dan yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah agenda yang mungkin tidak ramai yang suka, tetapi saya selalu menyatakan bahawa, Tuan Pengerusi, kalau kita dapat mengenal pasti dan mengambil tindakan terlebih dahulu terhadap mereka yang berisiko tinggi. Sebenarnya kita tahu di kampung-kampung, saya ingin berbalik kepada isu tadi, jadi prinsip pengurusan kita mesti bermula daripada kampung. Kalau kita mengikut daerah, Tuan Pengerusi, memang ia agak besar, ramai. Kita ambil mengikut kampung - mereka yang berisiko tinggi untuk terjebak dalam penagihan dadah, agaknya kita tahu atau tidak? Sebenarnya kita tahu.

Contohnya, kalau mereka bersekolah umpamanya, memang mereka kaki ponteng. Kalau di waktu alam persekolahan mereka kaki ponteng, sampai tiga bulan tidak bersekolah, mereka apabila keluar daripada sekolah, Tuan Pengerusi, dan kita kenal mereka di kampung tetapi biasanya tidak ada siapa yang memberikan perhatian kepada mereka. Kalau pihak kementerian bersama dengan AADK dan juga PEMADAM dapat memberikan perhatian kepada kumpulan berisiko ini, kita yakin bahawa masalah penagihan dadah ini dapat dikurangkan. Dengan itu, Tuan Pengerusi, Sabak Bernam menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kelana Jaya.

3.38 ptg.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ingin saya menyentuh tentang Butiran 020000 berkaitan dengan Polis Diraja Malaysia dan Butiran 020100 – Pengurusan Polis.

Tuan Pengerusi, kita memang tahu bahawa pengurusan sumber manusia di dalam pasukan polis adalah satu aspek yang sangat penting dan kalau pihak polis dapat menguruskan aspek perkhidmatan, perjawatan, kerjaya dan kebajikan anggota-anggota polis, maka dapatlah prestasi pasukan polis ditingkatkan. Dari segi ini saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana dari segi perkhidmatan memang kita nampak adanya kemajuan di dalam pasukan Polis Diraja Malaysia.

Kalau kita lihat jumlah penduduk di negara kita seramai lebih kurang 25 juta orang berbanding dengan anggota polis yang ada pada tahun ini, iaitu lebih kurang 85,780 orang maka nisbah anggota polis kepada penduduk dapat memenuhi piawaian Interpol, iaitu seorang anggota polis kepada lebih kurang 291 penduduk. Dan kalau kita bandingkan jumlah penduduk di negeri Selangor seramai lebih kurang 3.95 juta penduduk berbanding dengan anggota polis kontinjen negeri Selangor adalah seramai 7,194 orang, maka nisbah polis kepada penduduk adalah 1:548, maka tidak jauhlah dari piawaian Interpol ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, dari segi pengurusan polis ini juga harus memastikan agar perwujudan jawatan, pengambilan dan penempatan anggota-anggota polis ini seharusnya, sebaik-baiknya yang mungkin agar anggota-anggota ini mampu memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Alangkah baik kalau di setiap daerah di negeri Selangor contohnya, tiap-tiap daerah mempunyai nisbah anggota polis kepada penduduk yang lebih kurang sama tetapi perkara ini tidak wujud. Kalau kita lihat, di daerah Hulu Langat anggota polis adalah 1:1,369 orang penduduk. Di Hulu Selangor adalah 1:363 penduduk dan di Sepang adalah 1:318 orang. Tetapi di daerah Petaling adalah 1:7,807 orang.

Tuan Pengerusi, ini jelas menunjukkan bahawa dari segi pengurusan sumber manusia pasukan Polis Diraja Malaysia tidak ada kekurangannya di mana taburan anggota ini tidak diagihkan sama rata di setiap daerah dan ini menunjukkan tidak ada keseimbangan dari segi taburan anggota polis. Maka saya hendak merayu kepada pihak kementerian agar taburan anggota polis ini dapat diseimbangkan di setiap daerah agar kita dapat melihat tidak ada anggota-anggota polis yang mengatakan

bahawa tertekan kerana di kawasan tertentu kekurangan anggota, kekurangan rakan-rakan sejawatan, maka beban mereka begitu berat sekali kalau dapat diagihkan atau ditaburkan anggota ini di setiap daerah dengan nisbah yang lebih kurang sama.

Tuan Pengerusi, kerana kita lihat di daerah Petaling Jaya, kalau kita lihat 1:7,807 penduduk ini, kita mesti mengambil kira bahawa jumlah anggota yang ada di dalam daerah ini termasuklah pegawai-pegawai dan kerani yang bertugas di pejabat polis maka jumlah anggota polis yang dapat di kerah *on the ground*, dengan izin, untuk melakukan kerja-kerja *ambush* dan menjaga keselamatan awam adalah lebih kurang dan anggota polis yang dapat dikerah *on the ground* adalah dibahagi kepada tiga syif, ditolak mereka yang mengambil cuti; cuti tahunan ataupun cuti sakit, maka kekuatan anggota polis yang dapat dikerah semakin kurang. Dengan itu, saya harap pihak kementerian dapat memandang serius perkara ini.

Satu perkara lagi tentang Butiran 120000 – Balai-balai dan Pondok Polis di mana kementerian diberi peruntukan sebanyak RM107 juta bagi tahun 2005. Sememangnya pembinaan balai-balai dan pondok-pondok polis haruslah dibina dan diwujudkan di kawasan-kawasan yang memang mendesak di mana kawasan kepadatan penduduk adalah begitu tinggi dan saya hendak ambil satu contoh di mana saya rasa Timbalan Menteri juga pernah melawat ke kawasan itu iaitu di kawasan USJ 8 dan Timbalan Menteri sendiri telah melawat ke Pondok Polis USJ 8 pada 4 Oktober tahun ini. Saya rasa Timbalan Menteri juga tahu kerana Timbalan Menteri juga saya difahamkan, pernah menduduki di dalam kawasan USJ 5.

Tuan Pengerusi, di kawasan USJ 8 ini, dengan jumlah penduduknya, kalau mengikut statistik yang dipungut oleh pihak polis adalah terdapat lebih kurang 173,000 penduduk. Ini mengikut statistik pihak polis. Tetapi mengikut jawatankuasa-jawatankuasa penduduk, mereka telah menganggarkan jumlah penduduk sekarang telah pun melebihi 250,000 orang dan keanggotaan di Pondok Polis USJ 8 ini hanya 46 orang. Kalau mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak polis, maka satu anggota polis harus berkhidmat untuk menjaga lebih kurang 3,700 orang. Tetapi seperti mana saya katakan bahawa jawatankuasa penduduk telah mengambil kira projek-projek perumahan yang telah pun siap berperingkat sehingga kini di kawasan USJ di kawasan Putra Heights, di kawasan Alam Megah, maka penduduk telah meningkat sehingga 250,000 dan ini bermaksud kekurangan anggota polis dan kekurangan kemudahan-kemudahan di situ, tetapi hanya ada satu pondok polis dan

sebuah kereta peronda, itu bukan juga kereta peronda kerana itu hanyalah sebuah kereta Kancil sahaja untuk diberikan kepada pondok polis ini. Di situ ada sebidang tanah dan kita telah diberitahu bahawa tanah itu telah disewa kepada seorang operator untuk membuka pusat penjaja.

Tuan Pengerusi, di kawasan USJ, tidak kurang kemudahan makanan, tidak kurang pusat-pusat penjaja, cukup. Tetapi sayangnya sepatutnya tanah ini dibangunkan kerana tanah ini memang tanah rizab balai polis. Sudahlah di kawasan itu kekurangan polis dan kekurangan prasarana, maka seharusnya kerajaan mengambil ikhtiar supaya membina balai polis di USJ 8 ini, janganlah diberikan kepada pusat penjaja.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat.

Tuan Loh Seng Kok: Dengan itu saya harap, Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil kira perkara-perkara yang telah saya sebutkan itu – untuk menggulung, kerana pagi ini, saya telah menerima panggilan telefon daripada seorang wakil penduduk yang telah menghadiri mesyuarat di dalam Majlis Perbandaran Subang Jaya bahawa pihak operator nampaknya dibenarkan untuk meneruskan pembinaan pusat penjaja itu walaupun Timbalan Menteri telah membuat kenyataan bahawa perkara ini tidak akan timbul.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Loh Seng Kok: Dengan itu saya minta pihak kementerian dapat memberi penjelasannya. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ipoh Timor.

3.46 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada 020000 – Polis Diraja Malaysia. Tuan Pengerusi, saya menyeru Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Keselamatan Dalam Negeri supaya memastikan keadilan dan *fair play* dalam perkara naik pangkat semua *officers* pihak polis supaya bebas daripada diskriminasi, salah guna kuasa dan korupsi khususnya untuk pegawai-pegawai bukan Melayu sebagai satu galakan untuk memastikan satuimbangan yang lebih berbilang bangsa dalam pasukan polis.

Oleh kerana masa yang terhad, saya akan tumpukan sahaja mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai bukan Melayu, tidak ada masalah untuk pegawai-pegawai polis Melayu, tetapi oleh kerana masa yang terhad.

Dalam pasukan polis, nampaknya adalah dengan izin, *unspoken low quota* untuk bukan Melayu mengenai naik pangkat sungguhpun mereka mempunyai ijazah dari universiti dan mereka ada prestasi yang baik dalam tugas mereka. Sebagai contoh, sekarang selepas lima tahun, dengan prestasi dan rekod yang baik, seorang inspektor boleh menjadi ketua inspektor dan selepas tiga tahun dengan rekod perkhidmatan yang baik, seorang ketua inspektor boleh memohon untuk menjadi ASP melalui satu *interview* oleh Lembaga iaitu tiga orang. *Promotion exercise* ini diadakan empat tahun sekali berasaskan *merit* dan *interview*. Mengenai *merit*, ini berasaskan kepada rekod tiga tahun berturut-turut di mana mampu mendapat 90 markah dan kalau ada setahun 89 markah, hilang peluang itu. Ini bererti bahawa seseorang ketua inspektor yang mahu memohon menjadi ASP dengan izin, *at the mercy superior* beliau dan kalau mahu lebih adil, patut *average* untuk tiga tahun kalau markah dia 90, ada hak untuk memohon dan bukan tiap-tiap tahun hendakkan 90.

Sebagai contoh, mengenai diskriminasi dan *victimization* dan ketidakadilan dalam pasukan polis mengenai perkara ini, saya beri contoh. Dalam pasukan polis ada seorang ketua inspektor bukan Melayu yang berkhidmat 17 tahun yang diiktiraf sebagai dengan izin, *Best Prosecuting Officer*, bukan sekali, tetapi dua kali dan ada dipuji, *commendation* oleh Inspector General of Police tetapi sungguhpun ada dua *interview* masih tidak dinaik pangkat sebagai ASP. Ada lagi seorang Ketua Inspektor ada dua *degree*; LL.B dan Bachelor of Economics dan sepanjang 18 tahun dalam tempoh itu dalam pasukan polis, dia ada melatih seorang koperal, orang Melayu dan sekarang menjadi ASP oleh kerana dia ada *connection* yang baik.

Contoh yang ketiga, adalah seorang Ketua Inspektor dengan LL.B yang berkhidmat 17 tahun telah dipuji oleh kerana kerja beliau tetapi tidak ada *promotion*, tidak ada *transparency*, tidak ada dalam sistem penilaian dan *grading* dalam *promotion* ini sama ada oleh *superior officer* beliau sama ada ASP, DSP atau *Superintendent*, semua *confidential*.

Interview selama 10 hingga 15 minit untuk *interview board* ini sangat *subjective* dan mungkin tidak menumpukan mengenai kerja profesional beliau. Sebagai contohnya, sungguhpun dia dalam trafik tetapi ditanya mengenai narkotik. Inilah tidak

adil dan menunjukkan bahawa ini boleh dimanipulasikan dan ada *lobbying*. Saya mencadangkan bahawa dalam *interview* ini perlulah menumpukan kepada *area* kerja mereka. Masa yang pendek seorang inspektor boleh menjadi ASP ialah tujuh tahun. Sekarang ramai *Chief Inspectors* yang berkhidmat dalam pasukan untuk 28 hingga 30 tahun yang masih tunggu naik pangkat sebagai ASP. Untuk 11 tahun gaji mereka *stagnate*, tidak ada *increment*.

Ada tuduhan-tuduhan yang serius yang perlu diambil perhatian bahawa ada ketua-ketua inspektor yang dapat lulus *interview* melalui *good connections* mereka dengan pegawai-pegawai *superior* ataupun ahli-ahli politik atau *businessmen* yang ada hubungan dengan *underworld* yang mungkin dengan naik pangkat itu mereka dapat dividen mengenai *investment* mereka.

Ada pun tuduhan bahawa ada korupsi, bahawa ada ahli-ahli lembaga yang terdapat *on the take*, dengan izin, antara RM40,000 ke RM70,000 seorang calon untuk naik pangkat daripada *Chief Inspector* kepada ASP. Ini semua sangat serius dan saya ada dapat satu *estimate* daripada pegawai-pegawai polis yang sudah bersara yang buat satu anggaran, mungkin baru 25% ke 30% calon-calon yang berjaya naik pangkat daripada *Chief Inspector* kepada ASP tidak melalui *corruption*, tidak melalui sogokan. Saya rasa inilah satu perkara yang sangat serius dan saya harap bahawa dalam perkara ini satu *seriousness* boleh ditunjuk mengenai kategori-kategori pegawai polis kumpulan *superintendents*. Sama ada ASP, DSP atau *superintendents* kuota bukan Melayu sangat rendah dan ini perlulah diambil perhatian. Dan saya harap bahawa sekurang-kurangnya empat perkara perlu ditumpukan supaya kita boleh dapat satu *Police Force* yang lebih profesional, yang berasaskan *merit* dan *professionalism*.

Yang pertama, kalau *graduate* yang baru sekarang boleh di *recruit* sebagai kadet ASP, semua *Chief Inspectors* dengan *degree*, ijazah-ijazah universiti patut *diupgrade* sebagai ASP, khasnya dengan pengalaman mereka.

Kedua, bahawa sistem sekarang, penilaian atau *evaluation* tahunan yang dibuat oleh *superior officers* patutlah satu cara yang lebih *transparent*, yang lebih adil, di mana akhirnya, akhir tahun ini, semua ahli-ahli *police officers*, tahu kedudukan mereka, markah mereka, *where they stand*. Sekarang mereka tidak tahu.

Ketiga, bahawa *promotion* patutlah berasaskan prestasi dan keputusan dibuat *objectively* dan bukan *subjectively*. Selepas 47 tahun kemerdekaan, masa sudah

sampai di mana kita ketepikan, kita hentikan *ratio* dalam pasukan polis, mungkin dalam jabatan ini semua, mengikut prestasi, mengikut meritokrasi untuk kebaikan negara.

Dan akhirnya keempat, bahawa masa sudah sampai untuk satu *review*, satu kajian mengenai semua skala-skala *salary*, gaji untuk *Chief Inspectors*, oleh kerana ramai *Chief Inspectors* yang sangat cekap, sangat bertanggungjawab, tapi *stuck*, dengan izin. Mereka tersangkut dalam jawatan itu dalam masa yang panjang, lebih daripada 20 tahun tanpa *salary increment*. Sekurang-kurangnya patutlah diadakan satu sistem di mana kalau mereka terus sebagai ketua inspektor atau jawatan polis yang lain mereka terus diberikan *increment* supaya sebagai satu ganti rugi tanpa kenaikan pangkat bahawa boleh dapat *take-home pay* yang lebih banyak untuk menghadapi obligasi keluarga yang lebih tinggi supaya mengelakkan *temptation* korupsi yang lain.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

3.55 ptg.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lima minit kalau dapat, ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Lima minit, Tuan Pengerusi, ya. Izinkan saya untuk melibatkan diri di dalam perbahasan peringkat jawatankuasa ini untuk Butiran 040000 – Agensi Dadah Kebangsaan, dan juga 020500 – Pencegahan Dadah.

Tuan Pengerusi, kalau hendak ikut kata Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya malas hendak bangun pada petang ini, tetapi oleh kerana ini adalah merupakan cabaran yang paling besar pada negara pada hari ini, maka saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk berbincang bagaimana kita boleh bersama mencegah dadah ini dari menjadi penyakit yang tidak dapat kita bendung dewasa ini.

Tuan Pengerusi, hari ini kalau kita lihat satu tindakan yang telah dilaksanakan oleh pihak Polis Diraja Malaysia Negeri Sembilan, apabila mereka masuk menyelongkar Pusat Serenti di Daerah Bahau dan kita dapati pelbagai perkara yang boleh menyebabkan kembangnya gejala negatif sama ada di dalam pusat tahanan itu sendiri bahkan ia boleh melampaui sempadan sehingga ke peringkat masyarakat.

Apa yang berlaku di sini, Tuan Pengerusi, ialah kalau kita lihat setiap pusat serenti di negara kita ini – ada yang kata 48, ada yang kata 28, tetapi *figure* yang ada pada saya ialah 48 - pusat serenti di negara kita ini mempunyai *commanding officersnya* yang mungkin lebih kepada kelayakannya adalah untuk membina kebajikan masyarakat. Kita dapat lihat *commanding officers* yang ada di pusat-pusat serenti ini mungkin tidak berlatar belakangkan mereka yang benar-benar arif dan pakar tentang tahanan, arif dan pakar tentang kepenjaraan. Jadi, di sinilah saya dapat melihat bagaimana tahanan-tahanan di pusat serenti ini mengambil kesempatan di atas kelemahan ataupun kekurangan pengetahuan pengawal yang menjaga mereka ini tentang ciri-ciri yang sepatutnya seseorang itu lalui apabila mereka berada di pusat tahanan.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian mengkaji semula pelantikan pegawai-pegawai yang mengawal dan menjaga pusat-pusat tahanan ini kerana pada saya jika pihak Agensi Dadah Kebangsaan ditugaskan atau pihak polis sendiri ditugaskan untuk mengawal, mereka tidak mempunyai kepakaran di dalam bagaimana untuk mengawal tahanan. Saya yakin jika tugas dan peranan ini diserahkan kepada pihak yang arif dan ahli di bidang pengawalan dan kawalan penjara atau pusat tahanan ini, maka kecekapan dan keberkesanan pusat-pusat tahanan ini tidak akan dipertikaikan.

Cadangan saya kepada pihak kementerianialah supaya meletakkan mereka yang bertaraf pegawai penjara yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran di dalam penjara untuk mengawasi dan mengawal pusat-pusat tahanan serenti ini supaya masalah-masalah yang telah timbul dapat dibendung dan tidak menjadi penyakit masyarakat.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi yang saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian adalah beberapa program pencegahan. Kalau kita lihat erti kata pencegahan ini adalah sepatutnya berlaku di peringkat sebelum seseorang itu menagih ataupun menyalahgunakan dadah. Jika kita kaji beberapa program yang telah diatitkan oleh pihak Agensi Antidadah Kebangsaan, kebanyakan program-programnya adalah berupa pencelaan, adalah berupa program-program yang mengingatkan penagih-penagih yang telah menagih.

Jadi, apa yang saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya fokus dan tumpuan perlu diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah, kepada peserta-peserta

Program Latihan Khidmat Negara, di mana mereka ini yang masih suci pemikiran mereka, supaya dibekalkan, diindoktrinasikan dengan perkara-perkara tentang kesihatan keluarga, kesihatan masyarakat dan kesihatan negara.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Ya, Yang Berhormat, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih sahabat saya ...

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tangga Batu, jelak memang sudah jelak tentang dadah ini. Masalahnya, Yang Berhormat bagi Tangga Batu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan dan negara kita telah mengisytiharkan bahawa dadah itu musuh nombor satu, nombor satu, nombor *wahid*. Tetapi soalnya dan bagi menentanginya kita tidak pula buat persiapan penentangan macam menghadapi musuh nombor satu. *That is why* kita panik, kita kelam kabut, kita keliru. Kita kata dadah musuh nombor satu, kita punya serangan macam mana? Menahan dan pertahanan sahaja yang kita buat, ini masalahnya. Cuba kerajaan gubal satu cara bagaimana menghadapi musuh nombor satu. Baru dia ngam, katanya ngam, Yang Berhormat bagi Ipoh Timur betul kah? Ngam, baru dia ngam...

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baru dia sepadan. Ini musuh nombor satu, kita hadapi seolah-olah macam musuh nombor 18, berdongang sayangnya dia, apa pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Seperti yang saya katakan tadi, kalau ikut cakap Yang Berhormat bagi Sri Gading, saya hendak bangun petang ini pun malas. Tetapi apa yang ada di hadapan kita ini 211,500 penagih yang dirawat di hadapan kita dianggarkan pada tahun 2005 nanti adalah merupakan cabaran kepada kita bagaimana untuk membawa mereka kembali ke arah masyarakat yang sebenar supaya negara kita dapat menjadi sebuah negara yang sihat benar-benar, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Jadi saya nampak apa yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan sebentar tadi, Tuan Pengerusi, adalah merupakan suatu yang nyata dan berada di hadapan kita. Kalau Yang Berhormat bagi Jasin katakan tadi, hari ini kita hentikan pengimportan gam-gam di kedai basikal tetapi sedar atau tidak, Tuan Pengerusi, bahawa sebenarnya

amat mudah untuk membuat gam ini, hanya mencampurkan *polystyrene* dan juga petrol. Beli petrol RM1 di kedai minyak kemudian campurkan dengan *polystyrene* dan mereka akan menghidunya sehingga khayal.

Begitu juga kalau Yang Berhormat bagi Jasin sebutkan tadi yang mereka meminum *urine* ataupun air kencing yang telah disimpan beberapa hari, tetapi hari ini saya juga dimaklumkan di kawasan Jasin bukan Tangga Batu, mereka sebenarnya bukan minum Tuan Pengerusi tetapi menghidu air kencing yang disimpan di dalam botol selama satu minggu. Simpan air kencing satu minggu dan buka kemudian menghidu, tutup kepala, menghidu air kencing itu sehingga mereka khayal. Inilah bagaimana mudahnya untuk khayal.

Jadi Yang Berhormat bagi Sri Gading, hendak berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Sri Gading tadi sebenarnya masalah ini kita perlu hadapi sebagai satu cabaran dan bagaimana kita menangani masalah ini, bagaimana kita menghadapi cabaran ini, menunjukkan yang kita adalah sebuah bangsa dan negara yang cemerlang.

Jadi Yang Berbahagia Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya sampaikan pada petang ini adalah lebih kepada bagaimana pihak kementerian boleh mengajak mereka bukan di dalam bentuk *dictatorial* bukan dalam bentuk autokratik tetapi dalam bentuk *participative*, marilah kita mengajak mereka ini supaya kembali ke pangkal jalan. Program-program yang digariskan, program-program yang dirancang perlulah mengambil kira kepentingan keluarga, kepentingan masyarakat, kampung negeri dan negara. Dengan itu saya menyokong, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ketereh.

4.06 ptg.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *Bismillahirrahmanirrahim* dan *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin mengambil bahagian ini atas tiga tajuk iaitu pertama mengenai 02000 iaitu Polis dan yang keduanya mengenai Agensi Dadah, dua sahaja sebab masanya tidak panjang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Polis mempunyai banyak jasa kepada kita dan kepada negara. Apabila kita susah kita cari polis, kita jadi aman di sini hari ini pun kerana polis. Kita masuk polis

jaga, kita hendak keluar polis jaga dan polis telah memberi pengorbanan yang besar kepada negara ini. Di mana-mana orang bercakap tentang polis, tidak ada perkara lain ialah soal jasanya. Tetapi persoalan yang timbul kepada kita ialah kenapakah polis yang begini besar jasanya kepada kita dari segi realitinya tetapi ramai orang yang membenci polis? Realitinya polis banyak jasa. Persepsinya rakyat benci kepada polis. Dalam slogan polis, "Mesra Cekap Betul," betul sudah itu. Tetapi apabila lihat sahaja polis daripada kecil sehingga saya jadi Ahli Parlimen, perasaan mesra itu kadang-kadang ada, kadang-kadang tidak ada. Saya tahu jasanya banyak. Kita ada orang gila di kampung kita cari polis, kita ada pencuri di kampung kita cari polis, kita ada kebakaran kita cari polis, kita *accident* dan saya baru-baru ini pun *accident* cari polis. Polis juga yang tolong hantar ke hospital tetapi sampai sekarang masyarakat tidak melihat polis sebagai kumpulan yang berjasa, persoalannya kenapa? Di mana salahnya kita? Di mana dasar kita yang silap yang menyebabkan orang tengok polis sebagai satu benda yang menyusahkan kita.

Tengok Yang Berhormat bagi Batu Gajah tadi, melihat polis dengan perasaan katanya orang kampung begitu benci kepada polis. Apabila tengok *uniform* polis trafik sepatutnya kita gembira kerana polis trafiklah yang menyebabkan trafik kita berjalan lancar. Kalau kita balik lambat nanti polis yang dapat menyelesaikan tetapi kalau kita tengok polis trafik yang terbayang kepada kita ialah polis trafik ini akan menunggu di sudut mana-mana, kemudian akan panggil orang dan beritahu kita salah. Sehingga ada orang buat jenaka fasal polis, mula-mula salah, salah, salah, beri RM100. Selepas itu kalau salah lagi, salah, salah, salah, beri RM50 tidak apa. Akhir sekali salah ini salah, RM10 pun tidak apa. Kenapa sampai jadi begitu polis jadi bahan jenaka ?

Tuan Pengerusi, *there must be something wrong with the system*, dengan izin, atau mungkin kita telah membuat perkara yang utama jadi perkara yang kecil, perkara yang kecil jadi perkara utama, saya rasa di situ silapnya. Perkara utamanya ialah memerangi jenayah, perkara utamanya ialah menjaga keamanan tetapi dalam memerangi jenayah dan menjaga keamanan ini, yang jadi besarnya ialah timbulnya soal saman ekor, timbulnya soal polis yang cari makan. Saya yakin kerajaan juga tidak mahu perkara ini, kita tidak mahu, kerajaan tidak mahu. Saya harap Timbalan Menteri boleh perbetulkan persepsi yang ada pada polis ini. Persepsi inilah yang menyebabkan rakyat tidak melihat polis sebagai orang yang boleh membantu mereka.

Yang kedua pasal polis, ini SB politik...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Baru balik dari Pakistan ya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ya, saya baru balik dari Karachi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Oh! Karachi [*Ketawa*] Hendak bertanya sedikit, boleh?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Boleh.

Tuan Pengerusi: Ya!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Polis Karachi dengan Polis Malaysia ini siapa yang lebih *smart* lagi *dress* dia? [*Ketawa*]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, saya baru hendak masuk.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Okey, kalau tidak saya boleh terangkan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Dari segi pakaian polis kita memang hebat, polis di Karachi, maaf cakaplah, baju pun berkedut, seluar pun tidak tahu ke mana terlondoh sana, terlondoh sini, dari segi pakaian memang hebat. Polis kita dari segi jasa, dari segi kerja memang hebat saya kata . Dari segi realitinya polis banyak berjasa, saya bercakap tadi ialah persepsi.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya hendak minta jalan, berilah!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Ya?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya minta jalan, berilah!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Hendak tanya fasal apa lagi?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada sedikit lagi.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Boleh juga, boleh sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tadi Yang Berhormat bercakap pasal polis dan sebagainya, adakah Yang Berhormat sedar bahawa polis kita *constraint* juga, tekanan itu dan ini dalam keadaan mereka bertugas, panas dan sebagainya. Saya *reserve* sedikit tentang Yang Berhormat mengatakan RM50, RM100, RM10 itu yang ini di mana-mana pun berlaku,.bukan kesemua pasukan polis kerja begitu. Jadi mungkin Yang Berhormat boleh mencadangkan kepada kerajaan review balik pendapatan polis ini. Terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih, itu yang saya maksudkan, saya beritahu tadi sampai ada jenaka dikeluarkan mengenai polis, sampai jadi jenaka

yang *common*, itu maksud saya, ada sebabnya. Sebab itu saya minta secara umumnya, saya tahu menteri lebih tahu dan kementerian lebih tahu *review* perkara ini.

Yang saya hendak sebut yang keduanya ialah Tuan Pengerusi mengenai dengan SB polis itu. Apabila kita masuk ke kawasan, saya ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian yang mulia pada hari ini di mana-mana dia ada, dia datang kepada kita, "Saya SB politik." Saya pun hairan juga SB politik ini. Saya tengok di sini di bawah tajuk perisikan, apa kerja SB politik yang sebenarnya. Kalau dia sebab, tidak payahlah dia beritahu dia SB. Ini dia hendak beritahu dia SB, apabila *Special Branch* maknanya hendak cari rahsia, belum apa-apa dia sudah beritahu. "Saya SB politik", kemudian dia akan mengekor kita, apa kerja dia kita pun tidak tahu. Saya tahu kerjanya ialah untuk memantau tetapi tidak usahlah beritahu orang saya sampai semua orang sudah tahu, di dalam kawasan itu, itulah SB politik, siapa hendak melobi, pergi melobilah dengan SB politik. Saya rasa *something has got to be done*, dengan izin, Tuan Pengerusi, apa tugasnya yang sebenar dan kerja yang sebenar. Saya tahu kerjanya adalah untuk tujuan yang baik, macam saya katakan asas tadi, polis untuk kerja baik tetapi dalam melaksanakan tugas mereka ini banyak perkara yang telah menyeleweng.

Akhir sekali saya hendak bercakap mengenai Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Dalam *pre-council* yang lepas saya menyebut, saya sebenarnya tidak bersetuju langsung dengan nama Agensi Anti Dadah Kebangsaan, nama itu menjadikan ia macam *glamour*. Agensi ini tujuannya hendak mencegah dadah, hendak mencegah penyalahgunaan dadah, hendak mencegah penyeludupan dadah tetapi nama itu *glamour* – tidak takut.

Cuba kita tengok, Badan Pencegah Rasuah, kenapa orang takut Badan Pencegah Rasuah? Sebab nama dia! Dia bukan Badan Rasuah Kebangsaan, Badan Pencegah Rasuah Kebangsaan. Sepatutnya Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini jadi Badan Pencegah Narkotik. Apabila orang mendengar orang menjadi gerun.

Di dalam Islam, salah satu di antara perkara yang menyebabkan orang takut ialah kerana hukuman itu - sula, bunuh, gantung dan pancung sebab tujuan hukuman ini ialah supaya orang merasa takut dengan perbuatan yang salah. Sekarang orang tidak takut, jadi *glamour* pula. Jadi pengedar dadah *glamour*. Walaupun kita kata hukumannya adalah hukuman gantung tetapi agensi itu sendiri hendaklah agensi yang menggerunkan dari segi namanya.

Dari segi bajet pula, saya tengok pencegahan duduk di Polis tidak ada dalam Agensi Anti Dadah Kebangsaan. Agensi Anti Dadah Kebangsaan hanyalah dari segi pentadbiran sahaja sebanyak RM79 juta. Saya mintalah supaya kalau betul-betul kita serius hendak mencegah dadah ini kita hendaklah memberi peruntukan yang lebih.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa kita ada akta yang banyak. Akta yang paling kita boleh gunakan ialah Akta Darurat di mana kita boleh menahan tanpa bicara orang-orang yang kita dapati jahat, samseng atau pengedar dadah. Kenapakah akta ini tidak digunakan?

Saya berbincang dengan sahabat saya di sebelah kiri dan kanan, kita ada akta yang begini. Sebenarnya siapakah pengedar dadah ini? Polis kita hebat. Polis kita tahu semua. Kita berjalan ke mana, bercakap dengan siapa dia boleh rujuk dan telefon kita pun dia boleh *tape* tetapi apakah polis tidak tahu siapakah sebenarnya pengedar dadah ini. Saya yakin polis tahu siapa bapak pengedar ini. Sudah tidak ada bukti gunakan akta ini dan tangkap orang-orang ini sebab seperti mana Sri Gading kata itu musuh nombor satu. Kalau musuh nombor satu, buatlah macam nombor satu sungguh. Buat betul-betul nombor satu. Sesiapa sahaja yang terlibat dengan dadah walaupun dia edar sedikit, tidak boleh masuk mahkamah masukkan dia, bawa ke pulau atau bawalah ke tempat yang boleh menyebabkan mereka ini insaf. Tetapi selagi kita tidak berbuat begitu kita tidak mungkin berjaya. Terima kasih, Tuan Pengerusi .

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Pasir Mas.

4.15 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: *Assalamualaikum warahmatullahi Taala wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, *alhamdulillah*, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana pada petang ini dapat bersama-sama dengan teman-teman dan kawan-kawan saya di Parlimen ini mengambil bahagian dalam P.62 - Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Saya terus masuk kepada 02000, 020500, 04000 dan 12000. Saya bersetuju dengan angka bilangan polis di negara kita ini harus ditambah dari masa ke semasa. Apa yang saya lihat dalam perjalanan daripada Kelantan, Pahang terus ke Kuala Lumpur ini bahawa sebahagian besar daripada polis-polis ini sudah berumur. Kita

sedia tahu bahawa kerja polis ini kerja berat – kerja pemantauan dan berdepan dengan penjenayah.

Bandar-bandar besar kita di waktu siang hari dikuasai oleh polis tetapi di waktu malam hari dikuasai oleh penjenayah-penjenayah. Agaknya begitu. Jadi, dengan umur yang sudah banyak, saya tidak katalah tua sangat. Tetapi oleh kerana polis ini memerlukan kepada fizikal, kecekapan dan sebagainya, perlulah polis-polis ini diganti dengan polis-polis yang muda. Apa lagi dalam keadaan yang sekarang ini pemuda-pemuda kita tidak mempunyai kerja. Kita beri peluang kepada pemuda-pemuda kita untuk mereka melibatkan diri dengan menjaga keselamatan bersama dengan polis-polis lain.

Jadi, kalau pemuda-pemuda kita ini, kita cadang dan galakkan kepada mereka untuk menjadi anggota polis, menjaga keselamatan di kampung halaman mereka sendiri, sudah tentu mereka tidak terjebak dengan dadah, tidak terjebak dengan kegiatan-kegiatan yang dilarang oleh negara.

Jadi, apa yang dimaksudkan di sini bahawa bilangan penduduk di negara kita ini sudah sampai kepada 26 juta sekarang ini. Saya tidak tahu bilangan polis kerana di hadapan saya ini tidak ada statistik yang menunjukkan angkanya tetapi apa yang saya dengar daripada sahabat kita tadi mengatakan bahawa kita terlalu sedikit.

Di kawasan saya Pasir Mas misalnya, penduduknya hampir 150,000 orang sekarang ini dan hanya ada beberapa balai polis sahaja dan yang terbesar ialah Balai Polis Pasir Mas. Di Pasir Mas sendiri pun bilangan anggota polis terlalu sedikit kalau dibandingkan dengan penduduk yang sedia ada. Saya bukan sahaja menyebut Pasir Mas tetapi juga di kawasan-kawasan lain, kawasan-kawasan yang agak strategik di bandar-bandar besar yang terdedah dengan geng-geng, gengster dan pelbagai kegiatan jenayah.

Oleh yang demikian, bilangan polis ini mesti ditambah daripada bukan setahun tetapi enam bulan sekali. Mulanya enam bulan kemudian kita rekrutkan enam bulan, enam bulan, enam bulan sehingga kita rasa bahawa dari segi keselamatan tidak akan berlaku kes ragut, tidak akan berlaku kes-kes yang kita lihat tidak munasabah berlaku boleh berlaku di antaranya kerana kekurangan polis di negara kita.

Yang ketiganya iaitu saya tidak tahulah, kalau askar ada KAGATnya, ada guru agama askar tetapi polis ini adakah atau tidak guru agamanya? Guru agama iaitu yang memberi bimbingan kepada anggota-anggota polis yang remaja ini kerana

mereka remaja juga, mereka sama dengan orang lain terus mereka masuk rekrut polis, mereka diberi latihan selama enam bulan kemudian mereka dilantik terus menjadi anggota polis.

Barangkali di waktu itu pengetahuan agama – moral yang ada pada mereka iaitu sekadar Pendidikan Islam di peringkat SPM ataupun di peringkat rendah lagi kerana itulah mereka mesti dibimbing. Saya bukanlah tidak percaya kepada masing-masing, *khusnuzan* ertinya kita hendaklah menyangka baik kepada orang lain bahawa insya-Allah anggota-anggota kita baik. Tetapi kalau dalam keadaan begitu, kalau askar ada KAGAT, ada guru agama yang memberi bimbingan kepada mereka, memberi pengajaran kepada mereka dan memberi *tawaiyah*/kesedaran kepada mereka, apakah polis tidak ada guru agama kepada mereka? Mereka perlu kepada bimbingan, mereka perlu kepada orang yang lebih tua daripada mereka untuk mengajak mereka kepada yang terbaik kerana polis ataupun askar dan apa sahajalah, apabila mereka menjadi orang baik dengan sendiri.

Masalah yang timbul sekarang ini kerana tidak ada pengisian yang sedemikian. Berlaku jenayah di kalangan mereka, berlaku itu dan berlaku ini. Apabila kita melihat balik, rupa-rupanya mereka tidak ada pembimbing. Kalau yang lain kita ada pembimbing, polis juga perlu kepada guru-guru agama dan bukan hanya seorang sahaja tetapi setiap balai polis itu mestilah sekurang-kurangnya dua orang guru agama yang boleh memberi Pendidikan Islam, agama dan moral kepada mereka.

Yang keempatnya yang saya hendak tekankan di sini ialah saya tengok surau-surau polis, minta maaf, barangkali perkara ini remeh temeh tetapi bermula daripada sini, jenayahkah atau apa-apa sahaja unsur tidak baik bermula daripada akar umbi.

Saya biasalah masuk ke balai polis kerana dijemput menghadiri sukan di peringkat jajahan oleh OCPD Pasir Mas dan tempat-tempat lain. Saya lihat bahawa kegiatan-kegiatan surau di balai polis ini, kalau surau di balai polis ini dengan ada guru agama, maka digalakkan terbuka sedikit, setidak-tidaknya masyarakat di persekitaran itu boleh keluar masuk di surau, bukan keluar masuk di balai polis, tetapi keluar masuk di surat. Begitu juga dengan anak-anak jiran yang ada di sekitar itu dididik bersama, bersembahyang bersama dengan polis – polis sembahyang dia sembahyang. Jadi hasil daripada ada hubung kait di antara kegiatan polis dengan ibadah dengan kerja-kerja amal ini akhir sekali melahirkan rasa sayang sebagaimana yang disebut oleh

Ketereh, mengapa tidak sayang kepada polis. Ini satu masalah juga, mengapa tidak sayang kepada polis.

Jadi, apabila kita mulakan kerja-kerja bawahan ini dengan pencampuran di antara anak-anak kita dengan anak-anak pegawai polis dan di surau sendiri, mengaji Qurannya di balai polis, apa-apa kegiatan pun, anak-anak jiran yang ada berada di sekitar tadi, maka lahirlah rasa kasih sayang di kalangan jiran-jiran dengan polis-polis.

Kemudian, mesti mewujudkan banyak lagi program-program yang dianjurkan oleh polis bukan sahaja imam masjid. Kerajaan mesti memberi peruntukan kepada polis-polis supaya mereka menganjur perkara-perkara yang berbentuk kebajikan, misalnya katalah di kampung saya, polis yang menganjur majlis berbuka puasa pada petang ini. Polis memanggil anak tempatan/mukim dan guru agama polis memberi ceramah dan polis/OCPD sendiri memberi ceramah.

Polis ini saya rasa bukan kerja menangkap. Menangkap itu adalah yang terakhir. Yang paling penting polis ini memantau - dalam bahasa Inggeris, Arab dan Melayu pun ada [*bercakap dalam bahasa Arab*], ertinya, kawalan lebih daripada mengubati. Jadi polis bukan menangkap, menangkap adalah satu tindakan yang terakhir, tetapi polis memberi nasihat, jangan melakukan kesilapan, jangan melakukan itu dan ini dan sebagainya. Kalau ada dapat kita buat peruntukan dan polis dapat membuat apa-apa amal kebajikan di surau atau di masjid dan polis sendiri yang menganjurkan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat sila, sudah lapan minit, sembilan minit.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, sedikit lagi Tuan Pengerusi. Saya tinggalkan bab polis. Satu lagi yang saya hendak iaitu bagi mewujudkan suasana *mahabbah*, kasih sayang di antara polis dengan penduduk setempat sehingga lahir rasa kasih sayang dan segan 'malu mata'. Isilah orang Kelantan kata 'malu mata', kalau sudah malu mata maka tidak tergamak hendak buat. Ha, ini dia, saya puji OSPD Pasir Mas, Tuan Haji Jalil cukup relevan dan cukup hebat. Dia berkawan dengan kawan-kawannya dengan rapat. Dia pergi rumah itu dan rumah ini, ziarah dan sebagainya. Akhir sekali 'malu mata' orang kepada dia, dan jenayah di Pasir Mas ini, saya tahulah di Pasir Mas masalah ini, dahulu pukul orang menggunakan kapak kecil dan berbagai-bagai. Tetapi sekarang ini semakin hari semakin tidak ada dan hampir tidak ada berlaku jenayah, kalau adapun hanyalah jenayah dadah dan seumpama itu.

Butiran yang saya sebutkan tadi iaitu Agensi Dadah. Saya hendak tekankan di sini iaitu supaya kita pastikan setiap rumah sifar dadah, saya rasa boleh buat. Setiap rumah sifar dadah, tandanya kita kibarkan bendera putih ataupun apa-apalah untuk menentukan bahawa rumah berkenaan sifar dadah dan kita beri hadiah. Bukan setakat hendak membasmi dadah, kita bagi hadiah kepada penghuni yang sifar dadah, itu yang pertama. Kedua, kita kenal pasti rumah-rumah yang terlibat dengan dadah....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Assalamualaikum.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau rumah yang ada dadah, benderanya hijau. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tertarik juga dengan pandangan Yang Berhormat. Maknanya semua rumah yang tiada dadah naik bendera putih. Bolehkah Yang Berhormat memulakan dahulu? Pasir Mas naikkan bendera putih kemudian kita ikutlah perlahan-lahan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Boleh, boleh.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Setahu saya bendera putih ini apabila kita *surrender [Ketawa]* dalam peperangan ataupun kita mengaku kalah dalam sesuatu ataupun kita tidak mahu bergaduh.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Begini maksud saya, Yang Berhormat Jerai, iaitu tidak kiralah apa-apa pun, dalam erti kata bahawa kita hendak melihat rumah itu adalah rumah sifar dadah, dan bukan setakat itu malah kita beri hadiah kepada ibu bapa kerana kecemerlangan mereka mendidik anak sehingga tidak terlibat dengan dadah. Kalau sekarang ini hampir-hampir rumah tidak ada yang tidak kena dengan dadah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada tiga empat lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tidak ada masa dah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Oleh hal demikian, saya bersetuju dengan apa sahaja cadangan untuk mengurangi dan sekali gus untuk menghapuskan dadah di negara kita kerana generasi kita adalah generasi masa depan dan generasi kita adalah generasi yang Insya Allah yang akan mengambil tanggungjawab kita selepas daripada kita. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana kita terpaksa menghabiskan perkara ini pada hari ini juga, jadi saya beri dua orang sahaja, setiap seorang 5 minit untuk berbahas. Yang Berhormat Ledang.

16.25 ptg.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus menjurus kepada Butiran 10100 iaitu kita baru sahaja menyambut Hari Raya Aidil Fitri. Dalam bulan Ramadan semasa sembahyang Tarawih pun kita terganggu dengan bunyi mercun. Perkara yang hendak saya sebutkan adalah mercun sahaja. Hari Raya Aidil Fitri baru-baru ini penuh dengan bunyi mercun, di tahun hadapan Hari Raya Cina juga saya yakin kita diledakkan dengan bunyi mercun. Saya bimbang Tuan Pengerusi, bunyi mercun iaitu satu barang kawalan dan seolah-olah menggambarkan bahawa suasana dalam negara kita tidak terkawal ataupun mungkin sempadan juga bocor. Jika mercun barang terkawal pun boleh bocor mungkin dadah juga bocor. Mungkin selain daripada dadah, senjata api juga bocor, senjata haram dan yang kita sedia maklum yang pasti bocor ialah pendatang haram.

Jadi ini seolah-olah apabila saya dengar bunyi mercun, persepsi yang saya dapat daripada orang ramai ialah kawalan dalam negara tidak dapat dipegang. Seolah-olah kawalan kita longgar. Walaupun bunyi mercun tetapi ia menggambarkan seolah-olah sempadan kita juga bocor. Ini persepsi daripada orang ramai, saya hanya mampu membawa ke Dewan yang mulia ini. Kalaulah perkara ini tidak diberi perhatian serius, saya bimbang kepercayaan orang ramai terhadap kerajaan akan luntur. Saya tidak kata kita tidak percaya kepada pihak polis dan lain-lain tetapi saya bimbang sekiranya perkara ini tidak ditangani ia menggambarkan sesuatu yang tidak baik.

Kedua, Tuan Pengerusi, motosikal pelajar-pelajar yang keluar masuk. Saya yakin lebih 50% tidak cukup - tidak ada *road tax*, keadaan motosikal tidak baik. Tadi Yang Berhormat Batu Gajah tidak setuju diadakan *preventive* dalam bentuk pendidikan. Saya mintalah supaya polis juga mengambil tindakan terhadap pelajar-pelajar yang membawa motosikal tanpa lesen, *road tax*, dan sebagainya. Saya yakin apabila Tuan Pengerusi merenung saya tadi masanya sudah cukup tetapi saya mintalah pihak polis supaya juga mengambil perhatian motosikal-motosikal luar dan

dalam kawasan sekolah kerana kalau daripada kecil lagi tidak dididik dengan sempurna, daripada kecil tahu membawa motor tanpa *road tax* dan tanpa lesen, memboncong tanpa *helmet* dan sebagainya saya yakin kita gagal mendidik generasi pada masa yang akan datang. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh. Selepas ini Menteri jawab.

16.27 ptg.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana saya lewat mengangkat sumpah kerana saya pun bersama Tan Sri , tahniah di atas pelantikan Tuan Yang di-Pertua. Kepada Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa amat beruntung pada petang ini kerana diberi peluang terakhir untuk saya menyampaikan ataupun berkongsi idea dalam Dewan yang mulia ini. Kita bersyukur kepada Allah, tanda kesyukuran itulah di dalam dua ayat Quran yang pendek [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud: “Janganlah kita memporak-perandakan, jangan buat kacau di bumi ini kerana Allah tidak suka mereka yang membuat porak-peranda”.

Dadah, saya akan bercakap mengenai Butiran 05000 khususnya ialah 054000 iaitu Perancangan Tenaga Manusia Dalam Penjara. Saya mengetahui bahawa penjara adalah penting. Kita tidak mahu berlaku sebagaimana yang berlaku di negara Amerika tempoh hari, itu *back fire* kepada negara. Kalau penjara sudah penuh kita tidak bina balik, kita tidak membina secukupnya bagi banduan, barangkali kita akan menanggung apa yang berlaku di negara-negara lain. Kita bersyukur Alhamdulillah, cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kementerian Keselamatan Dalam Negeri apakah kementerian bercadang untuk membina penjara di bukan kawasan Parlimen Pasir Puteh iaitu Machang, Kelantan. Kerana tanah pun sudah siap seratus ekar sudah pun dibayar, masuk dalam Rancangan Malaysia Ke 8, bila hendak *start*, adakah rangka-rangka hendak buat dalam jangka Rancangan Malaysia Kesembilan? Itu pertama.

Kedua, balai polis, kita memartabatkan polis walaupun tadi kita dengar bermacam-macam rintihan. Itu bagi saya ialah *human error* dengan izin, itu adalah masalah manusia. Manusia mana pun di mana ada bumi ada manusia ia akan berlaku

begitu sehinggalah kiamat esok barulah tidak berlaku *human error* ini. Maka bagi saya balai polis ialah pembangunan fizikal. Kita perlu kepada perubahan. Saya tengok balai polis Pasir Puteh lama sangat dah, selepas Perang Dunia Kedua. Apakah kementerian bercadang untuk membina balai polis baru, yang canggih, yang agak barangkali orang salah tengok pun rasa takut kalau balai polis itu comel, lokapnya kemas, itu saya punya pandangan. Minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, ialah skim untuk pegawai-pegawai penjara. Tadi ada mencelah tetapi saya tidak mahu mencelah kerana tidak bisa. Saya mahu terus terang mengenai skim bagi Pegawai-pegawai Penjara dan juga skim bagi Pegawai Agama di Penjara. Saya tahu sebab selama 29 tahun saya jaga agama di pusat-pusat serenti.

Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tahu bahawa saya di bawah beliau tempoh hari bila beliau Setiausaha Parlimen,. Saya hendak supaya skim penjara ini termasuk Guru Agama dikaji semula oleh kerana banduan itu lebih bijak. Saya setuju tadi ada Ahli Yang Berhormat bercakap tadi sebelum saya mengatakan banduan kadang-kadang lebih bijak daripada pengawal penjara.

Sudah sampai masanya kita *revise* semula skim bagi pegawai dan kakitangan penjara termasuk agama. Bagilah! Apa salahnya Gred 1 bagi satu orang di seluruh Malaysia dalam agama? Ataupun Gred 2 ataupun bagilah Gred 3 (S3), boleh empat atau lima *posts*. Ini yang saya rasa sudah sampai masanya untuk kita memartabatkan perkhidmatan mereka. Saya rasa amat mengharukan kita sekiranya penjara ini tidak diberikan perhatian sebagaimana juga agensi-agensi yang lain.

Yang akhir sekali, sudah akhir, ini yang akhir sekali Agensi Dadah. Bagi saya, Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) ini merupakan, - walaupun kita perlu ubah nama tadi - merupakan satu agensi yang merancang, yang membuat *planning*, *organizing*, *monitoring*, ini kita belajar dahulu kemudian *valuation*, kita sudah nilai.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa cukup. Masa cukup!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya hendak akhiri bahawa kita hendaklah dalam agensi dadah ini sediakan peruntukan untuk diagihkan kepada NGO-NGO termasuk PENGASIH yang tolong kita dan membantu kita dan khususnya

PEMADAM. Tolong tambahkan peruntukan bagi NGO-NGO ini bagi memperkukuhkan dan memantapkan lagi pemulihan dadah kepada kita.

Sekian, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.34 ptg.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada 15 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun bercakap dan memberikan pandangan-pandangan yang bernas untuk kebaikan dan kemajuan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan saya lihat isu-isu yang disentuh sebenarnya berkaitan dengan jabatan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu Polis Diraja Malaysia, Penjara, ADK termasuk pusat serenti dan juga masalah dadah serta JPA3 yang hanya disentuh secara ringkas oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai sebentar tadi.

Tuan Pengerusi, izinkan saya cuba menjawab satu persatu dan kemungkinan ada jawapan yang saya akan gulungkan sekali kerana menyentuh isu-isu yang sama. Yang pertama, Yang Berhormat bagi Mambong ingin bertanya mengenai perjawatan polis di negeri Sarawak. Saya ingin memaklumkan bahawa PDRM memang mempunyai cadangan untuk menambahkan perjawatan PDRM di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. Setakat hari ini, Sarawak mempunyai 5,848 perjawatan, anggotanya sebanyak 5,146 dan kita masih mengalami kekosongan perjawatan sebanyak 702 orang.

Begitu juga mengenai pembinaan penjara, Mambong, ataupun dalam senarai kita ialah penjara baru Kuching yang hari ini terbengkalai. Ia akan kita teruskan. Projek tersebut akan dimulakan semula pembinaannya pada awal tahun 2005 dengan pengawasan JKR. Projek tersebut bernilai RM58 juta dan akan dilengkapi dengan kemudahan keselamatan serta lain-lain kemudahan yang moden.

Masalah yang timbul mengenai projek ini ialah apabila kita melantik semula atau *re-tender* kontraktor yang baru, kita dapati kontraktor yang baru tidak mampu juga untuk meneruskan projek-projek tersebut kerana apabila dilihat secara mendalam,

turun *on the ground* banyak barang-barang yang telah hilang. Seperti yang telah dinyatakan kerosakan-kerosakan juga berlaku dan sekarang ini kita berbincang harga dengan kontraktor yang telah dipilih oleh pihak Kementerian Kewangan. Saya sendiri akan pergi melihat perkara ini pada 14 Disember ini untuk melihat secara dekat masalah pelaksanaan projek penjara di Kuching ini.

Yang kedua, Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan banyak perkara mengenai dadah di mana ramai telah mencadangkan penagih dadah patut dihantar ke pulau dan juga Yang Berhormat bagi Sri Gading juga saya lihat begitu bersemangat bercakap masalah dadah seolah-olah sudah kecewa. Tetapi Yang Berhormat tidak usah kecewalah, kita akan terus berusaha untuk memastikan masalah ini kita perangi habis-habisan.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Bera bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Baru hendak mukadimah.....

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi laluan. Saya mengucapkan terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana saya rasa saya hari ini kurus sedikit akibat sejak pukul 2.30 petang tadi, duduk-bangun-duduk-bangun tidak berhenti hendak bercakap tetapi sampai sekarang tidak dapat-dapat. Sebab itulah saya mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itu pun kira nasib baik.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Okay. Ini fasal ADK, fasal dadah. Semua kita tahu bahawa peningkatan pusat serenti, semua sudah bercakap daripada 3 hingga 48 pusat dan yang kembali menagih selepas keluar adalah lebih kurang 70%. Ini menggambarkan kegagalan dari segi pencegahan dan juga pemulihan. Saya hendak bertanya dari segi program yang dilakukan oleh pihak kementerian selepas penagih-penagih ini keluar daripada pusat serenti.

Sekarang ini wujud PENGASIH pula, tetapi PENGASIH bukannya daripada pihak kerajaan tetapi swasta. Ada satu kumpulan bekas penagih-penagih dadah yang telah pulih. Mereka secara sukarela menubuhkan satu *group* yang dipanggil *Drop-In Centre* (DIC), maknanya lepas penagih keluar, dia orang secara sukarela memberikan kaunseling dan sebagainya kepada bekas-bekas penagih. Jadi, *why?* Soalnya mengapa? Pihak swasta yang lebih bertanggungjawab dalam perkara ini sedangkan sepatutnya pihak kerajaan di bawah ADK memainkan peranan. Itu yang pertama.

Dan yang kedua, saya difahamkan bahawa DIC ini bergerak sendiri tanpa bantuan yang cukup dan sebagainya daripada pihak kerajaan. Kalau pihak kerajaan tidak berminat ataupun tidak mampu untuk mengadakan sendiri tempat-tempat seperti DIC dan PENGASIH, adakah pihak kementerian akan memberikan bantuan yang secukupnya kepada kumpulan sukarela ini? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, ini mengenai bantuan sukarela banyak dibangkitkan, Pasir Puteh juga membangkitkan tadi, Sabak Bernam juga membangkitkan. Saya ingin menyatakan bahawa kerajaan memang memberikan peruntukan-peruntukan tertentu kepada badan-badan bukan kerajaan seperti kita memberikan peruntukan sebanyak RM100,000 kepada PEMADAM, yang RM2 juta yang dibangkitkan oleh Sabak Bernam masih di dalam proses dan juga kita memperuntukkan sebanyak RM180,000 setahun kepada PENGASIH Malaysia.

Nama-nama NGO yang lain seperti DIC, memang kita sedar perkara ini telah pun ditubuhkan oleh bekas-bekas penagih ini dan sekarang ini ADK telah menubuhkan PENDAMAI. PENDAMAI ini ialah seperti satu *alumni* kepada bekas-bekas penagih dadah dan di bawah PENDAMAI ini DIC juga kita hendak letakkan di bawah PENDAMAI. PENDAMAI ini kita daftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan di peringkat kebangsaan juga ada, kemudian di tiap-tiap negeri juga akan kita wujudkan dan saluran-saluran bantuan kita akan beri kepada PENDAMAI.

Kita kena bertindak sedemikian kerana kita tidak mahu bekas-bekas penagih dadah yang ingin ke hadapan bersama-sama dengan kita membantu memerangi dadah, kita tidak mahu mereka terlalu banyak menubuhkan persatuan dan mereka membuat aktiviti-aktiviti tersendiri. Sebab itu kita tubuhkan PENDAMAI ini untuk kita memberikan bantuan dan mudah-mudahan PENDAMAI ini akan menjadi pertubuhan yang benar-benar dapat membantu kita memerangi dadah kerana kita sedar mungkin yang lebih berkesan memerangi dadah ialah bekas-bekas penagih itu sendiri kerana mereka yang tahu mengapa mereka tercebur dan bagaimana mereka pula boleh bebas daripada dadah ini.

Tuan Pengerusi, saya teruskan dengan masalah dadah yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, saya ingin sentuh fasal ke pulau. Pada masa ini kita tidak bercadang untuk menempatkan penagih-penagih dadah di pulau-pulau terpencil, kerana langkah ini tidak selaras dengan matlamat program rawatan dan pemulihan

yang dijalankan, dan usaha untuk mengintegrasikan semula ke dalam ke dalam masyarakat.

Di samping itu, Akta Dadah Berbahaya 1952 (Pindaan) 2002, Akta A1167 yang telah diluluskan oleh Parlimen ini membolehkan penagih-penagih dadah yang menagih semula selepas dua kali menjalani rawatan dan pemulihan di pusat serenti atau pengawasan di dalam komuniti akan dikenakan hukuman penjara dari lima hingga tujuh tahun dan sebatan tidak lebih daripada tiga sebatan. Sekiranya mereka yang didapati menagih sekali lagi pada kali keempat mereka akan dihukum penjara dari tujuh hingga tiga belas tahun dan sebatan hingga enam sebatan.

Ini menunjukkan pindaan undang-undang yang kita buat, tadi ada yang menyentuh apakah undang-undang kita tidak kuat, atau undang-undang kita tidak berkesan. Kita lihat pindaan-pindaan akta mengenai dadah ini banyak, Akta Dadah Berbahaya, satu masa dahulu apabila kita mengadakan hukuman gantung sampai mati mandatori, kita mendapat kecaman daripada antarabangsa, tetapi kita meneruskan juga undang-undang hari ini di bawah di bawah 39(B).

Di samping itu kita juga ada undang-undang langkah-langkah pencegahan yang dibangkitkan tadi oleh Ketereh, kita tangkap tanpa bicara, di mana pada tahun ini kalau saya tidak silap lebih hampir 4 ribu orang yang kita tahan di bawah langkah-langkah pencegahan ini ditangkap tanpa bicara, di mana polis ada kuasa menahan mana-mana yang disyaki sebagai pengedar selama 60 hari, selepas itu polis mengangkat kepada kementerian dan Menteri akan membuat keputusan sama ada mereka yang ditahan oleh polis ini akan ditahan sama ada di Muar, untuk yang hard core ataupun di Simpang Renggam dan ataupun di Batu Gajah.

Jadi, di samping itu kita juga ada undang-undang pemulihan dan juga rawatan. Undang-undang pemulihan dan rawatan inilah yang digunakan oleh Yang Berhormat daripada Kepong..

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Duduklah dulu, bagi saya bercakap fasal habis dadah dulu, lepas itu nanti Yang Berhormat boleh cakap. Saya cakap berkenaan dengan pemulihan dulu. Kita ada Akta Pemulihan dan juga Rawatan, undang-undang inilah yang diguna oleh AADK kerana kita sedia maklum bahawa Agensi Anti Dadah Kebangsaan ini, yang namanya telah kita tukar seperti yang dicadangkan oleh Ketereh dulu tetapi kita tidak adalah cadang seperti Badan, kita ubah sahaja, kalau

dulu dipanggil ADK - Agensi Dadah Kebangsaan, jadi seolah-olah kita pula jadi agensi dadah, hari ini kita ubah namanya kepada AADK, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, jadi ada perkataan antilah Yang Berhormat.

Dan sebab itu di bawah Akta ini AADK ditubuhkan, sebab itu tugas AADK hanya pemulihan dan juga rawatan, itu sahaja. Soal penjagaan memang betul terletak di bawah kuasa polis, sebab itu kalau Ahli-ahli Yang Berhormat ingat bahawa dalam sesi yang baru-baru ini, kita telah meluluskan satu akta yang baru iaitu undang-undang AADK di mana kita akan memberikan kuasa pencegahan kepada pegawai-pegawai AADK di mana mereka akan diberikan kuasa polis untuk lebih berkesan tindakan mereka.

Jadi, mengenai rawatan yang dicadangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat dan juga yang ditimbulkan kepada sebentar tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah akui memang kita dapati rawatan-rawatan ini mungkin ada yang mengatakan kurang berkesan. Soalnya hari ini sama ada berkesan ataupun tidak setelah kajian kita buat ianya terletak kepada keluarga itu sendiri seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat daripada Sabak Bernam.

Soalnya hari ini, keluarga tidak mahu bertanggungjawab untuk mengambil kembali anak-anak atau ahli-ahli keluarga mereka. Kita membuat pemulihan, kita panggil, sebelum dia anaknya ini dibebaskan, kita beritahu keluarga supaya datang mengambil anak-anak mereka, keluarga mereka tetapi tidak datang ambil. Ada lebih kurang 30% sahaja yang datang ambil.

Apabila mereka ini keluar dari Pusat Pemulihan Dadah, ke mana mereka hendak pergi, kita hendak hantar balik ke rumah keluarga tidak mahu, jadi mahu tidak mahu kita akan menghantar mereka ini ke stesen bas-bas dan akhirnya mereka akan pergi ke port mereka kembali dan mereka berkawan dengan rakan-rakan lain dan mereka kembali ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, sebab itu dalam perangkaan yang baru ini, mana-mana penagih sebelum kita bebaskan mereka, kita akan tanya mereka, siapakah adik beradik mereka ataupun kawan mereka yang sanggup mengambil mereka apabila mereka keluar daripada pusat serenti itu nanti dan kita akan panggil keluarga ini, kawan mereka ini kita akan buat latihan motivasi, kita akan ajar keluarga

yang akan menerima penagih ini keluar supaya apabila penagih ini duduk dengan mereka, mereka boleh memahami masalah dan kerenah penagih-penagih dadah.

Di samping itu juga kita sekarang sedang berusaha untuk membuat penagih ..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, sabar dulu, tidak habis lagi saya bercakap fasal penagih ini, nanti saya bagi. Dan yang kedua kita sedang merancang untuk membuat penagih industri, penagih industri ini Pusat Serenti Industri, di mana kalau hari ini kita lihat hanya ada pusat-pusat pemulihan tertentu sahaja seperti di Dengkil yang ada kilang di dalam pusat itu, kilang papan. Hari ini kita mahu sebelum penagih ini dibebaskan sepenuhnya, kita akan pindahkan mereka mungkin di Sepang, di satu pusat serenti yang baru, di situ mereka kita akan memberi latihan kemahiran dan kita akan memberikan motivasi, di dalam proses kita hendak menyediakan mereka kembali kepada pangkuan masyarakat dan juga kita sekarang ini sedang berusaha untuk mencari usahawan-usahawan pertanian kerana tanah-tanah di pusat serenti ini ada beratus ekar yang kita tidak guna banyak lagi.

Jadi kita mahu kalau ada mana-mana usahawan-usahawan pertanian tampil ke hadapan untuk mengadakan projek-projek pertanian, mereka boleh menggunakan tenaga-tenaga daripada pelatih-pelatih ini supaya pelatih-pelatih ini bukan sahaja mendapat upah, tetapi juga akan mendapat pengalaman untuk mereka menceburkan diri di dalam bidang pertanian. Kita harus ingat bahawa di dalam istilah bahawa penagih ini mereka ini bukannya penjenayah, mereka ini ialah pesakit, ini masalah kita. Kalau mereka ini penjenayah senang, kita boleh ambil tindakan seperti mana kita ambil tindakan kepada banduan. Tetapi hari ini kita tidak nafikan bahawa di dalam pusat serenti ini bukan sahaja pesakit, mereka juga bercampur aduk dengan penjenayah-penjenayah, ada yang pernah keluar masuk penjara, kalau mereka sudah biasa apa yang ada, kalau mereka di dalam pusat serenti. Jadi, sebab itu sekarang ini kita akan pastikan bahawa pusat-pusat serenti ini kita kena asingkan mereka supaya apabila mereka keluar daripada pusat serenti, kita harap mereka tidak akan kembali menjadi penagih semula.

Jadi sebab itu masalah pusat serenti yang dibangkitkan tadi pada 28 November yang lepas saya telah memanggil semua Komandan-komandan Pusat Serenti dan juga Ketua-ketua Pengawal Pusat Serenti, kerana kita lihat macam-macam perkara berlaku dalam pusat serenti. Langkah yang pertama yang kita ambil ialah kita

telah mengarahkan polis-polis membuat 'Ops Bersih' di dalam semua pusat-pusat serenti dan kita akui memang banyak perkara yang kita dapati dalam pusat serenti dan saya juga kita telah memberitahu kepada semua komandan-komandan ini bahawa dalam tempoh enam bulan akan datang polis akan buat lagi sekali 'Ops Dua' untuk memastikan perkara-perkara barang-barang yang terlarang tidak lagi terdapat dalam pusat serenti. Kalau berlaku lagi juga perkara seperti sekarang maka sudah tentu komandan-komandan ini tidak layak untuk menjadi komandan.

Begitu juga kita memberitahu pengawal-pengawal keselamatan yang hari yang dilihat sebagai takut bertindak kepada pelatih-pelatih apabila pelatih-pelatih merusuh, maka kita telah pun menyusun program-program khas, kita akan berikan kursus-kursus tertentu, kursus-kursus latihan dan juga pengawalan daripada berlakunya rusuhan kepada pengawal-pengawal keselamatan di pusat serenti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam, bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya kena bagi

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...Kepong dulu. Sila Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, di masalah dadah dulu. Saya berharap pihak kerajaan boleh mempertingkatkan usaha untuk mencegah pengedar dan penagih dadah, tetapi dengan 48 pusat serenti ini dan di antaranya ada menimbulkan masalah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, berapa tahunkah yang diperlukan untuk pelatih penagih misalnya yang bertambah daripada 136 yang lebih kepada itu lebih 200 ribu pada tahun hadapan akan ditambahkan pelatih-pelatih di dalam pusat serenti ini. Berapa tahun sekarang? Dua tahun atau tiga tahun untuk setiap orang yang dimasukkan ke dalam pusat serenti. Ini yang pertama.

Yang keduanya, kita nampak angka daripada kementerian sendiri yang didapati bilangan penagih yang didaftar. Penagih yang tidak didaftar kita tidak tahu bilangannya, tetapi yang didaftar sudah meningkat daripada lebih 60,000 kepada hampir 90,000. Ini bermakna walaupun ada tindakan ataupun langkah-langkah daripada Agensi Dadah Kebangsaan yang bergiat aktif tetapi kita masih tidak boleh mengawal.

Masalah dadah ini memang rumit tapi bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada kita semua sejak adanya akta hukuman mati mandatori, Akta Dadah

Berbahaya, Akta Pencegahan dan sebagainya, bilangan yang sudah dihukum mati, bilangan yang masih di dalam penjara dan bilangan yang disebutkan tadi, 4,000 yang ditahan di bawah Akta Pencegahan dan sebagainya. Angka ini perlu kita tahu sebab saya tidak tahulah dengan hukuman yang begitu berat, hukuman mati mandatori dan kita masih tidak dapat mencegah. Itulah masalah dadah ini. Bolehkah Yang Berhormat bagi satu angka ataupun dengan cara bertulis?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Angka ini kalau Yang Berhormat baca pada Hansard saya sudah cakap. Saya pernah umumkan di dalam Dewan ini beberapa banyak kali. Kalau Yang Berhormat hendak lagi, nanti saya bagilah. Kita ada, jadi saya tidak perlu ulanglah. Saya sendiri sudah bagi tahu. Bukan sahaja saya tahu tetapi saya sendiri pergi berjumpa dengan orang yang hendak kena gantung ini. Di Kota Bharu ada enam orang, di Sabah ada sembilan orang yang menunggu hukuman gantung. Tetapi masih belum digantung. Masih menunggu pengampunan daripada *Board of Pardons*.

Jadi kalau Yang Berhormat hendakkan jumlah berapa ramai itu, kita akan berikanlah. Berapa banyak bilangan-bilangan dadah yang kita rampas pun kita boleh beri kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, jadi beberapa cadangan yang telah dibangkitkan mengenai dadah seperti yang dibangkitkan oleh Sabak Bernam,....

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini satu pandangan yang baik. Walau bagaimanapun, apa Yang Berhormat telah cadangkan kita pun telah mulakan di peringkat kebangsaan di mana kita dalam soal Jawatankuasa Kabinet.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:membangkitkan gejala dadah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong dan Tangga Batu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Apa, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tadi belum jawab lagi mengenai tempoh yang diperlukan untuk latihan yang diperlukan.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, okay!

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, ya.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bukan ada, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat faham Yang Berhormat tidak perlu tanya. Sebab Yang Berhormat tidak faham itulah Yang Berhormat tanya. Duduklah. Saya jawab.

Yang Berhormat, yang masuk ke pusat ini, mana ada tempoh? Saya mahu ceritakan bagaimana seseorang ini kita masukkan ke dalam pusat serenti. Katalah polis buat operasi, dia buat operasi tangkap 300 orang. So, polis akan mengambil *urine test*. Bila *urine test* ialah positif maka Mahkamah Majistret yang akan menentukan di bawah seksyen 6 ke mana mereka hendak dihantar. Majistret ada dua pilihan sama ada arahkan mereka ini ditahan kemudian dimasukkan ke pusat serenti atau majistret arahkan letak di bawah pengawasan keluarga. Jadi ada dua pilihan. Kalau majistret mengatakan berdasarkan *urine test* ini tadi maka mereka ini akan dihantar ke pusat serenti selama dua tahun.

Jadi sebab itu yang kita dapati kita menghadapi masalah kerana masalah seperti ini bukan berdasarkan kepada *previous record* tetapi berdasarkan kepada *urine test* pada masa itu. Jadi apabila dihantar ke pusat serenti itu sebab kita dapati dalam pusat serenti pada hari ini bukan sahaja orang yang pertama kali menghisap dadah, yang sudah banyak kali hisap dadah pun masih lagi dihantar ke pusat serenti. Sebab itu kita pinda undang-undang yang saya katakan tadi. Apabila kita dapati sudah dua kali dia masuk ke pusat serenti kali ketiga sudah tidak boleh masuk pusat serenti, kita akan hantar dia ke penjara. Itu akan diaturkan. Mandatory jail apabila lebih daripada dua kali.

Jadi, sebab itu di dalam pusat serenti ini kita kena asingkan mereka. Ada yang *first timers* seperti kalau kita ikut perangkaan. Perangkaan tahun ini sahaja sehingga bulan Disember kita tengok tiap-tiap bulan ada 4,000 orang, ertinya dalam enam bulan yang pertama ada 24,000 penagih baru. Ini bermakna purata sebulan ada 4,000 penagih baru di mana 2,000 penagih relaks (yang keluar dia hisap semula). Itu ada 2,000 orang dan 2,000 lagi ialah penagih yang pertama kali menghisap dadah. Pertama kali salah. Jadi adakah adil orang yang baru pertama kali hisap dadah ini pun kita hendak hantar ke pulau? Sebab itu kita telah memberikan arahan kepada pusat-pusat serenti supaya pusat-pusat serenti ini kita kena asingkan.

Kita ada 48 pusat serenti. Kita hendak suruh asingkan Gred A, Gred B, dan Gred C. Sebut sahaja pusat serenti Gred A, kita tahu yang ini hendak dihantar ke pulau pun tidak apa. Ertinya Gred A ini teruk sangatlah. Seheingakan kalau kita

bebaskan pun dia tidak boleh berjalan, jadi sampah masyarakat. Yang ini mungkin kita sedang kaji. Kalau yang macam ini, orang kata hidup pun sudah tidak ada makna, menyusahkan masyarakat siapa pun tidak boleh bela dia, lepaskan pun dia asyik melepak di kaki-kaki lima, yang ini kita sedang kaji. Kemungkinan cadangan Sri Gading kita boleh timbang.

Kalau kita kata Gred B, Gred B ini mungkin belum jadi penagih tegar. Dia baru hendak cuba-cuba. Tidak akan yang baru hendak cuba-cuba ini yang baru sekali atau dua kali kena tangkap kita hendak buang ke pulau. Hendak letakkan sama taraf dengan yang ada HIV dan yang ada penyakit.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi sebab itu kita perlu kategorikan mereka. Yang Gred C ini pula yang *first timers*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebut yang C ini kita tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang ini kalau kita hendak latih mereka, kita hendak bagi mereka bekerja, sebelum dibebaskan beri latihan-latihan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:seperti yang saya nyatakan tadi, yang ini mungkin kita akan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading dia minat dengan pulau.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar:bagi kepada mereka yang tinggal di pusat serenti Gred C. Kemudian di dalam pusat serenti itu sendiri kita perlu kelaskan pula. Walaupun dia sudah di dalam Gred C yang baru pertama kali menghisap dadah kita ada tiga blok asrama.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, sila duduk!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita perlu asingkan pula itu. Ini blok A yang betul-betul teraniaya. Memang betul. Apabila saya melawat pusat serenti, Tuan Pengerusi, saya jumpa dengan seorang yang berkelulusan universiti. Saya tengok muka pun saya tahu dia ini bukan penagih dadah.

Saya tanya sebab apa kamu masuk ke sini, dia kata: "Dato', nasib saya tidak baik. Masa hari polis buat operasi, secara kebetulan, katanya dia batuk. Maka dia

minum ubat batuk. Bila buat *urine test*, positif. Naya dia masuk ke pusat serenti. Jadi ada kes-kes yang berlaku sedemikian dan ada juga kes-kes yang didapati seolah-olah teraniaya dan sebagainya. Ini kita akan susun balik pentadbiran di dalam pusat serenti supaya kita tidak mahu mencampuradukkan di antara penagih tegar, penagih baru ataupun penagih yang memang ada keinsafan untuk mereka pulih dan kembali ke pangkuan masyarakat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Timbalan Menteri. Itulah saya kata kerajaan kita ini baik sangat. Bertolak ansur dengan musuh nombor satu kita. Saya bersetujulah, tetapi yang tidak anu itu hantar ke pulau lainlah pula. Jauh ke pulau itu bersama kumpulannya. Kumpulan yang tegar tadi pulau kumpulan tegar.

Jadi biar mereka rasa sedikit ada kelainan hukuman. Ini juga boleh menakutkan orang-orang yang hendak terjebak dan dia boleh fikir banyak kali. Hukuman ini haruslah disetimpalkan dengan perbuatannya. Dia tidak sayangkan dirinya, Dato'. Ibu bapa tidak sayang dia. Yang sayang hanya kerajaan, kerajaan Barisan Nasional pula itu. Ini yang masalah ini. Tidak ada kerajaan di dunia yang macam ini punya baik kepada rakyat. Jadi, asingkan ke pulau yang berbeza-bezalah. Apa salahnya? Alang-alang sudah hantar ke pulau, ke pulaulah dia.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan menimbangkan cadangan pulau ini. Dahulu ingat hendak cadangkan ke Pulau Bidong tetapi Terengganu mungkin tidak beri. Jadi, walau bagaimana pun Yang Berhormat kita akan mengambil kira, tetapi saya hendak menegaskan kita kena menerima hakikat bahawa ada di antara penagih ini dia akan insaf. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, minggu lepas ada seorang bekas penagih dadah, dia menagih dadah selama 20 tahun. Hari ini dia menjadi usahawan di Muar.

Dia ada kilang dan dia datang sendiri ke ADK dan menderma RM200 ribu - *personal cheque* RM200 untuk memerangi dadah. 20 tahun dia terlibat dan juga dalam 20% kalau kita pergi ke Pengasih, saya pergi ke Pengasih di majlis berbuka puasa dengan Pengasih, saya terkejut hampir 1,000 orang ibu bapa datang bersama-sama dengan anak-anak mereka. Tidak semua ibu bapa yang hendak mengeneipkan mereka. Mereka membuat jamuan Hari Raya hampir 2,000 datang ke Pengasih bersama-sama dengan anak-anak mereka.

Jadi, sebab itu saya lihat ada ibu bapa, ada keluarga yang masih sayang kepada anak mereka dan ada penagih-penagih ini memang hendak insaf, pulang kepada masyarakat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada banyak lagi?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini baru dadah sahaja, belum polis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya berikan lagi 25 minit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okey. Jadi, pandangan Yang Berhormat saya bersetuju kita akan mengkaji secara terperinci sebelum kita mengambil tindakan-tindakan yang mungkin akan mendapat bantahan, tentangan dan sebagainya. Ini saya bersetuju kita tidak akan tunduk kepada segala tentangan dari mana-mana pihak. Tetapi saya fikir kerajaan hanya memikirkan bagaimana cara hendak memulihkan semula pesakit ini, kerana mereka ini ialah pesakit untuk dipulihkan supaya kita tidak rugi...

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...di dalam tenaga kita. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham dan saya turut merasa berkeyakinan yang mana pengurusan Pusat Serenti pada hari ini antara kelemahannya adalah disebabkan oleh kekurangan pengalaman, pengetahuan dan kepakaran pegawai-pegawai yang mengawal. Adakah pihak kementerian bercadang untuk meletakkan pegawai-pegawai yang mempunyai latihan kepenjaraan untuk mengawal pusat-pusat serenti ini supaya perkara-perkara yang tidak diingini yang disebutkan oleh Timbalan Menteri tadi tidak berlaku lagi. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat saya ingat hendak jawab, tetapi Yang Berhormat sudah bangkitkan. Memang kita telah pun mencadangkan kepada JPA supaya tugas Komandan ini diberikan sebagai *open post*. Ertinya sekarang ini kebanyakannya ditadbir oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Kebajikan

Masyarakat oleh kerana dilihat pusat pemulihan ini sebagai pusat untuk memulihkan, sebagai orang kata untuk memberikan perundingan dan sebagainya, sebab itu diletakkan pegawai-pegawai daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Jadi, oleh kerana kita lihat pentadbiran pusat serenti agak menjadi kurang tegas, kita telah pun mencadangkan supaya dikembalikan sebagai *open post*, bukan sahaja pegawai penjara, pegawai tentera pun kalau kita tengok layak pun boleh ditempatkan, begitu juga dengan pegawai polis. Kerana *post* Komandan ini Ahli Yang Berhormat jawatannya tinggi iaitu kalau dia polis, *ranknya* ialah sebagai ACP. Pegawai Polis yang berpangkat ACP ini dia akan menjadi OCPD yang menjaga bagi satu daerah yang penduduknya ramai. Jadi, bermakna jawatannya tinggi.

Jadi, sebab itu kita sudah pun mencadangkan kepada pihak kementerian dan kepada JPA supaya menjadikan dia *open post*, supaya mereka yang betul-betul ada *command* boleh menjadi Komandan. Dalam masa yang sama kita juga akan mengadakan kursus bersama dengan pegawai penjara, supaya pegawai-pegawai yang bekerja di pusat serenti ini lebih memahami bagaimana pegawai-pegawai penjara menjalankan tugas sewaktu mereka menjalankan tugas di penjara dan juga saya katakan tadi bahawa pegawai-pegawai keselamatan, polis bantuan, ini pun kita akan kaji dan berkemungkinan di tempat-tempat tertentu kita akan meletakkan Chief Inspektor sebagai Ketua Pengawal di satu-satu pusat serenti.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: [Bangun]

Ini semuanya kita sedang membuat cadangan-cadangan kepada JPA, kerana segala apa yang kita akan buat, kita kena mendapatkan kelulusan daripada JPA sebelum kita boleh melaksanakannya. Yang Berhormat.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Saya.

Seorang Ahli: Dua-dua.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian ADK dan sebagainya. Kita mendengar banyak, bermacam-macam program yang di buat untuk memulihkan bekas-bekas penagih dadah - latihan, macam-macam yang disebutkan, kita sudah lama mendengar perkara ini, macam-macam latihan dan sebagainya. Tetapi dari segi statistik masih lagi yang kembali menagih selepas keluar adalah tujuh daripada sepuluh *its about 70%*. Jadi,

adakah pihak kementerian sudah menjumpai punca masalah ini. Sebab kita tahu tadi sudah bermacam-macam program disebutkan, *detail* tadi, kita faham tetapi *still*, masih lagi tujuh daripada sepuluh balik kepada pusat serenti.

Adakah tidak pergi kepada *root* sebenar, adakah tidak mencapai kepada apa yang sepatutnya dibuat. Sebab itu saya faham tadi Yang Berhormat bagi Sri Gading mengamuk marah, sebab inilah sudah terlampau lama macam-macam disebutkan tentang program *but still* tujuh daripada sepuluh balik menjadi penagih. Apa perkara yang menyebabkannya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bera. Saya telah menyatakan punca utama ialah keluarga. Sebab itu kita pada mulanya kita hanya mengambil, meminta keluarga datang untuk mengambil anak-anak mereka atau keluarganya. Sebelum dibebaskan kita sudah memberitahu supaya datang mengambil di pusat serenti tetapi bilangan sepuluh yang kita tulis surat kepada keluarga yang datang hanya tiga orang sahaja, yang lebihnya tidak datang. Bila tidak datang di mana kita hendak meletakkannya, kita tidak boleh menahan lebih seperti Yang Berhormat bagi Kepong tanyakan tadi. Undang-undang mengatakan kita hanya boleh menahan mereka hanya dua tahun. Sebab itu kita hendak memperkenalkan satu program yang baru di mana sebelum mereka ini dibebaskan kita hendak bertanya dia sebelum kamu keluar siapa orang yang boleh menolong kamu, kawankah atau anak saudarakah, siapa juga dan kita akan mencari nama yang diberikan dan mereka ini nanti kita akan panggil dan memberikan kursus kepada mereka yang sanggup menerima penagih-penagih yang akan dibebaskan.

Jadi, ini kita akan cuba membuat pendekatan yang baru, kita akan buat Industri Pusat Serenti, kita akan mula membuatnya di Sepang. Kita sekarang sedang berbincang dengan MARA supaya mereka ada kemahiran-kemahiran tertentu untuk mereka laksanakan dan juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Daripada kurikulum kita akui hari ini dari segi pengisian agama memang agak berkurangan di dalam pusat serenti kerana kita tidak ada jawatan guru agama. Kita terpaksa meminjam daripada JAKIM. Ini pun kita telah memohon lebih kurang 500 jawatan guru agama yang akan bekerja tetap dengan pusat serenti.

Jadi, beberapa langkah ini Yang Berhormat kita akan cuba membuat pembaharuan. Kita juga sekarang ini telah menubuhkan sekretariat Antidadah Kebangsaan, di mana sekretariat ini nanti yang akan membuat program-program

pengecahan dengan kerjasama ADK dan juga pihak-pihak swasta. Jadi saya amat yakin kalau Yang Berhormat seperti yang dicadangkan oleh Sabak Bernam kita tahu berapa ramai ahli-ahli dalam kampung kita yang terlibat dalam dadah, kita akan tahu. Jadi, barulah kita pasang bendera Pasir Mas, tetapi kalau Yang Berhormat bagi Pasir Mas pun tidak tahu dalam satu kampung ada berapa orang penagih dadah, macam mana kita hendak pasang bendera.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: *[Bangun]*

Tuan Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, semua perangkaan-perangkaan ini kita boleh dapat, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi berjumpa dengan OCPD masing-masing.. .

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...untuk mendapatkan. perangkaan dalam daerah masing-masing. Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berkongsi beberapa pengalaman sebagai mungkin jalan keluar. Ada dua pihak, yang pertama, saya bersimpati dengan ibu bapa ataupun keluarga yang mengambil anaknya, kerana mereka menghadapi masalah apabila anak itu sampai ke rumah, walaupun dengan beberapa kemahiran yang telah diberikan, masalah mereka ialah masalah kerjaya. Jadi, mereka bersama keluarga tetapi tidak ada sumber pendapatan. Jadi, maknanya ini harus dibantu oleh pihak ADK.

Yang keduanya, saya sendiri berinteraksi dengan ibu bapa yang tidak mahu mengambil anak ini. Sebenarnya mereka takut. Saya mencadangkan supaya ibu bapa ini dipanggil, diberikan taklimat tetapi yang lebih penting ialah diberikan kemahiran bagaimana mereka harus dapat melayani anak mereka ini. Itu cadangan saya, apa pandangan Timbalan Menteri? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Ini yang saya katakan tadi. Kita akan memberikan kursus kepada keluarga yang akan mengambil bekas penagih-penagih ini sebelum mereka dibebaskan. Kita akan memberikan kursus kepada penjaga-penjaganya terlebih dahulu. Ini satu pendekatan baru yang kita akan buat di bawah ADK.

Untuk jawapan Yang Berhormat bagi Kepong tadi, saya telah mendapat perangkaan. Yang disabitkan kesalahan Akta Dadah Berbahaya 39B sejak tahun 1979 sehingga tahun 2004 – seramai 650 orang, yang telah dihukum mati seramai 201 orang, bermakna ada lebih 400 orang lagi yang sedang menunggu hukuman gantung sampai mati. Kemudian bilangan pesalah dadah dalam penjara ialah daripada tahun 1994 sehingga 2003 – ini di dalam penjara sahaja yang kita tangkap di bawah Akta Dadah Berbahaya ialah seramai 117,000 orang.

Jadi, bermakna penguatkuasaan undang-undang kita buat tetapi ialah jikalau dia tidak takut dengan undang-undang, undang-undang tidak akan bermakna. Jadi, sebab itu saya percaya pendidikan itu lebih penting daripada kita menguatkuasakan undang-undang.

Tuan Pengerusi, saya pergi kepada isu yang lain,

Tuan Salahuddin bin Ayub: *[Bangun]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat bagi Jasin tadi dia membangkitkan mengenai dadah tetapi bangkit isu yang baru.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Yang Berhormat Dato' mengenai dadah..

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Dadah lagi?

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Dadah sikit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya beri Yang Berhormat bagi Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Dadah ini Tuan Pengerusi, sejak negara kita merdeka sampai ke hari ini dadah ini tidak selesai, dadah yang menjadi ancaman nombor satu negara sangat serius pada hari ini. Saya yakin bahawa risikan keselamatan pihak polis, polis kita saya yakin sangat cekap, dan sejarah polis kita boleh dibanggakan sehingga Musa Ahmad boleh kita bawa balik daripada Peking sampai ke dalam negara kita.

Tetapi sebenarnya saya hendak tanya kepada pihak kementerian, siapa sebenarnya yang menjadi tauke dadah ini? Siapa yang menjadi tauke dadah ini? Saya yakin polis dengan risikan yang begitu cekap tahu siap mereka. Tetapi kita tidak pernah dengar mereka ini didakwa, tiada tangkapan besar-besaran terhadap tauke dadah ini. Saya takut, Tuan Pengerusi, negara kita jadi macam dalam filem "*The Italian Job*" ataupun "*Scarface*".

Negara kita akan menjadi seperti negara Amerika Latin. Mafia akan menguasai negara kita. Jadi saya yakin dan percaya polis tahu, tetapi siapa sebenarnya mereka ini? Saya harap Timbalan Menteri dapat memberi jawapan yang pasti pada hari ini. Terima kasih

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, saya sudah menyatakan tadi. Kalau kita tangkap pengedar ini, dalam tangan dia ada kilogram tertentu, kita terus dakwa dia di bawah 39(B). Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah pun menangkap ramai, termasuk warga negara asing. Baru-baru ini daripada negara asing ada 3 orang daripada negara China. Mereka datang, kita tangkap tetapi tangkap di bawah ke LPPK, di bawah "tangkap tanpa bicara". Tangkap tanpa bicara ini kita tiada bicara. Jadi mana hendak masuk dalam surat khabar?

Jadi sebab itu, sebenarnya yang pengedar-pengedar *hardcore* ini kita hantar ke Muar. Jadi walau bagaimanapun, kita tidak nafikan semalam kita baca surat khabar 1 juta dadah kita dapat rampas dan di Hulu Langat, Semenyih baru ini kita telah dapat menangkap dan dapat musnahkan satu kilang yang terbesar di Asia untuk memproses syabu. Jadi sebenarnya ada tindakan-tindakan yang kita ambil.

Jadi walau bagaimanapun, semakin hari masalah dadah semakin banyak jenis. Dahulu dadah tidak banyak jenis. Dahulu kita tahu ganja, *heroin* dan *morphine*. Sekarang ini dadah sintetik begitu banyak termasuk dadah syabu. Ini dicadangkan lagi ini, yang najis tahi lembu ini pun disenaraikan dadah. Besok teruk kita hendak tangkap, air kencingnya, gamnya yang dibangkitkan tadi. Kalau ini juga kita senaraikan di bawah Akta Dadah Berbahaya, besok siapa cium tahi lembu sesekian boleh kena hukuman gantung.

Macam daun ketum, kita letak di bawah Akta Racun Berbahaya. Kalau daun ketum juga besok kita masukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya, maka siapa yang ada tanam pokok ketum, jawabnya kena hukum gantung. Jadi, ini jenis-jenis dadahnya semakin banyak. Yang dibangkitkan tadi macam gam, air kencing, tahi lembu ini semua, dia masih belum lagi kita kategorikan di bawah mana-mana akta dan kita sedang membuat kajian sama ada gam sebagai bahan terlarang ataupun tidak seperti yang selalu kita dengar menghidu gam. Dan sekarang ini ubat batuk pun sekarang ini boleh dijadikan dadah. Dadah-dadah sintetik lebih banyak lagi: *Ecstasy*, *eramine*, dan berbagai-bagai lagi. Jadi sebab itu, lagi banyak jenis dadah, lagi banyak

tangkapan kita buat, lagi banyak perangkaan-perangkaan yang akan meningkat menunjukkan seolah-olah masalah dadah ini tidak pernah selesai.

Tuan Pengerusi, saya pindah ke isu lain. Isu-isu penjara yang dibangkitkan oleh beberapa ahli Yang Berhormat. Terima kasih banyak kepada ahli Yang Berhormat kerana membela nasib pegawai-pegawai penjara.

Saya ingin nyatakan bahawa berdasarkan perangkaan terkiri, Jabatan Penjara mempunyai 9,709 orang pegawai dan terdapat seramai 33,475 banduan yang sedang ditahan dan menjalani hukuman. Kapasiti untuk 28 buah penjara tersebut hanyalah 25,150. Ini bermakna berlaku lebih muatan kira-kira 8,325 banduan. Keadaan ini menggambarkan nisbah pegawai penjara kepada banduan adalah lebih tinggi dari yang dibenarkan iaitu 1:3 yang ditetapkan oleh United Nations Standard Minimum Rules.

Setelah kakitangan diagihkan mengikut giliran bertugas pagi, petang, malam dan lain-lain untuk tentukan nisbah kakitangan kepada banduan akan menjadi 1:20. Malah bagi penjara yang besar seperti Kajang dan Sungai Buloh, seorang kakitangan terpaksa mengawal 100 orang banduan. Jumlah perjawatan pegawai penjara yang diperuntukkan adalah sebanyak 11,280 jawatan daripada jumlah ini sebanyak 9,709 jawatan sedang diisi. Ini bermakna berlaku kekosongan sebanyak 1,571 jawatan yang melibatkan pelbagai gred jawatan.

Antara elaun yang sedang dikaji ialah elaun pemandu, elaun tugas-tugas khas, elaun sebat rotan yang bertujuan untuk menarik minat golongan belia menyertai perkhidmatan penjara dan menggalakkan pegawai penjara sedia ada kekal dalam perkhidmatan. Ini kerana pegawai penjara memerlukan daya ketahanan diri yang tinggi dari segi mental dan fizikal. Semasa menjalankan tugas, mereka sentiasa berhadapan dengan risiko penghuni yang berbahaya, berpenyakit, berisiko tinggi dan juga penyakit-penyakit yang lain.

Semua permohonan-permohonan elaun ini dan juga kenaikan gaji penjara saya difahamkan sedang dalam peringkat kajian akhir oleh pihak JPA. Memang benar kelulusan minimum untuk menjadi pegawai penjara ialah SRP seperti yang dibangkitkan oleh Hulu Selangor, Hulu Langat tadi. Sekarang ini kita dalam cadangan kita kepada JPA, kelulusan minimum hendaklah dinaikkan kepada kelulusan SPM dan maka itu gaji mereka akan dapat mereka tingkatkan. Kita juga memohon elaun khas kerana kita dapati ada ramai seperti yang diterangkan yang dibaca oleh Muar tadi,

berapa ramai yang ada di dalam penjara berpenyakit. Maka, kita telah merayu kepada JPA supaya mereka memberikan elaun khas kepada pegawai-pegawai yang berhubung dengan banduan-banduan yang berpenyakit ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Larut mencadangkan mengenai penjara Taiping hendak dipindahkan kepada kawasan baru. Ini Jabatan Penjara mengalami masalah kesesakan atau lebih muatan seperti yang saya nyatakan tadi, oleh itu kita akan terus membuat penjara-penjara baru. Penjara-penjara yang ada ini, kita akan kekalkan untuk menampung segala kekurangan yang sedia ada. Begitu juga mengenai Machang tadi telah dibangkitkan bahawa penjara di Machang sedang dalam proses untuk kita dirikan.

Yang Berhormat bagi Larut, juga bangkit isu lumba haram. Lumba haram ini saya hendak nyatakan memang ada undang-undang iaitu di bawah seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 di mana kesalahan memandu secara melulu. Di bawah undang-undang ini, pemandu ini boleh ditahan reman sebenarnya. Di dalam Akta Pengangkutan Jalan ini ada kesalahan 41, 42, 44, 45, 50(A) ini semua boleh di tahan reman. Ertinya tangkap, tahan dahulu, letak lokap dan boleh ditahan sehingga 14 hari. Jadi sesiapa yang memandu lumba haram ini, polis mengambil tindakan dan kita lihat polis terpaksa menyamar sebagai anggota daripada kumpulan lumba haram ini dan daripada situ barulah kadang-kadang polis baru boleh dapat tangkap pelumba-pelumba haram ini.

Kita lihat perangkaan dari tahun 2002. Kita telah mengeluarkan tangkapan, kita hendak membuat tangkapan, tindakan diambil sebanyak 2,009 saman, 2003 sebanyak 2,269 saman, 2004 sehingga November sebanyak 216 saman. Cadangan Yang Berhormat bagi Larut untuk mengadakan masa ini perlu dikaji kerana kalau kita lihat perangkaan berlakunya kejadian kemalangan jalan raya, bukan semata-mata di lebuhraya, kalau di lebuhraya mungkin senang menggunakan masa. Di lebuhraya hanya ada 1,042 kes sahaja. Di Jalan Persekutuan lebih banyak iaitu 3016 kes *accidents*, di jalan-jalan negeri, sebanyak 2,124 kes dan di jalan-jalan bandaran sebanyak 4,871 kes. Jadi kalau kita lihat kejadian *accidents* yang kurang berlaku ialah di lebuhraya, sebaliknya kejadian yang banyak sekali berlaku *accidents* ialah di jalan-jalan bandaran.

Tuan Pengerusi, Batu Gajah menimbulkan soal saman ekor. Terima kasih Yang Berhormat bangkitkan soalan ini. Tetapi saya ingin nyatakan bahawa kita

membuat tindakan sedemikian untuk memberikan pendidikan ini. Ini soal pendidikan. Saya nyatakan tadi, undang-undang tidak boleh menyelesaikan masalah. Masalah yang ada depan kita ialah kerana penunggang-penunggang motosikal ataupun kereta bukannya takut kepada undang-undang, tetapi mereka takut kepada polis. Ini masalah kita. Dia pakai topi keledar, sepatutnya pakai topi keledar untuk kepentingan diri dia, kalau ada *accident* dan sebagainya, tetapi dia tidak akan pakai topi keledar kalau polis tidak ada. Nampak polis baru dia jadi kelam kabut, dia pakai tali pinggang atau topi keledar. Dia memotong *line* memandu had laju. Dia bukan memikirkan bahawa kalau dia memandu lebih pada had laju, boleh berlaku kemalangan. Dia tengok polis tidak ada dia pecut 120, 160, dia akan pecut, tetapi kalau dia nampak polis dia *slow*.

Jadi ini *attitude* kita. Bagaimanakah cara kita hendak mengubah *attitude* ini? Kita hendak mengubah *attitude* kita sebagai negara maju, kita akan mencapai status negara maju pada tahun 2020 tetapi kalau *attitude* kita masih takut kepada polis, bukan takut kepada undang-undang maka undang-undang tidak akan ada maknanya. Kalau kita pergi ke negara-negara maju kita lihat pemandu-pemandu hormat kepada orang yang melintas jalan. Kalau ada *pedestrian*, kita boleh pejam matalah, kita boleh lintas di *zebra crossing*, kita boleh lintas – pemandu beri laluan kepada orang lalu lintas, kepada pejalan kaki. Tetapi di sini boleh jadi terbalik – pejalan kaki pula yang kena tengok ke kiri, kanan, ada kereta atau tidak ada kereta padahal itu adalah hak dia untuk jalan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [*Bangun*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Lampu kuning kita lihat masih jalan lagi. Kalau di negara maju, lampu kuning mereka sudah berhenti, dan di simpang-simpang, ini pengalaman, kita mula-mula bawa kenderaan di luar negeri pun kita terkejut – mereka akan berhenti untuk memberi laluan kepada kita tetapi kita di sini, kalau ada simpang, minta maaf, siapa cekap dialah yang boleh.

Jadi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah, saya ambil perhatian perkara Yang Berhormat bangkitkan, malah saya secara peribadi sebenarnya telah pun berjumpa dengan Ketua Polis Negara untuk membangkitkan perkara ini, bukan sahaja di Batu Gajah. Saya pergi ke Kedah, saya mendapat begitu banyak laporan daripada negeri Kedah, petani-petani lalu lintas, lalu di batas-batas jalan, ambil budak-budak sekolah, polis duduk bawah pokok, saman.

Jadi, sebenarnya kita telah pun meminta supaya pihak polis bertindak lebih bijak dalam kita ingin memberikan pendidikan kepada pemandu-pemandu dan saya bersetuju supaya jangan orang-orang kampung ini dijadikan mangsa. Jadi, sebelum Yang Berhormat bangkitkan, saya sendiri telah pun membangkitkan perkara ini kepada *IGP*. Dan baru-baru ini di Tumpat pun dibangkitkan perkara yang sama, di mana-mana pun Ahli-ahli Parlimen yang jumpa saya, semuanya membangkitkan perkara yang sama.

Cik Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak bagi Yang Berhormat bagi Ketereh dulu.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya hanya ingin minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya dalam perjalanan ke utara dan ke timur, saya tengok gambar kartun polis berdiri, saya ingatkan polis tetapi rupanya bukan polis – hanya gambar polis. Apakah tujuan gambar ini dibuat? Adakah untuk *justify* apa Yang Berhormat kata bahawa orang di Malaysia ini lebih takut polis daripada takut kepada undang-undang? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, sebenarnya itulah jawapannya. Kita terpaksa buat patung-patung polis kalau-kalau orang nampak dari jauh “Ha, itu polis”, jadi orang sudah *slow*, padahal itu patung. Seperti apa Yang Berhormat sebutkan itu memang betul. Kita buat sebab *attitude* kita kalau polis ada barulah kita boleh hormati undang-undang tetapi kalau polis tidak ada, undang-undang ini kita letak ke tepi. Jadi, ini masalah yang kita hadapi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada lagi lima minit.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *Last*, saya bagi Yang Berhormat bagi Batu Gajah.

Cik Fong Po Kuan: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana terlebih dahulu telah memberi perhatian terhadap perkara ini. Bagus, saya harap boleh dapat satu perkhabaran yang baik. Saya bangkitkan dan laporkan untuk menyatakan bahawa penduduk kampung ini tidak harus dididik atau tindakan polis menguatkuasakan peraturan bukan untuk keselamatan mereka sahaja, saya bukan nyatakan yang demikian tetapi yang fokusnya ialah siapakah yang perlu mendidik,

semua orang perlu dididik. Yang kita beri keutamaan ialah ke kawasan di mana ada risiko yang lebih tinggi, kecenderungan yang lebih tinggi dan fokusnya kepada keadaan di mana wujud kekurangan kakitangan. Aspek itu yang saya pertekankan. Jadi itulah pandangan orang kampung. Terima kasih kerana memberi perhatian dalam perkara ini.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya terus pergi kepada persoalan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Krai, beliau menyentuh fasal JPA3, terima kasih kerana memberi perhatian kepada JPA3 dan kita sedang mengambil tindakan-tindakan yang tertentu untuk kita menambahbaikkan kemudahan-kemudahan yang ada untuk JPA3 diberikan peruntukan yang lebih. Yang Berhormat bagi Hulu Langat

Tuan Lim Kit Siang: *Point of Order. Point of Order*, Tuan Pengerusi. Oleh kerana masih banyak isu yang penting, bolehkah Tuan Pengerusi menggunakan kuasa yang ada untuk memanjangkan 15 minit supaya keadilan boleh diberi kepada isu-isu yang penting yang ada dikemukakan *[Diganggu oleh Ahli-ahli Barisan Nasional]* Apa itu bising-bising? Bersetuju supaya *justice can be done*?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, teruskan jawapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Salah satu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Langat ialah mengenai *dumping ground* di Hulu Langat, hendak buat tahanan reman, itu sebenarnya di bawah kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi, saya tidak boleh jawab bagi pihak kementerian.

Saya hanya ada satu cadangan, Yang Berhormat, mengenai penggunaan kenderaan penjara, terima kasih atas perkara yang dibangkitkan, saya ingin nyatakan bahawa Jabatan Penjara sememangnya mengalami masalah kekurangan kenderaan dan oleh itu kenderaan tersebut digunakan secara guna sama. Penambahan kenderaan termasuklah untuk membawa kanak-kanak sekolah, iaitu anak-anak kakitangan, akan kita laksanakan secara berperingkat. Jabatan Penjara telah pun memohon melalui kementerian bagi memohon peruntukan pada tahun 2005 dan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk kita menambahkan lagi kenderaan seperti mana Yang Berhormat bangkitkan. Terima kasih di atas ingatan Yang Berhormat bangkitkan sebentar tadi.

Yang Berhormat bagi Pasir Puteh membangkitkan mengenai pembinaan penjara baru di Kelantan, seperti telah saya nyatakan bahawa di Machang kita akan membina sebuah penjara baru.

Yang Berhormat bagi Kelana Jaya membangkitkan isu di USJ8 yang saya sendiri telah turun dan saya akan siasat balik perkara ini sama ada projek tersebut akan diteruskan ataupun tidak. Saya akan mendapatkan maklumat daripada pihak logistik polis. Kalau Yang Berhormat kata hendak diteruskan, saya sendiri pun telah bercakap secara peribadi kepada Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Subang Jaya. Secara peribadi saya beri tahu bahawa polis tidak membenarkan ia dibuat, hanya saya tidak beri surat rasmi tetapi saya akan mengambil tindakan terhadap perkara Yang Berhormat bangkitkan sebentar tadi.

Mengenai masalah polis yang dibangkitkan itu tidak seimbang dari segi nisbah polis, kemudian kekurangan pegawai-pegawai polis, saya ingin nyatakan bahawa mengikut penduduk Malaysia sehingga suku tahun 2004, penduduk kita ialah seramai 25,450,000 orang. Jumlah ini dipercayai tidak mengambil kira jumlah pendatang asing yang dianggarkan berjumlah dua juta orang. Jumlah perjawatan pegawai beruniform PDRM berakhir pada 30.9.2004 ialah seramai 92,064 orang. Bagi maksud pencegahan jenayah ataupun penguatkuasaan ataupun yang terlibat dalam *law enforcement*, kiraan nisbah polis dan penduduk dibuat dengan menolak sejumlah jawatan yang secara praktiknya tidak menjalankan aktiviti pencegahan jenayah, ialah seramai 17,405 orang; kontigensi seramai 4,856 orang; jawatan tambah setara yang dipinjamkan kepada jabatan lain sebanyak enam orang; kadet PDRM di jabatan lain seramai 281 orang. Jadi jumlah anggota polis bagi yang terlibat di dalam *enforcement* ialah seramai 69,519 orang daripada 92,064 orang.

Kalau mengikut perangkaan ini, nisbah anggota polis penugasan yang terlibat dengan *enforcement* berbanding dengan penduduk ialah 1:396. Jika turut dicampur dengan anggaran pendatang asing, nisbah polis dengan penduduk ialah 1:354. Kita tidak nafikan bahawa ini secara purata tetapi kalau mengikut Interpol, seorang polis kena menjaga 250 orang. Dan kita juga tidak nafikan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kelana Jaya tadi, ketidakseimbangan polis juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kerana bila kita memberikan angka-angka ini, kita dapati pembangunan kawasan-kawasan perumahan begitu cepat, seperti di Hulu Langat yang dijadikan sebagai contoh.

Memang betul, Hulu Langat ini kalau tuan-tuan pergi, memang banyak projek perumahan yang dibangunkan begitu mendadak sedangkan persiapan polis untuk menambah logistik, menambah anggotanya memang agak terhad kerana daripada perangkaan polis, seperti pada tahun ini polis hanya mampu mengambil seramai 6,000 orang sahaja setahun. Apabila ditolak dengan polis yang pencen pada setiap tahun, polis yang bersara setiap tahun lebih kurang 2,500 orang, jadi setiap tahun kita boleh menambah polis lebih kurang 3,500 orang sahaja. Ini sudah tentu tidak mencukupi dengan bilangan penduduk di satu-satu tempat. Ada di tempat-tempat tertentu seperti di kawasan luar bandar, kita dapati memang wujud keadaan di mana nisbah satu polis menjaga satu orang pun ada di kawasan-kawasan tertentu.

Sebab itu dalam pengurusan polis kita sedang mengkaji untuk memperkecilkan kawasan-kawasan daerah polis ini seperti di PJ – sekarang ini ada Petaling Jaya yang mana kita akan pecahkan kepada Petaling Jaya Utara dan Petaling Jaya Selatan ataupun kita namakan Puchong ataupun Subang Jaya, belum tahu lagilah. Ahli Parlimen bagi Puchong tidak setuju hendak bagi nama “Subang Jaya”, dia kata bagi nama “Puchong”. Ini tidak kiralah tetapi kita akan pecahkan pentadbiran. Begitu juga di Johor Bahru, kita akan pecahkan kepada dua – Johor Bahru Utara dan Johor Bahru Selatan; di Klang juga kita akan pecahkan. Semua ini merupakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak polis untuk kita melicinkan lagi pentadbiran kita untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kepong dengan Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kepong ada lagi? Masa sudah tidak ada ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jerai dahulu, Kepong tidak apa, dia sudah terkepung.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tidak apa, kita bagi Kepong.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apa, fasal dia *senior*, okay.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, untuk makluman, saya memang perlu menggunakan kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat yang

dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur kerana masih ada perkara yang perlu saya selesaikan. Jadi saya minta kalau boleh secara ringkas.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, secara ringkas sahaja tetapi mengikut anggaran pihak kementerian Yang Berhormat, tahun hadapan akan dilatih tujuh ribu anggota. Kalau mengikut angka yang diberi tadi, tidak mustahil tujuh ribu dan ditambah pula setakat manakah kita berjaya untuk menunaikan janji, mengotakan janji oleh Yang Amat Berhormat, 21 ribu anggota akan ditambah. Ini memang perlu kerana kita boleh tengok di MRR2 Kepong pun kenderaan berat pun boleh melanggar dan masuk ke jejambat tersebut. Ini bermakna bilangan polis tidak cukup. Tidak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagaimana kita dapat mengotakan 21 ribu yang dijanjikan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, Yang Berhormat, bukan 21 ribu Yang Berhormat, 23 ribu Yang Berhormat. Daripada kajian yang dibuat oleh PDRM, kita memerlukan penambahan sebanyak 23,479 perjawatan pegawai beruniform. Jadi, kita telah pun menghantar permohonan ini kepada JPA dan JPA telah pun meluluskan peruntukan ini iaitu sehingga tahun 2004, penama perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA adalah sebanyak 4,784 ertinya kita akan menambah secara berperingkat.

Jadi, sebab itu saya nyatakan tadi, kita kena latih pegawai dan polis kita dengan keanggotaan yang terhad. Kita tidak boleh oleh kerana kita hendak tunaikan janji kita, kita akan latih pegawai polis yang kurang terlatih sebab pusat latihan kita juga terhad dan kita memerlukan mental dan fizikal yang betul-betul mantap sebelum menjadi pegawai polis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *Last*, Yang Berhormat, saya bagi *last*, saya bagi ini, selepas itu sudah tidak bolehlah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *Last, last, last!*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *Okay, last!*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Tadi Timbalan Menteri bercakap fasal PJ Selatan, Timur, Johor, Selatan, Timur. Jerai ini macam mana Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, ini boleh jawab secara bertulis.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Bukan, Jerai ini kawasan satu Parlimen tetapi berada di bawah dua polis daerah iaitu Polis Daerah Yan dan Polis Daerah Sungai Petani atau Kuala Muda. Satu.

Yang keduanya, ini khusus, mungkin Yang Berhormat dan pegawai boleh tengok bilakah Pejabat Polis Daerah Yan ini akan disiapkan kerana pasukan polis di daerah Yan ini hidup di merata tempat, pejabat tidak tentu hala. Jadi macam mana depa hendak menjalankan tugas?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat. Cukuplah, cukuplah!

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi....

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, saya cadangkan masa dipanjangkan oleh kerana masa sudah suntuk...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Bagilah Yang Berhormat jawab...

Tuan Lim Kit Siang: Saya ada kemukakan usul-usul *corruption* dalam *exercise* kenaikan pangkat, masalah yang besar, itu isu yang baru, mungkin boleh jawapan bertulis. Di harap perkara yang saya bangkitkan boleh dijawab.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat..

Tuan Lim Kit Siang: Nanti orang kata takut untuk menjawab, itu pun tidak payah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Itu sambungan daripada Yang Berhormat tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai, cukup, cukup!

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yang Berhormat, ini masalah dengan pembangkang. Sabarlah! Yang Berhormat cakap hendak nombor 12, saya baru cakap dengan orang yang kesebelas. Tunggu! Selepas ini masuklah dengan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, baiklah, cukup, cukup! Yang Berhormat, tadi saya sudah hadkan masa dan sebenarnya selepas jawapan Yang Berhormat, kita ada urusan mengenai perkara yang lain.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya akan jawab..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Untuk memastikan kita dapat selesaikan Rang Undang-undang Perbekalan 2005 ini, 15 minit saya takut tidak cukup. Jadi tolonglah ringkaskan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur, saya akan jawab. Ini memang sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jawablah, jawablah, teruskan jawapan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Okay, dua isu lagi Yang Berhormat. Yang pertama, yang kedua akhir iaitu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ketereh. Saya bersetuju persepsi terhadap polis kita kena perbetulkan. Tetapi masalah yang kita hadapi ialah kadang-kadang "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga". Ini masalah yang kita hadapi. Apa juga jasa yang dibuat oleh polis, tetapi oleh kerana dua, tiga orang polis mungkin buat salah, itulah yang digembar-gemburkan terutamanya oleh pembangkang. Bila dapat salah polis seorang, itulah yang hendak diperbesarkan.

Jadi saya sendiri percaya, hanya polis sendiri yang boleh memulihkan imej polis, bukannya orang lain. Sebab itu kita minta supaya polis boleh bertindak tegas, kalau orang bagi rasuah jangan ambil, tangkap orang yang hendak bagi rasuah itu. Kalau ini boleh dibuat oleh polis, maka imej rasuah ini boleh kita hapuskan di kalangan polis.

Yang akhir sekali ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timur iaitu berkenaan dengan kenaikan pangkat. Saya hendak nyatakan bahawa kenaikan pangkat di dalam PDRM tidak mengikut kaum. Kita berdasarkan kepada prestasi dan juga berdasarkan kepada merit. Soal badan lembaga *interview* yang ditubuhkan oleh PDRM itu adalah badan-badan yang telah pun dikaji. Yang Berhormat bangkitkan, dia ini trafik, bahagian jenayah, memanglah sebab kalau kata dia sekarang ini Chief Inspector, bila dia naik pangkat jadi ASP, tidak semestinya dia akan jaga trafik, dia akan jaga jenayah, mungkin dia akan ditugaskan di Bahagian Narkotik, mungkin ditukarkan ke Bahagian Logistik. Jadi sudah tentulah, kalau pemikiran dia trafik, tahu undang-undang trafik sahaja, tentulah tidak layak hendak naik pangkat. Takkan dia sampai pencen hendak jaga trafik? Jadi bila berlakunya kenaikan pangkat,

tentu akan berlaku perubahan tempat mereka belajar. Jadi, sebab itu polis kena ada *knowledge*, dia mesti kena membaca.

Jadi, Yang Berhormat bangkitkan bilangan bukan Melayu. Saya hendak nyatakan, memang tetapi Yang Berhormat kena tengok *ratio* bilangan bukan Melayu di dalam polis. Sebagai pangkat Senior Assistant Commissioner 2 (SAC 2),; Cina ada tiga orang, India ada seorang. Yang ada kelulusan LL.B ada dua orang. Kemudian, SAC 1; Melayu ada 23, Cina ada satu dan India tidak ada. Daripada ACP; Cina ada tujuh, India ada lima, dan lain-lain ada enam orang. Begitu juga dari jawatan-jawatan yang lain. Tetapi Yang Berhormat kena lihat bahawa *portion* jumlah kalau kata SAC 2 ini ada tiga orang Cina, kita kena bandingkan berapa ramai anggota Cina di dalam pasukan polis. Sudah tentu bilangan dan peratusnya rasanya lebih tinggi daripada kadar yang sebenarnya.

Tuan Lim Kit Siang: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya? Bilangan macam mana Yang Berhormat hendak? Yang Berhormat hendak bilangan macam mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ya, oleh kerana Yang Berhormat hendak *detail*, saya akan bagi secara terperinci. Jadi, sekarang saya tidak boleh bagi, saya akan bagi nanti dengan Yang Berhormat. Cina kena *compare* dengan Cina, tidak boleh *compare* dengan orang Melayu sebab Melayu lebih ramai di dalam pasukan PDRM.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh ya?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, mana-mana jawapan yang saya mungkin tidak sempat...

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini yang merosakkan imej polis, perangai macam inilah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah, okayla, tutup.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Ini yang dok polis buat teruk, dia dok kata salah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Kita tubuh lembaga disiplin, kita naikkan pangkat, pun salah lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, baiklah, cukuplah.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Jadi, saya hendak gulung.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Yalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Itulah, perangai-perangai macam inilah yang merosakkan imej polis ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab itu, Tuan Pengerusi, saya bagi nanti, Yang Berhormat baca sendiri. Jadi, saya minta maaf kepada mana-mana Ahli Yang Berhormat, yang mungkin saya tidak dapat sentuh satu persatu dan saya percaya pegawai-pegawai KKDN telah mengambil nota dengan perkara-perkara yang dibangkitkan, kita akan mengambil tindakan segala pandangan yang diberikan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM3,916,328,800 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM3,916,328,800 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM567,353,300 untuk Maksud P. 62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM567,353,300 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2005.

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Perbekalan 2005 dan Usul Anggaran Pembangunan 2005 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2005 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih Ringgit Malaysia dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus **(RM28,303,894,600)** dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih Ringgit Malaysia dua puluh lapan bilion tiga ratus tiga juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu enam ratus **(RM28,303,894,600)** dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2005, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 39 Tahun 2004 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sekarang sudah dekat jam 5.45 petang. Jadi, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini saya tangguhkan Dewan yang mulia ini dan Dewan akan bersidang semula pada jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.45 petang.